05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

FAKTOR PENGLIBATAN DAN PENOLAKAN ROKOK, DADAH, ALKOHOL DAN TINGKAH LAKU SEKSUAL DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT

SITHTHIRA THEVI A/P IYAVOO

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN) MOD PENYELIDIKAN

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji faktor penglibatan dan penolakan penggunaan rokok, dadah dan alkohol serta tingkah laku seksual dalam kalangan pelajar. Populasi kajian merupakan pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah menengah harian di Negeri Sembilan. Kajian tinjauan ini menggunakan kaedah soal selidik dan temubual semi-struktur dalam mendapatkan data daripada sampel kajian. Sejumlah 260 orang pelajar telah terlibat dalam kajian ini dan dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 68.5% responden terlibat dengan sekurang-kurangnya salah satu kes yang dikaji. Penglibatan dengan tingkah laku seksual mencatat peratusan yang tertinggi terutamanya dalam kalangan responden perempuan. Tiada responden yang mengaku terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Punca yang paling kerap dinyatakan bagi tingkah laku merokok dan tingkah laku seksual ialah perasaan ingin tahu. Bagi pengambilan alkohol pula disebabkan ritual dan tradisi. Responden yang menolak penglibatan dalam sebarang salah laku pula menyatakan bahawa puncanya kerana ia tidak baik untuk kesihatan, ditakuti mendapat penyakit, larangan keluarga dan pandangan masyarakat. Kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar cenderung terlibat dalam salah laku kerana perasaan ingin tahu manakala pelajar menolak salah laku ini kerana kesedaran diri masing-masing. Beberapa saranan telah dikemukakan bagi golongan penyelidik, pembuat dasar, pihak sekolah dan kaunselor sekolah. Kajian ini memberi implikasi bahawa masalah berkaitan salah laku seks seperti kehamilan luar nikah, pembuangan bayi dan penyakit kelamin mungkin akan meningkat pada masa hadapan selaras dengan peratusan ketinggian penglibatan pelajar dalam kes ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

FACTORS OF INVOLVEMENT AND AGAINST CIGARETTE, DRUGS, ALCOHOL AND SEXUAL BEHAVIOUR AMONG FORM FOUR STUDENTS

ABSTRACT

The purpose of this research is to study the factors that lead towards and against substance abuse such as cigarettes, drugs, alcohol and sexual behaviour among students. The research population was the form four students of a secondary school in Negeri Sembilan. This is a survey research. A total of 260 students were involved in this research and were sampled through purposive sampling method. The data analysis showed that 68.5% of the respondents were involved in at least one of the problems being studied. The analysis showed that the highest number of female respondents was involved with sexual behaviours. No respondents reported involvement in drugs. The most common justification given for being involve in smoking and sexual behaviours was curiosity. Whereas ritual and traditional practices was associated mainly with alcohol consumption. Respondents who choose not to be involved in both substance abuse and sexual behaviour gave justification for their decision such as bad health implication, fear of diseases, family values and social norms. The conclusion of this research is the indicator that students tend to accept substance abuse and sexual behaviours due to curiosity. On the other hand, the same population rejects substance abuse and sexual behaviours because of their self-realization. Recommendations have been made for future researchers, policy-makers, school administrators and school counsellors.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pengenalan		1
1.2	Latar Belakang Kajian		2
1.3	Pernyataan Masalah Kajian		4
1.4	Tujuan Kajian		10
1.5	Objektif Kajian		10
1.6	Soalan Kajian		13
1.7	Kepentingan Kajian		15
1.8	Definisi Konsep dan Operasi		17
	1.8.1	Remaja	17
	1.8.2	Rokok	18
	1.8.3	Dadah	18
	1.8.4	Alkohol	19
	1.8.5	Tingkah Laku Seksual	19
1.9	Pendekatan Teori		20
	1.9.1	Teori Perkembangan Psikososial	20
	1.9.2	Teori Pembelajaran Sosial	25
	1.9.3	Teori Rasional Emotif Tingkah Laku	26
	1.9.4	Teori Elkind	30
	1.9.5	Teori Perkembangan Piaget	33

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Kerangka Konseptual 35
1.11 Kesimpulan 36

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 37
2.2 Pemahaman Diri, Identiti dan Emosi Remaja 38
2.2.1 Pemahaman Diri 38
2.2.2 Identiti Remaja 42
2.2.3 Emosi Remaja 45
2.3 Nilai, Agama dan Spiritual 46
2.4 Peranan Ibu Bapa Sebagai Pengurus Remaja 49
2.5 Persahabatan 51
2.6 Remaja dan Salah Laku 54
2.7 Rokok 59
2.8 Dadah 63
2.9 Alkohol 67
2.10 Tingkah Laku Seksual 71
2.11 Faktor-faktor Remaja Terlibat Dengan Salah Laku 77
2.12 Kesimpulan 80

BAB 3 KAEDAH KAJIAN

3.1 Pengenalan 82
3.2 Kaedah Kajian 82
3.3 Populasi dan Sampel 84
3.4 Prosedur Kajian 86
3.5 Kajian Rintis 88
3.6 Alat Kajian 90
3.6.1 Soal Selidik Kajian 90
3.6.2 Temu Bual Semi-struktur 97
3.7 Analisis Data 97
3.8 Kesimpulan 99

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan		100
4.2	Profil Responden		101
4.3	Pola Umum Penglibatan Responden dengan Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual		103
	4.3.1	Status Penglibatan Responden dengan Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual Mengikut Jantina dan Keturunan	103
	4.3.2	Taburan Penglibatan Responden dengan Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual mengikut Jantina dan Keturunan	105
	4.3.3	Faktor Responden Terlibat Dengan Rokok, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual Secara Umum	107
	4.3.4	Faktor Responden Tidak Terlibat Dengan Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual Secara Umum	108
4.4	Dapatan berkaitan Kes Rokok		109
	4.4.1	Penglibatan Responden Dengan Rokok	110
	4.4.2	Faktor Penglibatan Responden Dengan Rokok dan Keturunan	111
	4.4.3	Faktor Responden Tidak Terlibat Dengan Rokok	114
	4.4.4	Umur Responden Mula Rokok	116
	4.4.5	Bilangan Rokok Yang Dihisap	117
	4.4.6	Sumber Kewangan Bagi Membeli Rokok	119
	4.4.7	Faktor Ingin Berhenti Merokok	121
4.5	Dapatan berkaitan Kes Dadah		123
	4.5.1	Faktor Responden Tidak Terlibat Dengan Dadah	123
4.6	Dapatan berkaitan Kes Alkohol		125
	4.6.1	Penglibatan Responden Dengan Alkohol	125
	4.6.2	Faktor Penglibatan Responden Dengan Alkohol	127
	4.6.3	Faktor Responden Tidak Terlibat Dengan Alkohol	129
	4.6.4	Umur Responden Mula Mengambil Alkohol	131
	4.6.5	Jenis Alkohol yang Pernah Diambil	132
	4.6.6	Sumber Kewangan Bagi Membeli Alkohol	134
	4.6.7	Faktor Ingin Berhenti Mengambil Alkohol	135
4.7	Dapatan berkaitan Kes Tingkah Laku Seksual		138
	4.7.1	Penglibatan Responden Dengan Tingkah Laku Seksual	138

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	4.7.2	Faktor Penglibatan Responden Dengan Tingkah laku seksual	139
	4.7.3	Faktor Responden Tidak Terlibat Dengan Tingkah laku seksual	141
	4.7.4	Umur Responden Mula Terlibat Dengan Tingkah laku seksual	143
	4.7.5	Jenis Tingkah Laku Seksual	145
	4.7.6	Pemilihan Penggunaan Perlindungan Ketika Aktiviti Seksual	146
	4.7.7	Sumber Kewangan Bagi Aktiviti Seksual	148
	4.7.8	Faktor Ingin Berhenti Terlibat Dengan Tingkah Laku Seksual	149
4.8	Kesimpulan		152

BAB 5 PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan		153
5.2	Pola Umum Penglibatan Responden dengan Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual		154
	5.2.1	Status Penglibatan Responden dengan Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual mengikut Jantina dan Keturunan	154
	5.2.2	Faktor Responden Terlibat Dengan Rokok, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual Secara Umum	156
	5.2.3	Faktor Responden Tidak Terlibat Dengan Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual Secara Umum	157
5.3	Perbincangan Tentang Tingkah Laku Merokok		158
	5.3.1	Penglibatan Responden Dengan Rokok	158
	5.3.2	Faktor Penglibatan Responden Dengan Rokok	160
	5.3.3	Umur Responden Ketika Mula Merokok	164
	5.3.4	Bilangan Rokok Yang Dihisap Sehari	165
	5.3.5	Sumber Kewangan	166
	5.3.6	Faktor Ingin Berhenti Merokok.	168
5.4	Perbincangan Tentang Tingkah Laku Pengambilan Dadah		169
	5.4.1	Faktor Responden Tidak Terlibat Dengan Dadah	169
5.5	Perbincangan Tentang Tingkah Laku Pengambilan Alkohol		171
	5.5.1	Penglibatan Responden Dengan Alkohol	171
	5.5.2	Faktor Penglibatan Responden Dengan Alkohol	172

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	5.5.3	Faktor Responden Tidak Terlibat Dengan Alkohol	175
	5.5.4	Umur Responden Ketika Mula Alkohol	179
	5.5.5	Sumber Kewangan Bagi Membeli Alkohol	180
	5.5.6	Faktor Ingin Berhenti Mengambil Alkohol	181
5.6	Perbincangan Tentang Tingkah Laku Seksual		183
	5.6.1	Penglibatan Responden Dengan Tingkah Laku Seksual	184
	5.6.2	Faktor Penglibatan Responden Dengan Tingkah Laku Seksual	184
	5.6.3	Faktor Responden Tidak Terlibat Dengan Tingkah Laku Seksual	187
	5.6.4	Umur Responden Ketika Mula Tingkah Laku Seksual	190
	5.6.5	Jenis Tingkah Laku Seksual	191
5.7	Kesimpulan Faktor Penerimaan dan Penolakan Penggunaan Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual		194
	5.7.1	Kesimpulan FaktorPenerimaan Tingkah Laku Merokok, Pengambilan Alkohol dan Tingkah Laku Seksual	194
		5.7.1.1 Perasaan Ingin Tahu	195
		5.7.1.2 Ritual atau Tradisi	197
		5.7.1.3 Tekanan	199
		5.7.1.4 Keluarga	201
		5.7.1.5 Desakan Rakan, Teman Wanita / Teman Lelaki	202
	5.7.2	Kesimpulan FaktorPenolakan Tingkah Laku Merokok, Pengambilan Alkohol dan Tingkah Laku Seksual	205
		5.7.2.1 Implikasi Negatif Terhadap Kesihatan	205
		5.7.2.2 Perlakuan Tidak Baik di Mata Masyarakat	207
		5.7.2.3 Larangan Keluarga	209
5.8	Ringkasan Kajian		211
5.9	Implikasi Kajian		213
5.10	Saranan Kajian		217
5.11	Batasan dan Kelemahan Kajian		219
5.12	Kesimpulan		220
RUJUKAN			221
LAMPIRAN			-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		MukaSurat
1.1	Faktor pendorong dan penolak penggunaan bahan dan tingkah laku seksual dalam kalangan remaja Afrika Selatan Patrick et. al (2010).	8
1.2	Peringkat Perkembangan Psikososial Erik Erikson	21
4.1	Profil responden	102
4.2	Status penglibatan responden dengan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual mengikut jantina dan keturunan	105
4.3	Taburan penglibatan responden dengan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual mengikut jantina dan keturunan	106
4.4	Tiga faktor paling utama responden terlibat dengan rokok, alkohol dan tingkah laku seksual	108
4.5	Tiga faktor paling utama responden tidak terlibat dengan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual	109
4.6	Penglibatan responden dengan rokok	111
4.7	Faktor penglibatan responden dengan rokok	112
4.8	Faktor responden tidak terlibat dengan rokok	114
4.9	Umur responden mula merokok	116
4.10	Bilangan rokok yang dihisap	118
4.11	Sumber kewangan bagi membeli rokok	119
4.12	Faktor responden ingin berhenti merokok	121
4.13	Faktor responden tidak ingin berhenti merokok	122
4.14	Faktor responden tidak terlibat dengan dadah	124
4.15	Penglibatan responden dengan alkohol	127
4.16	Faktor penglibatan responden dengan alkohol	128

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.17	Faktor responden tidak terlibat dengan rokok	130
4.18	Umur responden mula mengambil alkohol	132
4.19	Jenis alkohol yang pernah diambil	133
4.20	Sumber kewangan bagi membeli alkohol	134
4.21	Faktor responden ingin berhenti mengambil alkohol	136
4.22	Faktor responden tidak ingin berhenti mengambil alkohol	136
4.23	Penglibatan responden dengan tingkah laku seksual	139
4.24	Faktor penglibatan responden dengan tingkah laku seksual	140
4.25	Faktor responden tidak terlibat dengan tingkah laku seksual	142
4.26	Umur responden mula metingkah laku seksual	144
4.27	Jenis tingkah laku seksual	145
4.28	Pemilihan perlindungan ketika aktiviti sseksual	146
4.29	Sumber kewangan bagi aktiviti seksual	148
4.30	Faktor responden ingin berhenti terlibat dengan tingkah laku seksual	149
4.31	Faktor responden tidak ingin berhenti terlibat dengan tingkah laku seksual	150

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		MukaSurat
1.1	Model ABC Teori Rasional Emotif Tingkah Laku	29
1.2	Kerangka konseptual diadaptasi daripada Buletin Dadah (2012); Nasrudin et. al., (2012); Zainuddin & Ahmad (2010); Perangkaan Sosial Terpilih (2010); Ardiah, Salamatussaadah (2010); Patrick et. al (2010); Jorn (2009); Zaidah & Rokiah (2009) dan Roslee & Mohamed (2006).	35

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

AIDS	*Acquired Immune Deficiency Syndrome*
GSHS	*Global School-based Sstudent Health Survey*
HIV	*Human Immunodeficiency Virus*
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IQ	Intelligence Quotient
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
MDMA	Methylenedioxymethamphetamine
PKMD	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah
RETL	Rasional Emotif Tingkah Laku
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
WHO	*World Health Organisation*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Instrumen Soal Selidik Kajian
B	Instrumen Temu Bual Semi-Struktur
C	Transkrip Temu Bual Responden

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pengenalan

Dalam bab ini, latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, persoalan kajian, definisi istilah-istilah utama, pendekatan teori dan kepentingan kajian akan dibincangkan. Latar belakang kajian akan menerangkan perkara-perkara yang menjadi asas kajian ini seperti punca-punca penerimaan dan penolakan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual. Objektif kajian akan dinyatakan dalam subtopik tujuan kajian manakala subtopik persoalan kajian akan menerangkan tentang persoalan-persoalan yang akan cuba dijawab melalui kajian ini. Maksud istilah-istilah utama secara koseptual dan operasional seperti remaja, rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual akan diberikan dalam subtopik definisi. Dalam subtopik pendekatan teori pula, pandangan teori tentang remaja dan tingkah laku mereka akan dibincangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori juga akan digunakan bagi menerangkan faktor-faktor yang mengakibatkan tingkah laku remaja. Manfaat daripada dapatan kajian ini kepada ibu bapa, remaja, kaunselor, pihak sekolah, komuniti, pihak yang membuat dasar-dasar utama negara dan pengkaji lain akan dibincangkan dalam subtopik terakhir iaitu kepentingan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Profil demografi Malaysia menunjukkan bahawa populasi remaja yang berumur 10-19 tahun mencecah satu perlima daripada jumlah populasi Malaysia (WHO, 2007). Secara faktanya, remaja yang sihat merupakan teras dan satu pelaburan sosial dan perkembangan ekonomi tetapi fasa remaja sangat mencabar dan pelbagai masalah yang major timbul kerana perubahan yang signifikan secara biologi dan sosial berlaku. Hal ini menyebabkan remaja berhadapan dengan halangan dalam menyesuaikan diri dengan situasi baharu dan masalah sosial berkaitan tingkah laku, gaya hidup atau seksualiti. Kehamilan, lari dari rumah, dadah, rokok, delikuensi serta penggunaan bahan adalah antara masalah yang sering berlaku dalam kalangan remaja (United Nations, 2002).

"Tidak terkawal" merupakan satu terma yang digunakan bagi mengklasifikasi remaja yang dirujuk ke mana-mana pejabat kebajikan masyarakat daerah (PKMD) bagi tujuan pemulihan melalui intervensi kaunseling atau memasukkan remaja tersebut ke institusi pemulihan yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Merujuk kepada Manual Prosedur Kerja JKM, Bahagian perkhidmatan Luar (Jilid 1), "tidak terkawal" adalah tingkah laku negatif yang menyebabkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ibu/bapa/penjaga tidak dapat menjalankan kawalan yang sepenuhnya ke atas kanak-kanak tersebut. Ianya boleh menjadi kes yang membabitkan pelanggaran undang-undang atau pun tidak membabitkan undang-undang tetapi melampaui batasan masyarakat dan agama. Remaja yang berumur bawah 18 tahun diklasifikasi sebagai kanak-kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001. Intervensi ini dilaksanakan berpandukan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611). Kanak-kanak yang tidak terkawal dihadapkan ke mahkamah bagi dimasukkan ke institusi pemulihan manakala kanak-kanak yang terlibat dengan kesalahan seperti bersabit dengan mencuri, bersabit dengan orang, kesalahan bersabit seks, melanggar ordinan tahanan, judi, melanggar undang-undang kecil perbandaran, lalu-lintas, tidak terkawal dan lain-lain dihadapkan ke mahkamah bagi hukuman atau perintah pemulihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun terdapat pelbagai langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi membendung dan mengatasi masalah-masalah sosial dalam kalangan remaja (Buletin Dadah, 2012; Mahyuddin & Azizah; Roslee & Mohamed, 2006), namun statistik-statistik kajian hanya menunjukkan peningkatan (The Star, 2013; Buletin Dadah, 2012; WHO, 2007) penglibatan remaja dalam gejala-gejala seperti merokok, penyalahgunaan dadah, pengambilan alkohol dan tingkah laku seksual. Fenomena salah laku dalam kalangan pelajar sekolah bukannya isu baharu dan bermula dengan kegiatan seperti ponteng sekolah, pergaduhan, dan buli, kemudian telah membawa kepada masalah yang lebih serius seperti seks bebas, dadah, alkohol. Isu-isu ini menuntut kawalan dan penyelesaian oleh keluarga, sekolah dan kerajaan. Perkara ini bukan sahaja memberi kesan negatif kepada prestasi akademik pelajar tetapi turut menjadi halangan kepada hasrat kerajaan bagi membentuk modal insan yang mempunyai jati diri unggul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Terdapat banyak kajian yang telah mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan remaja terlibat dengan gejala seperti merokok, menyalahguna dadah, alkohol dan tingkah laku seksual. Namun, kebanyakan kajian lebih fokus kepada mencari punca penyebab remaja terlibat dengan gejala yang tidak sihat dan mengaitkannya dengan dapatan kajian bagi memahami kewajaran di sebalik keputusan remaja tersebut. Hasil kajian menunjukkan satu corak faktor yang agak boleh dijangka dan ini dikaji di pelbagai lokasi menggunakan populasi remaja yang berbeza.

Bagi isu merokok, kajian-kajian yang telah dijalankan setakat ini menunjukkan terdapat tiga faktor utama iaitu faktor persekitaran, faktor keluarga dan faktor rakan sebaya (Zainuddin & Ahmad, 2010; Roslee & Mohamed, 2006). Faktor persekitaran adalah seperti mudah mendapatkan rokok dan penjual rokok yang tidak melarang pembelian rokok oleh individu berumur bawah 18 tahun. Faktor keluarga pula adalah seperti ahli keluarga yang merokok dan tiada kawalan ke atas tingkah laku remaja. Manakala faktor rakan sebaya pula merangkumi tekanan/pujukan rakan sebaya untuk merokok dan agar diri diterima kumpulan rakan. Lagi satu faktor yang muncul selepas remaja mula merokok adalah faktor ketagihan. Faktor ketagihan menjurus kepada risiko kebergantungan yang mempengaruhi seseorang untuk terus merokok dan ini berkemungkinan menyumbang kepada penagihan bahan (Roslee & Mohamed, 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi isu penyalahgunaan dadah pula, kajian-kajian yang dijalankan serta kompilasi statistik menunjukkan terdapatnya tiga faktor utama, iaitu faktor rakan sebaya, keluarga dan diri. Faktor-faktor yang mendorong individu bagi menggunakan dadah terbahagi kepada tiga, iaitu rakan, keluarga dan diri. Faktor rakan adalah seperti pengaruh kawan, pelawaan kawan dan untuk diterima dalam kumpulan rakan. Faktor keluarga adalah seperti ibu bapa yang sering bergaduh, keadaan rumah yang tidak tenteram, keluarga mementingkan kekayaan dan ahli keluarga yang mengambil dadah. Faktor diri pula untuk keseronokan, perasaan ingin tahu, tekanan jiwa, rangsangan, tahan sakit, secara tidak sengaja dan mengurangkan tekanan masalah (Buletin Dadah, 2012; Perangkaan Sosial Terpilih, 2010; Mahyuddin & Azizah, 2008).

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Pengambilan alkohol, walaupun tidak dikaji secara intensif oleh pengkaji tempatan, telah mula mendapat perhatian apabila statistik terbaharu menunjukkan bahawa penglibatan remaja agak tinggi. Mengikut statistik terkini, 8.5% remaja Malaysia yang berumur bawah 18 tahun didapati telah mengambil alkohol tahun lepas. Satu kajian Kementerian Kesihatan menganggarkan bahawa 6.9% warga Malaysia yang berumur antara 15 dan 19 tahun merupakan "peminum" alkohol dan 1.6% remaja berumur antara 13 – 14 tahun pernah menambil alkohol (The Star, 2013). Pengambilan minuman keras dalam kalangan remaja dipengaruhi oleh faktor sikap dan persekitaran sosial. Sikap meliputi sikap ritual, kemeriahan (*convivial*) dan utilitarian. Faktor persekitaran sosial pula adalah hasutan (*incitement*) yang meliputi kebenaran minum tidak kira usia sewaktu pesta dan ritual budaya, dorongan rakan sebaya, daya beli remaja dan identiti kelelakian; faktor ketersediaan (*availability*) pula meliputi keadaan mudah mendapat minuman keras di pesta, di kedai runcit, di rumah-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rumah pengusaha dan restoran; dan faktor contoh (*example*) iaitu contoh yang mudah diikuti daripada amalan rakan sebaya, ahli masyarakat dan iklan (Ardiah, Zaidah & Rokiah, 2009).

Masalah seksual menjadi semakin serius dan membimbangkan apabila kajian menunjukkan remaja terlibat dengan salah laku seksual seawal usia 11 tahun. Terdapat beberapa jenis tingkah laku seksual seperti seks oral, seks anal dan seks vagina. Faktor-faktor remaja terlibat dengan tingkah laku seksual adalah untuk mendapatkan keperluan cinta, kasih sayang, perhatian dan keseronokkan daripada pasangan mereka. Faktor persekitaran pula adalah seperti pengaruh tempat tinggal, pengaruh rakan dan pendedahan kepada aktiviti seksual melalui internet. Terdapat juga remaja yang melakukan hubungan seksual sebagai sumber kewangan. Apabila mereka mendapat keseronokan daripada aktiviti seksual yang dilakukan, ada di antara remaja mula mengalami ketagihanan seks yang serius (Nasrudin et al.., 2012; Salamatussaadah, 2010; Bonnie et al., 2005).

Secara kesimpulan, terdapat sekurang-kurangnya tiga faktor yang telah dikenal pasti sebagai motif utama remaja terlibat dengan gejala seperti merokok, menyalahguna dadah, mengambil alkohol dan tingkah laku seksual. Dapatan kajian-kajian ini telah digunakan bagi mengambil langkah mengawal dan merawat pada pelbagai tahap seperti sekolah, komuniti dan kebangsaan. Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji dalam negara dan luar negara bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong remaja terlibat dengan gejala seperti merokok, menyalahguna dadah, alkohol dan tingkah laku seksual. Kajian-kajian tersebut lebih menitik beratkan pengenalpastian punca masalah bagi mencadangkan pelan rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun, terdapat satu perkara yang tidak dikaji oleh mana-mana pengkaji tempatan yang sebenarnya boleh digunakan bagi merangka langkah pencegahan yang berkesan. Memang tidak dinafikan bahawa ramai remaja yang terlibat dengan gejala-gejala yang dinyatakan di atas tetapi masih terdapat ramai lagi yang tidak terlibat dengan gejala-gejala tersebut. Populasi remaja yang terlibat lebih mendapat perhatian manakala populasi remaja yang tidak terlibat telah diketepikan. Perkara ini tidak dikaji secara mendalam.

Populasi remaja yang tidak terlibat dengan gejala negatif ini mempunyai maklumat yang bernilai dalam memahami rasional di sebalik keputusan remaja untuk tidak terlibat dengan gejala negatif walaupun ramai rakan atau orang di sekeliling telah terlibat. Perkara ini memang tidak pernah dikaji setakat ini di Malaysia. Satu-satunya kajian yang dijadikan contoh bagi asas kajian ini adalah kajian Patrick et al. (2010).

Patrick et al., (2010) telah mengkaji motif di sebalik penerimaan dan penolakan penggunaan bahan dan tingkah laku seksual dalam kalangan remaja Afrika Selatan. Kumpulan Patrick telah mengkaji kedua-duanya, iaitu faktor yang mendorong dan juga faktor yang menolak. Menurut kajian ini, faktor yang mendorong penggunaan bahan dan tingkah laku seksual adalah penambahbaikan, sebagai cara melepaskan diri daripada situasi negatif, hubungan sosial dan pengalaman sosial yang buruk. Faktor yang menolak penggunaan bahan dan tingkah laku seksual pula adalah faktor fizikal dan tingkah laku, etika, larangan sosial dan aktiviti atau perancangan masa depan. Jadual 1.1 di bawah menjelaskan dapatan kajian Patrick et al. (2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1

Faktor pendorong dan penolak penggunaan bahan dan tingkah laku seksual dalam kalangan remaja Afrika Selatan Patrick et al. (2010)

	Faktor pendorong	Faktor penolak
Penggunaan bahan dan tingkah laku seksual	• penambahbaikan: memberikan perasaan gembira, mengelakkan tidur, memberikan tenaga, memberikan keberanian untuk melakukan atau menyatakan apa sahaja. • melepaskan diri daripada situasi negatif: mengatasi perasaan rendah diri, bosan, tertekan, menjadikan diri lebih tenang, yakin, mendapat perhatian. • hubungan sosial: menjadi lebih peramah, dianggap 'macho', mendapat lebih ramai kawan, menjadi sebahagian daripada kumpulan rakan sebaya. • pengalaman sosial yang buruk: takut tidak diterima oleh rakan atau keluarga.	• fizikal dan tingkah laku: tidak mahu mendapat penyakit, mahu menjaga penampilan. • larangan sosial: pandangan negatif terhadap mereka yang terlibat dengan dadah, peraturan keluarga dan komuniti. • aktiviti dan perancangan masa depan: perancangan masa depan dan ingin menjadi seorang individu yang berjaya. • etika: tahu betul dan salah, agama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Boleh disimpulkan bahawa tiada kajian sebegini di Malaysia dan khusus lagi di Negeri Sembilan. Oleh itu, kajian ini merupakan kajian yang bertitik tolak daripada dapatan kajian Patrick tetapi disesuaikan bagi konteks dan keperluan Malaysia. Pengkaji ingin mengkaji secara mendalam motif di sebalik remaja menerima dan menolak keterlibatan dengan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual. Kajian ini mampu memberikan sumbangan kepada literatur dalam tiga cara. Pertama, kebanyakan kajian yang menjelaskan tentang faktor yang mendorong penglibatan remaja dengan penyalahgunaan bahan dan tingkah laku seksual adalah berdasarkan data tinjauan dan analisis kualitatif. Walaupun memberikan maklumat yang berguna, data tinjauan mengehadkan kebolehan responden untuk melaporkan motif yang paling utama kepada mereka. Kedua, kajian ini akan melaporkan secara mendalam sebab mengapa remaja mengelak daripada terlibat dengan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual. Hal ini adalah sesuatu yang kurang dikaji dan tidak mendapat perhatian yang sewajarnya berbanding faktor yang mendorong perlakuan ini. Ketiga, faktor-faktor ini akan dikaji dalam konteks Malaysia dan secara lebih spesifik, Negeri Sembilan berdasarkan kajian seumpama yang kebanyakannya dijalankan di luar Negara seperti Amerika dan Afrika yang mana kesan negatif dan tingkah laku berisiko adalah prevalen. Literatur konseptual dan empirikal yang sedia ada akan menjadi permulaan kepada mengkaji motif baharu atau bertentangan dengan sampel remaja Afrika Selatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pastimotivasi penerimaan dan penolakanremajaterhadap penggunaan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual. Kajian ini dijalankan secara mendalam bagi memahami rasional di sebalik keputusan remaja bagi terlibat atau tidak terlibat dengan penggunaan bahan dan tingkah laku seksual. Faktor-faktor dan punca-punca yang telah dikenalpasti oleh kajian-kajian lepas kajian tempatan atau kajian luar negara dijadikan asas kajian dan kemungkinan yang akan terhasil sebagai hasil kajian. Namun, kajian ini lebih menumpu kepada mengenal pasti punca-punca yang mungkin tersembunyi dan yang mungkin berbeza mengikut jantina, bangsa, agama dan mana-mana faktor lain. Data sampingan yang komprehensif seperti umur penglibatan pertama, kekerapan penglibatan dan motivasi untuk berhenti turut dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk menerangkan secara keseluruhan status penglibatan remaja dengan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual. Kajian ini mempunyai lapan tujuan utama yang merangkumi empat isu yang dikaji. Tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

i) mengenalpasti status penglibatan remaja dengan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual mengikut jantina dan keturunan

ii) menerangkan secara keseluruhan taburan penglibatan mengikut jantina dan keturunan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii) mengenal pastifaktor penglibatan remaja dengan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual secara keseluruhan.

a) faktor penglibatan remaja dengan rokok

b) faktor penglibatan remaja dengan dadah

c) faktor penglibatan remaja dengan alkohol

d) faktor penglibatan remaja dengan tingkah laku seksual

iv) mengenal pasti faktor penolakan remaja terhadap rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual secara keseluruhan.

a) faktor penolakan remaja terhadap rokok

b) faktor penolakan remaja terhadap dadah

c) faktor penolakan remaja terhadap alkohol

d) faktor penolakan remaja terhadap tingkah laku seksual

v) menghuraikan isu-isu berkaitan tingkah laku merokok

a) umur penglibatan pertama remaja dengan penggunaan rokok

b) kekerapan penglibatan remaja dengan penggunaan rokok

c) sumber kewangan bagi penglibatan remaja dengan penggunaan rokok

d) keinginan remaja untuk menghentikan penglibatan remaja dengan penggunaan rokok

vi) menghuraikan isu-isu berkaitan tingkah lakupengambilan dadah

a) umur penglibatan pertama remaja dengan penggunaan dadah

b) kekerapan penglibatan remaja dengan penggunaan dadah

c) sumber kewangan bagi penglibatan remaja dengan penggunaan dadah

d) keinginan remaja untuk menghentikan penglibatan remaja dengan penggunaan dadah

vii) menghuraikan isu-isu berkaitan tingkah lakupengambilan alkohol

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) umur penglibatan pertama remaja dengan penggunaan alkohol

b) kekerapan penglibatan remaja dengan penggunaan alkohol

c) jenis alkohol yang pernah digunakan

d) sumber kewangan bagi penglibatan remaja dengan penggunaan alkohol

e) keinginan remaja untuk menghentikan penglibatan remaja dengan penggunaan alkohol

viii) menghuraikan isu-isu berkaitan tingkah lakuseksual

a) umur penglibatan pertama remaja dengan tingkah lakuseksual

b) jenistingkah lakuseksual

c) pemilihan penggunaan perlindungan ketika aktiviti seksual

d) sumber kewangan bagi penglibatan remaja dengan tingkah lakuseksual

e) keinginan remaja untuk menghentikan penglibatan remaja dengan tingkah lakuseksual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sub-objektif kajian ini yang dinyatakan di atas bertujuan memberikan gambaran tentang perkara-perkara seperti umur mula terlibat, kekerapan, sumber kewangan, penguatkuasaan undang-undang dalam pembelian rokok dan alkohol dan motivasi untuk menghentikan penglibatan. Perkara-perkara ini dikaji bagi mendalami pengalaman populasi kajian dan meningkatkan pemahaman tentang isu yang dikaji. yang dikaji secara umumnya adalah mengkaji motivasidi sebalik keputusan untuk terlibat dan tidak terlibat dengan gejala merokok, penyalahgunaan dadah, alkohol dan tingkah laku seksual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Soalan Kajian

Kajian ini mempunyai lapan persoalan kajian yang merangkumi empat isu yang dikaji. Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

i) apakah status penglibatan remaja dengan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual mengikut jantina dan keturunan?

ii) apakah taburan penglibatan remaja dengan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual mengikut jantina dan keturunan?

iii) apakah faktor penglibatan remaja dengan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual secara keseluruhan?

   a) apakah faktor penglibatan remaja dengan rokok?

   b) apakah faktor penglibatan remaja dengan dadah?

   c) apakah faktor penglibatan remaja dengan alkohol?

   d) apakah faktor penglibatan remaja dengan tingkah laku seksual?

iv) apakah faktor penolakan remaja terhadap rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual secara keseluruhan.

   a) apakah faktor penolakan remaja terhadap rokok?

   b) apakah faktor penolakan remaja terhadap dadah?

   c) apakah faktor penolakan remaja terhadap alkohol?

   d) apakah faktor penolakan remaja terhadap tingkah laku seksual?

v) apakah isu-isu berkaitan tingkah laku merokok?

   a) berapakah umur penglibatan pertama remaja dengan penggunaan rokok?

   b) apakah kekerapan penglibatan remaja dengan penggunaan rokok?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c) apakah sumber kewangan bagi penglibatan remaja dengan penggunaan rokok?

d) terdapatkah keinginan remaja untuk menghentikan penglibatan remaja dengan penggunaan rokok?

vi) apakah isu-isu berkaitan tingkah lakupengambilan dadah?

a) berapakah umur penglibatan pertama remaja dengan penggunaan dadah?

b) apakah kekerapan penglibatan remaja dengan penggunaan dadah?

c) apakah sumber kewangan bagi penglibatan remaja dengan penggunaan dadah?

d) terdapatkah keinginan remaja untuk menghentikan penglibatan remaja dengan penggunaan dadah?

vii) apakah isu-isu berkaitan tingkah lakupengambilan alkohol?

a) berapakah umur penglibatan pertama remaja dengan penggunaan alkohol?

b) apakah kekerapan penglibatan remaja dengan penggunaan alkohol?

c) apakah sumber kewangan bagi penglibatan remaja dengan penggunaan alkohol?

d) terdapatkah keinginan remaja untuk menghentikan penglibatan remaja dengan penggunaan alkohol?

viii) apakah isu-isu berkaitan tingkah lakuseksual?

a) apakah umur penglibatan pertama remaja dengan tingkah lakuseksual?

b) apakah jenistingkah lakuseksual?

c) apakah pemilihan penggunaan perlindungan ketika aktiviti seksual?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d) apakah sumber kewangan bagi penglibatan remaja dengan tingkah lakuseksual?

e) terdapatkah keinginan remaja untuk menghentikan penglibatan remaja dengan tingkah lakuseksual?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingannya terhadap beberapa kelompok iaitu ibu bapa, remaja, kaunselor, pihak sekolah, komuniti, pihak yang membuat dasar-dasar utama negara dan pengkaji lain.

Pihak ibu bapa masih tidak sedar akan permasalahan yang wujud dalam hidup anak remaja mereka. Dapatan kajian diharap dapat membantu dalam merangka program-program kesedaran yang sesuai bagi golongan ibu bapa agar mereka dapat memahami dan membimbing anak-anak remaja mereka dengan lebih efektif. Ibu bapa juga perlu boleh diajar cara-cara mengenal pasti anak-anak remaja yang telah mula terlibat dengan tingkah laku negatif selain mendekati anak-anak mereka dengan cara yang sesuai dan berkesan.

Golongan remaja juga akan mendapat manfaat daripada kajian ini. Golongan remaja akan lebih menyedari apa yang sedang berlaku kepada kohort mereka. Kajian ini juga membantu remaja memahami perkara yang berlaku pada diri mereka, kenapa ia berlaku, bagaimana menguruskannya dengan positif dan kesan keputusan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaunselor sekolah adalah individu yang paling dekat dengan pelajar selain guru yang mengajar mereka. Kajian ini akan memberikan manfaat kepada kaunselor dari segi menyediakan data berkaitan pelajar atau remaja yang berada dalam lingkungan kuasa mereka. Setiap remaja mempunyai latar belakang yang berbeza, tetapi masalah yang dihadapi adalah hampir sama. Dapatan kajian akan membantu kaunselor memahami logik dan rasional mekanisme keputusan remaja.

Dapatan kajian ini akan membantu pihak sekolah merangka peraturan dan program yang sesuai bagi mencegah dari awal dan merawat bagi yang terlambat. Walaupun terdapat banyak program pencegahan di sekolah, program tersebut masih tidak mengambil kira keperluan pelajar secara keseluruhan. Jadi, bukan hanya sekolah perlu merangka program bagi mengembalikan pelajar yang telah terlibat tetapi program baharu perlu dirangka bagi meningkatkan rasional dalam kalangan pelajar yang sudah mempunyai pemikiran yang baik.

Dapatan kajian akan membantu memberi kesedaran kepada komuniti tentang tingkah laku dan aktiviti remaja secara khusus di sesuatu lokasi dan secara umum bagi populasi remaja. Peranan komuniti dalam membantu remaja menjalani kehidupan yang sihat boleh diperkukuh. Program-program kesedaran yang bersesuaian juga dapat dirangka bagi meningkatkan kesedaran komuniti tentang peranan dan tanggungjawab mereka terhadap remaja di sekeliling mereka.

Dapatan kajian diharap dapat menyumbang kepada perangkaan polisi yang lebih berkesan bagi golongan remaja. Polisi yang sedia ada juga perlu dikaji semula dan polisi yang sesuai perlu dikuatkuasa dan dipastikan penyampaiannya. Polisi yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

baik adalah polisi yang dirangka berdasarkan kajian intensif yang dapat memberikan maklumat komprehensif tentang populasi yang berkenaan.

1.8 Definisi Konsep dan Operasi

Istilah-istilah yang utama bagi kajian ini seperti motif, remaja, rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual akan diberikan definisinya secara konseptual dan operasional. Definisi konseptual bermaksud definisi yang diambil daripada kamus atau kajian lepas. Definisi operasional pula merupakan definisi atau penerangan khusus yang diberikan oleh pengkaji terhadap istilah-istilah tersebut dalam konteks kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.1 Remaja

Istilah remaja pula, secara konseptual merangkumi mana-mana individu yang berumur antara 13-19 tahun (WHO, 2007). Secara operasional, remaja dalam kajian ini merujuk kepada sampel kajian iaitu pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah menengah harian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.2Rokok

Secara konseptual, rokok didefinisikan sebagai produk tembakau yang digulung dalam kertas, dibakar satu hujung sehingga berbara dan satu lagi hujung digunakan bagi menghisap asap yang dihasilkan. Rokok juga boleh mengandungi bahan-bahan lain seperti dadah dan herba. Jenis-jenis rokok termasuklah rokok, kretek, bidi, cerut (Wigand, 2006). Secara operasionalnya, rokok dalam kajian ini merujuk kepada mana-mana produk tembakau seperti rokok, bidi, kretek dan rokok daun yang dihisap oleh sampel kajian.

1.8.3Dadah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dadah secara konseptual didefinisi sebagai bahan psikoaktif yang boleh menyebabkan pergantungan fizikal dan ketagihan jika disalah guna. Contoh dadah merangkumi heroin, morfin, candu, ganja, pil psikotropik, ecstasy atau Methylenedioxymethamphetamine (MDMA), gam, syabu atau methamphetamine, amphetamine dan kodein atau ubat batuk boleh diperoleh dalam bentuk serbuk atau pil (Buletin Dadah, 2012). Bagi kajian ini pula, dadah merangkumi heroin, morfin, candu, ganja, pil psikotropik, ecstasy/MDMA, gam, syabu/methamphetamine, amphetamine dan kodein/ubat batuk yang digunakan oleh sampel kajian yang mana penggunaannya bukan bagi tujuan perubatan atau atas preskripsi pakar perubatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.4 Alkohol

Definisi konseptual bagi istilah alkohol adalah minuman yang boleh memabukkan dan menyebabkan pergantungan fizikal serta ketagihan. Contoh alkohol adalah tuak, todi, bir, wain, brandy, wiski, gin, vodka dan spirit (WHO, 2007). Secara operasional, alkohol merangkumi mana-mana minuman yang mengandungi komponen alkohol dan memabukkan seperti tuak, todi, bir, wain, brandy, wiski, gin, vodka dan spirit yang digunakan oleh sampel kajian bagi sebarang tujuan termasuk tujuan sembahyang.

1.8.5 Tingkah Laku Seksual

Definisi konseptual bagi istilah tingkah laku seksual adalah sebarang tingkah laku yang melibatkan samada seks oral, seks anal dan seks vagina (Bonnie et al., 2005). Secara operasional, tingkah laku seksual merupakan sebarang perlakuan di antara lelaki dan perempuan, lelaki dan lelaki, perempuan dan perempuan atau bersendirian yang bertujuan seksual seperti cium, peluk, memegang bahagian badan seperti vagina, zakar, dada dan punggung, melancap, onani, seks oral, seks anal, seks vagina dan seks melalui telefon.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Pendekatan Teori

Bagi kajian ini, lima teori akan digunakan sebagai asas. Teori-teori tersebut adalah Teori Psikososial yang dipelopori oleh Erik Erikson, Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura, Teori Rasional Emotif Tingkah Laku (*Rational Emotive Behavioral*) yang dibangunkan oleh Albert Ellis, Teori Elkind dan Teori Perkembangan Piaget. Rasional pemilihan teori-teori ini berkait rapat dengan faktor-faktor yang telah dikenal pasti sebagai punca remaja terlibat dengan isu-isu yang dikaji dalam kajian ini, iaitu rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual. Faktor-faktor tersebut secara ringkasnya adalah faktor diri, faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor persekitaran. Kedua-dua teori yang dipilih menjelaskan dengan tepat mengapa seseorang boleh berfikir, beremosi, berkelakuan dan membuat keputusan dalam cara tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.1 Teori Perkembangan Psikososial

Teori Perkembangan Psikososial yang dikemukakan oleh Erik Erikson (1963), adalah mengenai perkembangan manusia yang lebih menjurus kepada perkembangan identiti. Beliau menegaskan bahawa perkembangan personaliti manusia berlaku secara berterusan sepanjang hayat dan pada setiap perkembangan individu terdapat dua komponen iaitu komponen yang bersifat positif dan komponen yang bersifat negatif. Perubahan daripada satu peringkat ke peringkat seterusnya ditandai oleh krisis yang dialami oleh individu itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat lapan peringkat perkembangan dan pembentukan manusia, iaitu bermula dari lahir hingga ke akhir hayat dan mengikut Teori Perkembangan Psikososial Erik Erikson, setiap individu melalui lapan peringkat perkembangan yang dinamakan peringkat psikososial. Setiap peringkat digambarkan oleh pelbagai krisis psikologikal yang mana perlu diselesaikan oleh individu sebelum ke peringkat yang seterusnya. Jika individu menangani krisis tertentu dalam keadaan yang tidak sesuai, maka individu tersebut akan mengalami kesukaran untuk menangani krisis tersebut pada masa akan datang. Jadual 1.2 di bawah menunjukkan peringkat psikososial mengikut Teori Perkembangan Psikososial Erik Erikson.

Jadual 1.2

Peringkat Perkembangan Psikososial Erik Erikson

Peringkat konflik	Ciri-ciri
Kepercayaan lwn Ketidakpercayaan (*Trust vs Mistrust*) 0 - 1½ tahun (Bayi)	Pada peringkat ini, bayi akan cuba membina kepercayaan terhadap individu dan persekitaran. Bagi membina kepercayaan dalam diri bayi, keperluannya perlu dipenuhi seperti penyusuan, penukaran lampin, menjadikan bayi selesa dan diberikan kasih sayang yang mencukupi. Jika proses ini tidak berjaya, maka perasaan ketidakpercayaan akan terbentuk.
Autonomi lwn Keraguan (*Autonomy vs ShameandDoubt*) 1 ½-3 tahun (Awal kanak-kanak)	Pada peringkat ini, kanak-kanak akan mempunyai keinginan untuk mempunyai kuasa terhadap keinginan membuat sesuatu dengan daya usaha sendiri. Perkembangan pada tahap ini lebih tertumpu kepada kemahiran fizikal seperti berjalan dan mencapai objek. Kejayaan peringkat ini akan memberikan satu perasaan autonomi dalam diri kanak-kanak. Jika terdapat sekatan dalam peringkat ini, kanak-kanak akan membentuk perasaan malu atau ragu-ragu terhadap keupayaannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.2

sambungan

Inisiatif lwn Rasa bersalah (*Initiative vs Guilt*) 3-6 tahun(Awal kanak-kanak)	Pada peringkat ini, kanak-kanak akan cuba melakukan sesuatu secara berdikari dan ini akan membina inisiatif dalam diri mereka. Mereka akan cuba meneroka persekitaran dan mencuba perkara-perkara baharu yang akan membantu dalam mempelajari kemahiran baharu. Mereka juga akan bersifat ingin tahu, sering bertanyakan soalan dan meminta penjelasan. Perasaan serba salah atau bersalah akan timbul jika kanak-kanak tidak diberikan peluang yang mencukupi dalam penerokaan mereka atau dihukum.
Kerajinan lwn Rendah diri (*Industry vs Inferiority*) 6-11 tahun (Kanak-kanak)	Pada peringkat ini kanak-kanak akan mempunyai keinginan untuk menguasai sesuatu dan mempelajarinya. Mereka perlu mempelajari kemahiran baharu yang kebanyakannya akan berkait rapat dengan awal persekolahan mereka. Jika peringkat ini gagal, mereka akan berasa rendah diri, tidak berkeupayaan dari segi akademik dan juga hubungan interpersonal.
Identiti lwn Krisis identiti (Identity vs Identity crisis) 12-20 tahun (Remaja)	Pada peringkat ini, remaja akan cuba membentuk identiti diri memahami diri, sensitif terhadap perubahan badan dan imej diri serta akan menghadapi krisis identitf. Kejayaan peringkat ini akan menjadikan remaja tersebut seorang yang mempunyai konsep kendiri positif dan identiti yang unik dalam pelbagai aspek seperti pekerjaan, peranan jantina, sosial dan tingkah laku. Jika remaja tidak diberikan ruang bagi meneroka dan peneguhan yang sesuai, mereka akan mengalami krisis identiti dan konsep kendiri yang negatif. Mereka akan cenderung meniru orang lain dan akan timbul kecelaruan identiti, ragu-ragu dan ini akan menjadi masalah bagi mereka mengharungi peringkat seterusnya.
Keintiman lwn Keasingan (Intimacy vs Isolation) 21-25 tahun (Awal dewasa)	Pada peringkat ini, individu akan terus berusaha mencari dan mengekalkan identiti serta berusaha membentuk perhubungan intim dengan individu lain dalam menuju ke alam perkahwinan serta kerjaya. Jika pada peringkat sebelum ini mereka berjaya, pada peringkat ini mereka akan berupaya menjaga dan melindungi individu lain tanpa hilang identiti diri. Jika mereka gagal, mereka akan terus terasing dan akan mengalami kesukaran dalam hubungan interpersonal dan mencari teman hidup.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.2

Sambungan

Generativiti lwn Kekakuan (*Generativity vs Stagnation*) 26-60 tahun (Pertengahan dewasa)	Pada peringkat ini, individu sudah mempunyai keupayaan generativiti bermaksud menyumbang kepada generasi berikutnya /melakukan aktiviti yang produktif. Kehidupan berkeluarga dan kerjaya yang dapat memuaskan hati. Bagi individu yang gagal pada peringkat ini, mereka akan mengalami kesukaran dalam mencapai sesuatu yang bermakna, mementingkan diri, berpusat kepada perkembangan diri, tidak dapat membentuk keintiman, terasing dan akan mengelak perhubungan interpersonal.
Integriti lwn Berputus asa (*Integrity vs Despair*) 61 ke atas tahun (Lanjut usia)	Pada peringkat terakhir ini, individu perlu mencapai integriti. Integriti adalah hasil kebangaan terhadap kehidupan yang berharga, kemuncak perkembangan hidup berkeluarga dan kerjaya yang akan menimbulkan kepuasan dalam diri. Jika individu gagal dalam peringkat ini, ianya akan membawa kepada perasaan tidak puas hati dengan pencapaian, kesedihan, kekecewaan dan berputus asa dengan kehidupan.

Pada tahap Identiti lawan Krisis Identiti, remaja perlu membuat keputusan tentang:

a) siapa diri mereka?;

b) apakah sifat-sifat mereka?; dan

c) apakah hala tuju hidup mereka?

Remaja juga perlu menghadapi pelbagai peranan-peranan baharu, dari aspek vokasional sehinggalah perhubungan romantik. Dalam penerokaan identiti ini, remaja akan mengalami satu tempoh yang dipanggil *psychosocial moratorium*. Tempoh ini merupakan satu jurang antara keselesaan ketika kanak-kanak dan kebebasan ketika

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dewasa. Dalam tempoh ini, remaja sering mencuba pelbagai peranan dan eksperimen diri mereka. Remaja yang berjaya menguruskan tempoh krisis peranan dan identiti akan muncul dengan satu perasaan kendiri yang boleh diterima. Remaja yang tidak berjaya menyelesaikan krisis identiti pula akan mengalami kekeliruan identiti. Mereka akan sama ada menarik diri, memencilkan diri daripada rakan dan keluarga, atau menenggelamkan diri mereka dalam dunia rakan sebaya dan hilang identiti diri mereka.

Dua aspek teras dalam pembangunan identiti Erikson adalah personaliti dan eksperimen peranan. Erikson menyatakan bahawa remaja bingung kerana terdapat terlalu banyak pilihan dan akan memasuki jurang yang disebut *psychosocial moratorium*. Ketika dalam tempoh jurang dan sebelum remaja tersebut mencapai kestabilan kendiri, mereka akan mencuba pelbagai eksperimen terhadap diri mereka. Remaja secara progresif akan sedar bahawa mereka perlu bertanggungjawab terhadap diri dan kehidupan sendiri dan seterusnya berusaha mencari hala tuju kehidupan mereka. Walaupun perkara ini menakutkan ibu bapa dan keluarga, adalah penting untuk remaja diberikan masa, ruang dan peluang yang mencukupi untuk meneroka pelbagai peranan dan personaliti. Remaja akan memilih personaliti dan peranan yang baik dan menyingkirkan yang tidak baik. Identiti yang dibina akan merangkumi identiti kerjaya, identiti politik, identiti agama, identiti perhubungan, identiti intelektual, identiti seksual, identiti budaya, identiti kegemaran, identiti personaliti dan identiti fizikal (Santrock, 2010).

Menurut Erikson (1963), krisis identiti keremajaan iaitu pengertian identiti dengan kekeliruan peranan merupakan krisis yang penting. Jika individu berjaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menangani krisis tersebut dengan baik, maka individu tersebut akan berupaya membentuk identiti diri dan personaliti yang berjaya. Sebaliknya, jika gagal menangani krisis tersebut, maka individu akan berhadapan dengan kecelaruan dan konflik identiti. Jika remaja gagal dalam pembentukan identiti ini, maka akan wujudlah kekeliruan dan kekecewaan. Tanpa keupayaan menilai yang mana baik atau buruk, remaja mula melakukan pelbagai tingkah laku termasuk yang melanggar norma masyarakat dan undang-undang seperti terlibat dengan isu-isu yang dikaji dalam kajian ini iaitu rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual.

1.9.2 Teori Pembelajaran Sosial

Menurut Bandura (1977), Teori Pembelajaran Sosial didefinisikan sebagai satu pembelajaran yang berlaku dengan memerhati orang lain melakukan sesuatu atau menjadikan seseorang sebagai model tingkah laku. Hal ini bererti persekitaran dan juga orang-orang yang signifikan akan mempengaruhi tingkah laku individu. Bandura (1977) juga menyatakan seseorang individu akan memerhatikan sesuatu tingkahlaku daripada orang lain yang signifikan dengannya dan menyimpan maklumat yang diperhatikan secara kognitif dan seterusnya mempersembahkan tingkah laku tersebut. Maka, tingkah laku yang tidak sesuai mungkin dipelajari daripada persekitaran sosial seperti interaksi dengan keluarga, rakan sebaya, media massa dan konsep kendiri individu.

Dalam teori Pembelajaran Sosial Bandura, beliau telah membuat analisis yang menyatakan bagaimana manusia belajar melalui pemerhatian. Pembelajaran adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


melalui peniruan, mengajuk dan memadan. Biasanya, setiap individu terutama kanak-kanak akan menilai sesuatu perkara berasaskan kepada perkara yang pernah dilihat oleh mereka daripada orang-orang yang signifikan dan persekitaran. Teori pembelajaran sosial menekankan kepada proses peniruan sebagai bertanggung jawab kepada pembelajaran tingkah laku. Pemerhatian tingkah laku orang lain merupakan sebagai proses peniruan yang akan membentuk tingkah laku devian seseorang. Peniruan melalui pemerhatian merupakan satu proses pembalajaran tanpa penglibatan pengalaman lepas secara langsung.

1.9.3 Teori Rasional Emotif Tingkah Laku

Menurut Corey (2012), Teori Rasional Emotif Tingkah Laku memberi penekanan kepada kepercayaan yang tidak rasional pada diri individu yang membawa kepada berlakunya konflik emosi dan tingkah laku individu. Manusia secara asasnya mempunyai kecenderungan untuk berfikir secara rasional dan tidak rasional. Pemilihan cara berfikir ini akan menentukan emosi dan tingkah laku seterusnya. Rajah 1.1 di bawah menunjukkan proses pemikiran rasional dan tidak rasional serta kesannya menggunakan Model ABC.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1. Model ABC Teori Rasional Emotif Tingkah Laku. Diadaptasi dari Corey, 2012

Menurut Jorn (2009), Albert Ellis selaku bapa terapi kognitif dan tingkah laku dan pengasas Terapi Rasional Emotif Tingkah Laku (RETL) mendapati bahawa kepercayaan individu sangat mempengaruhi kefungsian emosional mereka. Secara khususnya, kepercayaan yang tidak rasional membuatkan individu tertekan, gelisah atau marah dan ini membawa kepada tingkah laku yang merosakkan diri. Apabila Ellis mengemukakan teorinya pada pertengahan 1950-an, peranan kognitif dalam gangguan emosi masih belum dinyatakan sepenuhnya dalam bidang psikologi. Teori dan terapi ini telah dibina sebagai kesan kepada apa yang dilihat oleh Ellis sebagai ketidaksempurnaan dalam teknik-teknik psikoanalisis dan tingkah laku dan menyatakan bahawa ketidaksempurnaan ini berpunca daripada cara konseptualisasi personaliti dan gangguan emosi yang diberikan oleh mereka. Ellis berpendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa dengan mengenepikan peranan yang dimainkan oleh pemikiran dalam gangguan emosi, teori-teori tersebut telah gagal dalam menjelaskan bagaimana manusia secara asasnya menjadi terganggu dan kekal terganggu.

Dalam Jorn (2009), istilah kepercayaan bermaksud keyakinan terhadap kebenaran dan kesahan sesuatu perkara. Kepercayaan adalah satu pemikiran dengan komponen emosi (keyakinan) dan komponen fakta (kesahan) serta boleh menjadi sesuatu yang positif atau negatif. Kepercayaan yang negatif tidak semestinya sesuatu yang tidak baik, tetapi jika seseorang individu percaya dengan sesuatu yang tidak benar, kepercayaan yang negatif itu akan menjadi kepercayaan yang tidak rasional. Kepercayaan yang tidak rasional ini tidak sehaluan dengan kegembiraan, kepuasan dan tidak membantu individu dalam mendapatkan kasih sayang, pengiktirafan, keselesaan dan pencapaian atau kejayaan yang dikehendaki.

Teras kepercayaan yang tidak rasional boleh dirumuskan seperti berikut:

i) Tuntutan yang tinggi atau bersifat mutlat seperti tidak fleksibel, dogmatik, kepercayaan yang ekstrem yang ditunjukkan melalui penggunaan perkataan-perkataan seperti harus, mesti dan perlu.

ii) Menuntut kasih sayang dan pengiktirafan daripada hampir semua individu yang dirasakan penting.

iii) Menuntut kejayaan atau pencapaian dalam perkara-perkara yang dirasakan penting.

iv) Menuntut keselesaan atau hampir tidak boleh menangani kekecewaan dan ketidakselesaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v) Menganggap sesuatu sebagai amat dahsyat dan merujuk kepada perkara menggunakan perkataan-perkataan seperti teruk, dahsyat dan malapetaka.

vi) Toleransi kekecewaan yang rendah ditunjukkan melalui perkataan-perkataan seperti tidak boleh bertolak ansur, tak boleh tahan, terlalu sukar.

vii) Penarafan global yang ditunjukkan melalui sifat menyalahkan nilai asas individu lain dalam cara yang penting dengan menggunakan perkataan-perkataan seperti tak guna, bodoh, bahlul.

Ellis telah mengemukakan 11 pemikiran tidak rasional (Sabariah Siron, 2005) yang menggangu sistem kepercayaan manusia iaitu:

i) Adalah sangat perlu seseorang itu dikasihi dan disayangi oleh orang yang signifikan.

ii) Adalah sangat penting seseorang itu lengkap, cekap dan berjaya dalam semua perkara.

iii) Sesetengah orang adalah jahat dan kejam. Orang sebegini seharusnya dihukum dan dipersalahkan yang setimpal dengan kesalahannya.

iv) Adalah lebih senang lari daripada kesulitan dan tanggungjawab daripada menghadapinya.

v) Setiap perkara yang terjadi sepatutnya mengikut apa yang dirancang. Adalah teruk dan malang apabila sesuatu perkara yang terjadi tidak seperti yang diharapkan atau diimpikan.

vi) Manusia tidak berupaya untuk mengawal diri kerana kesengsaraan yang berlaku disebabkan oleh faktor-faktor luaran atau diluar kawalan individu.

vii) Peristiwa masa lalu dalam kehidupan individu menentukan tingkah laku manusia dan ianya tidak dapat diubah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

viii) Jika sesuatu perkara itu merbahaya dan merosakkan individu sepatutnya seseorang itu mengambil berat dan sentiasa berwaspada sepanjang masa untuk mengelakkan segala kejadian yang tidak diingini.

ix) Individu seharusnya bergantung kepada orang lain yang lebih berkuasa dan kuat.

x) Seseorang itu sepatutnya mengambil berat dan merasa susah hati dengan masalah orang lain.

xi) Selalunya ada jawapan yang betul dan tepat kepada sesuatu masalah.

1.9.4 Teori Elkind

Menurut Coleman dan Hendry (1999), David Elkind merupakan pelopor Teori Elkind. Menurut teori ini, kognitif remaja merangkumi pemikiran yang lebih abstrak, idealistik dan logik. Zaman remaja merupakan suatu masa kritikal di mana remaja akan mengembangkan egosentrisme (*adolescence egocentrism*) mereka. Perkembangan egosentrisme sebenarnya menunjukkan kesedaran remaja tentang peribadi dan keunikan diri sendiri. Mereka sering merasa diperhatikan dari segi diri, tingkah laku, penampilan dan sifat. Egosentrisme ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu penonton khayalan (*imaginary audience*) dan dongeng peribadi (*personal fable*).

Penonton khayalan menggambarkan peningkatan kesedaran dan keyakinan remaja bahawa orang lain memberikan tumpuan perhatian yang besar terhadap diri mereka. Remaja merasakan diri mereka diperhatikan. Perkara ini turut mendorong remaja melakukan perkara-perkara yang berunsur menarik perhatian dari orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dongeng peribadi pula menggambarkan remaja menganggap mereka memiliki keperibadian yang unik. Hal ini membuatkan mereka berasa tiada yang memahami mereka dan mereka berlainan daripada orang di sekeliling mereka.

Menurut David Elkind, egosentrisme remaja ini disebabkan oleh pemikiran operasional formal remaja. Remaja boleh mempunyai penonton khayalan kerana mereka mampu berfikir secara hipotetikal dan melihat diri mereka dari sudut pandangan orang luar serta membayangkan reaksi-reaksi orang lain dalam keadaan khayalan. Remaja juga akan menunjukkan pola pemikiran yang tidak matang seperti:

i) Ideal dan kritikal (*idealism and criticalness*): remaja secara normal mengimpikan dunia yang ideal. Mereka percaya secara keterlaluan bahawa mereka cukup tahu tentang bagaimana mengatur dunia mereka lebih baik daripada orang dewasa. Kepercayaan ini membuatkan mereka sering melakukan kesalahan dengan orang yang lebih tua. Apabila remaja secara keterlaluan mengikut pemikiran tidak matang ini, ia menjadi sukar untuk memberikan sebarang bimbingan yang membina dari pihak orang dewasa. Remaja akan lebih mudah mencuba perkara yang buruk daripada mengambil iktibar daripada kesalahan dan pengalaman orang lain.

ii) Sifat berhujah (*argumentativeness*): remaja sering mencari peluang untuk mencuba dan menunjukkan kemampuan berfikir mereka. Mereka juga seringkali mempunyai pelbagai jenis alasan untuk menidakkan perkara yang dibincangkan. Bagi memenangkan idea dan menunjukkan kemampuan remaja, mereka sering terlibat dengan perangai menyahut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cabaran yang tidak diperlukan semata-mata bagi membuktikan diri mereka. Tindakan ini sering berlaku tanpa pemikiran yang mendalam tentang kesan-kesan buruk sesuatu perkara kerana remaja masih tidak matang dari segi pemikiran.

iii) Ketidakbolehan dalam membuat keputusan (*indecisiveness*): remaja tidak mampu membuat keputusan yang teguh apabila terdapat pelbagai alternatif. Hal ini kerana mereka tidak mempunyai pengalaman yang diperlukan untuk menilai alternatif. Mereka tidak mempunyai strategi yang efektif untuk membuat keputusan. Ini menjadi punca remaja membuat keputusan yang berupa intuisi tanpa asas yang kukuh atau sekadar mencuba.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv) Kesedaran kendiri (*self-conciousness*): remaja sudah mampu mengenal pasti isi kandungan pemikiran sendiri dan juga orang lain. Namun, remaja sering beranggapan bahawa orang lain mempunyai pemikiran yang sama seperti mereka iaitu mereka memikirkan tentang diri remaja. Seorang remaja akan berasa malu apabila memakai pakaian yang salah ke suatu majlis dan remaja tersebut akan beranggapan bahawa semua orang lain turut melihat ke arahnya. Fenomena ini turut dikenali sebagai penonton khayalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v) Keistimewaan dan tidak boleh disakiti (*specialness and invulnerability*): remaja menganggap diri mereka istimewa dan unik serta sesuatu perkara buruk yang menimpa orang lain tidak akan terjadi kepada mereka. Seorang remaja yang suka memandu kereta secara laju beranggapan bahawa dirinya dan kereta yang dipandu tidak akan kemalangan walaupun kemalangan sering menimpa mereka yang memandu secara laju. Fenomena ini turut dikenali sebagai dongeng peribadi. Disebabkan kepercayaan dan pemikiran tidak matang ini, remaja sering kali menganggap sesuatu cabaran itu wajar dan akan mencuba dengan tanggapan bahawa tidak ada perkara yang boleh berlaku terhadap dirinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.5 Teori Perkembangan Piaget

Menurut Piaget (Santrock, 2010), pekembangan kognitif adalah proses progresif yang berlaku hasil daripada kematangan biologi dan pengalaman persekitaran. Kanak-kanak dan remaja membina pemahamam tentang dunia dan kemudiannya mengalami jurang antara perkara yang diketahui dan perkara baharu yang ditemui dalam persekitaran hidup mereka. Teori kognitif Piaget mempunyai 3 komponen asas iaitu:

i. Skema:

Skema merupakan blok pengetahuan asas yang mebina tingkah laku yang bijak. Hal ini merupakan satu cara untuk menyusun atur pengatuan. Apabila skema seorang kanak-kanak mempunyai kebolehan untuk menerangkan perkara yang dialaminya, ini dipanggil sebagai keseimbangan (*equilibrium*). Piaget

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menekankan kepentingan skema dalam perkembangan kognitif dan mendefinisikan skema sebagai suatu persembahan mental yang berhubungkait dengan dunia. Skema ini digunakan bagi memahami perkara yang berlaku dan bagaimana untuk memberikan respon kepada situasi tersebut.

ii. Proses adaptasi yang membolehkan perubahan dari satu tahap ke tahap yang lain:

Proses adaptasi pula mempunyai tiga komponen iaitu asimilasi, akomodasi (*accomodation*) dan keseimbangan (*equilibration*). Bagi proses asimilasi, skema yang sedia ada digunakan bagi menguruskan situasi yang baharu dialami. Akomodasi pula berlaku apabila skema sedia ada tidak berkesan dan perlu diubah bagi menghadapi situasi yang sedang berlaku. Kesimbangan berlaku apabila skema sedia ada mampu menangani dan memahami situasi-situasi atau objek baharu melalui asimilasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Tahap perkembangan:

Tahap perkembangan Piaget terbahagi kepada empat iaitu sensori motor, pra-operasi, operasi konkrit dan operasi formal.


Pekembangan kognitif adalah proses progresif yang berlaku hasil daripada kematangan biologi dan pengalaman persekitaran. Proses ini perlulah berlaku secara optimum bagi membolehkan kanak-kanak dan remaja membina pemahamam tentang dunia dan kemudiannya mengalami jurang antara perkara yang diketahui dan perkara baharu yang ditemui dalam persekitaran hidup mereka. Tanpa perkembangan yang sewajarnya, kebolehan remaja dalam memproses pengalaman dan perkara yang berlaku di sekelilingnya akan terbantut dan seterusnya membawa kepada masalah-masalah lain

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disebabkan kekurangan atau ketiadaan kemahiran seperti kemahiran memproses maklumat, kemahiran membuat keputusan dan kemahiran memproses emosi.

1.10 Kerangka Konseptual



Rajah 1.2. Kerangka konseptual diadaptasi daripada Buletin Dadah, 2012; Nasrudin et al., 2012; Zainuddin dan Ahmad, 2010; Perangkaan Sosial Terpilih, 2010; Salamatussaadah , 2010; Patrick et al., 2010; Jorn, 2009; Ardiah, Zaidah danRokiah, 2009; dan Roslee dan Mohamed, 2006.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Kesimpulan

Latar belakang kajian, penyataan masalah dan definisi istilah adalah perkara yang penting dalam membina asas kajian dan menyatakan kepentingan kajian. Dengan perbincangan tersebut, boleh dirumuskan bahawa kajian ini fokus terhadap memberikan kompilasi data yang komprehensif tentang penglibatan remaja, motif di sebalik pemilihan untuk terlibat dan tidak terlibat dengan empat isu utama yang dikemukakan iaitu merokok, penyalahgunaan dadah, pengambilan alkohol dan tingkah laku seksual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, tinjauan literatur yang berkaitan dengan penerimaan dan penolakan penggunaan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual oleh golongan remaja akan dibincangkan. Tinjauan literatur ini dilihat berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji dalam negara dan luar negara. Perbincangan dalam bab ini akan dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut subtopik remaja dan prevalens, rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual dan teori kaunseling yang berkaitan. Bagi subtopik remaja dan prevalens, populasi dan kajian-kajian yang menunjukkan prevalens umum mengenai remaja, rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual akan dibincangkan. Bagi subtopik rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual pula, statistik khusus, kajian-kajian lepas tentang faktor penggunaan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penolakan serta perbincangan mengenai keselarasan dapatan kajian-kajian lepas akan dikemukakan. Manakala subtopik teori pula akan mengemukakan pandangan teori tersebut terhadap pemikiran dan perlakuan individu yang menjurus kepada penerimaan dan penolakan penggunaan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual.

2.2 Pemahaman Diri, Identiti dan Emosi Remaja

Subtopik ini membincangkan pemahaman diri, identiti dan emosi remaja. Perbincangan dibuat berdasarkan kajian-kajian lepas dan juga teori-teori kaunseling yang berkaitan. Perbincangan ini bertujuan memberikan penjelasan tentang remaja dari aspek identiti dan emosi mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.1 Pemahaman Diri

Remaja membawa satu perasaan tentang siapa diri mereka dan apakah yang membuatkan diri mereka berbeza serta unik berbanding orang lain. Perasaan tersebut berbeza antara individu dan perkara yang menjadi elemen penting dalam hidup mereka (Santrock, 2010). Setiap individu menjadi lebih introspektif apabila mereka semakin matang, namun begitu, pemahaman diri bukanlah sesuatu yang sepenuhnya bersifat intrinsik. Pemahaman merupakan satu pembangunan kognitif sosial (Harter, 2006). Keupayaan kognitif remaja berinteraksi dengan pengalaman sosiobudaya akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempengaruhi pemahaman diri mereka. Pemahaman diri merupakan persepsi kognitif individu tentang dirinya.

Perkembangan pemahaman diri remaja adalah kompleks dan melibatkan beberapa aspek diri seperti aspek abstrak dan idealisme, pembezaan, perubahan diri, sifat berlawanan dalam diri, diri sebenar lawan diri ideal, perbandingan sosial, kesedaran kendiri, perlindungan diri dan kendiri bawah sedar (Harter, 2006). Abstrak dan idealisme merujuk kepada persepsi diri remaja tentang diri mereka. Aspek ini dapat diperhati apabila remaja menerangkan tentang diri atau sifat mereka. Penerangan diri yang abstrak adalah seperti sensitif dan bertimbang rasa, manakala penerangan diri yang bersifat ideal adalah seperti sentiasa memikirkan kebaikan orang lain dan merasakan diri sangat cantik. Kebanyakan remaja mampu membezakan diri sebenar dan diri yang ideal serta bukan semua remaja akan menerangkan diri mereka dalam cara ideal.

Pemahaman diri remaja akan menjadi semakin berbebeza dengan perubahan masa. Remaja lebih cenderung mengesan perbezaan situasi dan konteks dalam menggambarkan diri mereka (Harter, Waters & Whitesell, 1996). Seorang remaja berkemungkinan menggambarkan dirinya dengan mengaitkan sifat-sifat dirinya dengan keluarga manakala seorang ramaja lagi menggambarkan dirinya dari aspek perhubungannya dengan rakan. Remaja mampu memahami mereka mempunyai pelbagai aspek berbeza. Perubahan diri pula berlaku berdasarkan situasi dan masa. Ketidakstabilan remaja menjadi punca perubahan diri dan ini akan berlaku secara berterusan sehingga remaja membentuk satu konsep kendiri yang lebih jelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apabila remaja mula membezakan konsep kendiri mereka kepada beberapa peranan yang berbeza dalam konteks perhubungan yang berbeza, mereka akan merasakan satu perasaan berlawanan dalam diri mereka sendiri. Perasaan yang kontra antara satu sama lain seperti ceria dan boring, serta tenang dan agresif. Remaja akan membentuk kemampuan kognitif bagi mengesan ketidakselarasan ini apabila mereka membina teori yang umum tentang diri mereka (Harter & Monsour, 1992). Kemampuan remaja untuk membina diri sebenar dan diri ideal menunjukkan kemajuan kognitif remaja tersebut. Carl Rogers (1950) menyatakan bahawa kekeliruan antara diri sebenar dan diri ideal yang tinggi merupakan petunjuk kepada ketidakupayaan remaja dalam menyesuaikan diri. Ini akan memjurus kepada satu perasaan gagal dan kritik diri yang jika tidak dibantu boleh membawa kepada kemurungan. Namun begitu, kekeliruan pada tahap yang sederhana adalah dianggap sihat dari aspek psikologi dan perlu bagi memberikan kesimbangan perspektif dan motivasi remaja tersebut. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa remaja cenderung berpuas hati dengan diri sebenar dan pencarian diri ideal apabila mereka mendapat sokongan ibu bapa dan keluarga (Harter, Stocker & Robinson, 1996).

Ruble et al. (1980) telah menyatakan bahawa remaja turut menggunakan perbandingan sosial dalam menilai diri mereka (Santrock, 2010). Bergantung kepada maklumat yang diterima melalui perbandingan sosial boleh menjadi sesuatu yang mengelirukan remaja kerana terdapat pelbagai kumpulan yang boleh menjadi kumpulan rujukan seperti rakan sekelas, jantina, remaja yang aktif sukan, remaja yang popular dan sebagainya. Remaja akan keliru jika perlu mengambil kira kesemua perbandingan pada masa yang sama. Kesedaran kendiri remaja juga mejadi isu penting dalam kehidupan remaja (Harter, 2006). Walaupun remaja mampu menjadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

introspektif, mereka tidak mampu mebina pemahaman diri dengan mengasingkan diri secara sosial. Remaja bergantung kepada rakan bagi sokongan dan penjelasan diri. Pendapat rakan amat penting dalam penilaian diri remaja dan ia merupakan sesuatu yang sering menjadi punca rujukan remaja. Kekeliruan dan konflik yang timbul akibat daripada usaha memahami diri menyumbang kepada satu keperluan melindungi diri. Dalam usaha melindungi diri, remaja cenderung menidakkan sifat-sifat negatif mereka. Sifat ini juga sering menjadikan remaja seorang yang cenderung menggambarkan dirinya menggunakan pernyataan-pernyataan yang idealistik. Pemahaman diri remaja juga melibatkan pengiktirafan bahawa dirinya turut mempunyai aspek bawah sedar. Pengikirafan ini tidak mungkin berlaku sehinggalah lewat remaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penghargaan kendiri dan konsep kendiri juga merupakan domain penting dalam pemahaman diri remaja. Penghargaan kendiri merujuk kepada dimesi penilaian menyeluruh diri remaja. Hal ini berlaku apabila remaja mampu melihat dirinya bukan hanya sebagai seorang individu tetapi sebagai seorang individu yang baik. Namun begitu, bukan semua remaja mempunyai imej positif tentang diri mereka. Seorang remaja yang mempunyai penghargaan kendiri yang rendah akan menggambarkan dirinya sebagai seorang individu yang jahat. Konsep kendiri pula merupakan penilaian spesifik bagi aspek tertentu seperti akademik, sukan, penampilan fizikal dan sebagainya. Seorang remaja mungkin mempunyai konsep kendiri akademik yang negatif kerana tidak mampu mendapat pencapaian yang memuaskan tetapi boleh mempunyai konsep kendiri sukan yang positif kerana pencapaiannya dalam bidang sukan adalah cemerlang (Santrock, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2 Identiti Remaja

Identiti merupakan satu konsep utama dalam memahami remaja yang telah dibawa oleh pemikiran dan analisis Erik Erikson, seorang pakar psikologi (Santrock, 2010). Pembinaan identiti remaja merupakan tahap perkembangan yang kelima dalam teori beliau, Teori Perkembangan Psikososial, yang telah dibincangkan dalam Bab 1. Pada tahap ini, remaja perlu membuat keputusan tentang siapa diri mereka?; apakah sifat-sifat mereka?; dan apakah hala tuju hidup mereka? Mereka perlu menghadapi pelbagai peranan-peranan baharu, dari aspek vokasional sehinggalah perhubungan romantik. Dalam penerokaan identiti ini, remaja akan mengalami satu tempoh yang dipanggil *psychosocial moratorium*. Tempoh ini merupakan satu jurang antara keselesaan ketika kanak-kanak dan kebebasan ketika dewasa. Dalam tempoh ini, remaja sering mencuba pelbagai peranan dan eksperimen diri mereka. Remaja yang berjaya menguruskan tempoh krisis peranan dan identiti akan muncul dengan satu perasaan kendiri yang boleh diterima. Remaja yang tidak berjaya menyelesaikan krisis identiti pula akan mengalami kekeliruan identiti. Mereka akan sama ada menarik diri, memencilkan diri daripada rakan dan keluarga, atau menenggelamkan diri mereka dalam dunia rakan sebaya dan hilang identiti diri mereka.

Dua aspek teras dalam pembangunan identiti Erikson adalah personaliti dan eksperimen peranan. Erikson menyatakan bahawa remaja bingung kerana terdapat terlalu banyak pilihan dan akan memasuki jurang yang disebut *psychosocial moratorium*. Ketika dalam tempoh jurang dan sebelum remaja tersebut mencapai kestabilan kendiri, mereka akan mencuba pelbagai eksperimen terhadap diri mereka. Remaja secara progresif akan sedar bahawa mereka perlu bertanggungjawab terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diri dan kehidupan sendiri dan seterusnya berusaha mencari hala tuju kehidupan mereka. Walaupun perkara ini menakutkan ibu bapa dan keluarga, adalah penting untuk remaja diberikan masa, ruang dan peluang yang mencukupi untuk meneroka pelbagai peranan dan personaliti. Remaja akan memilih personaliti dan peranan yang baik dan menyingkirkan yang tidak baik. Identiti yang dibina akan merangkumi identiti kerjaya, identiti politik, identiti agama, identiti perhubungan, identiti intelektual, identiti seksual, identiti budaya, identiti kegemaran, identiti personaliti dan identiti fizikal (Santrock, 2010).

Erikson telah menggariskan konsep identiti yang kemudiannya telah diperkembangkan oleh James Marcia. Menurut Marcia, identiti boleh dibahagiakan kepada empat status (Marcia, 2002). Empat status tersebut adalah seperti berikut:

a) Penyebaran identiti (*identity diffusion*): tahap di mana remaja masih belum mengalami krisis identiti, masih belum mendapat peluang bagi meneroka alternatif-alternatif yang bermakna, dan tidak mempunyai sebarang komitmen. Remaja pada tahap ini masih belum boleh membuat keputusan tentang kerjaya atau ideologi mereka.

b) Penutupan identiti (*identity foreclosure*): tahap di mana remaja telah membuat komitmen tetapi masih belum mengalami sebarang krisis identiti. Situasi ini sering berlaku apabila ibu bapa memberikan komitmen mereka kepada anak-anak yang selalunya secara autokratik. Maka, remaja tersebut tidak mendapat peluang yang mencukupi untuk meneroka kaedah yang berlainan secara sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c) Penundaan identiti (*identity moratorium*): tahap di mana remaja berada di pertengahan krisis identiti, tetapi masih belum membuat sebarang komitmen identiti yang jelas.
d) Pencapaian identiti (*identity achievement*): tahap di mana remaja telah mengalami krisis identiti dan telah membuat komitmen.

Pada awal remaja, kebanyakan remaja selalu belum mencapai tahap pencapaian identiti. Menurut Marcia, sekurang-kurangnya tiga aspek adalah penting dalam pembentukan identiti remaja. Remaja perlulah yakin bahawa mereka mempunyai sokongan ibu bapa, mempunyai perasaan bahawa mereka mempunyai kemahiran , dan remaja mestilah boleh mengambil satu pendirian yang bersifat reflektif-diri terhadap masa depan. Ibu bapa yang melibatkan anak remaja dalam mebuat keputusan keluarga mampu menerapkan pencapaian identiti. Ibu bapa yang terlalu mengawal, manipulatif, memberikan sokongan dan bimbingan yang minima serta komunikasi yang kurang baik akan menjejaskan pembentukan identiti remaja.

Remaja juga perlu membezakan perhubungan intim pada tahap pembentukan identiti. Tahap keenam dalam teori Erikson menyatakan bahawa individu memerlukan perhubungan yang bermakna bagi merasakan dirinya dihargai dan dicintai, dan jika tidak, individu tersebut akan rasa terpinggir. Jika remaja yang belum melengkapkan tahap pembentukan identiti terus memulakan pencarian hubungan intim atau romantik, maka ini akan membawa kepada perasaan gagal, bertukar-tukar pasangan, perasaan tidak diterima dan kebergantungan yang tinggi terhadap pasangan (Santrock, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.3 Emosi Remaja

Remaja sering digambarkan sebagai kumpulan individu yang menghadapi masalah emosi, sering berubah-ubah, suka mengamuk, dan menentang (Santrock, 2010). Gambaran ini adalah sangat stereotipikal dan tidak menggambarkan keadaan emosi sebenar remaja. Remaja sememangnya sedang melalui pelbagai perubahan secara biologikal dan fizikal yang menjadi punca perubahan emosi yang amat ketara. Adalah penting bagi orang dewasa untuk mengenal pasti perkara ini sebagai sesuatu yang normal, remaja akan dapat mengharungi tempoh ini dan akhirnya menjadi seorang dewasa yang kompeten. Pada remaja yang mempunyai emosi negatif yang kuat, ini boleh menunjukkan bahawa terdapat masalah lain.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Remaja memerlukan masa dan kemahiran bagi menyedari kitaran emosi mereka dan kesedaran itu akan meningkatkan kemampuan mereka untuk menhadapi emosi mereka. Remaja akan menjadi seorang yang lebih berkemahiran dalam menguruskan emosi dan memahami kepentingan berkomunikasi tentang emosi yang dialami secara membina agar dapat meningkat kualiti perhubungan (Saarni et al., 2006). Apabila emosi tidak diuruskan secara efektif, remaja cenderung menjadi stress, dan murung. Pengurusan emosi yang lemah akan menimbulkan masalah lain seperti masalah akademik, penyalahgunaan dadah, penyalahgunaan alkohol, delinkuensi, masalah seksual dan masalah pemakanan. Kajian Gumora dan Arsenio (2002) menunjukkan kepentingan pengurusan emosi remaja dalam mencapai kejayaan akademik. Remaja yang mempunyai kemampuan kognitif yang tinggi, jika mengalami pengalaman emosi negatif secara berlebihan, akan mendapat pencapaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang lebih rendah berbanding pelajar yang kognitinya rendah tetapi mengalami pengalaman emosi yang positif.

2.3 Nilai, Agama dan Spiritual

Remaja secara asasnya mempunyai satu set kepercayaan yang mempengaruhi pemikiran, perasaan dan tingkah laku mereka (Pratt et al., 2008). Nilai merupakan kepercayaan tentang sesuatu perkara yang penting bagi individu tersebut. Nilai sering diletakkan diletakkan kepada pelbagai perkara seperti politik, agama, kewangan, seks, pendidikan, membantu orang lain, keluarga, rakan, kerjaya, harga diri, penipuan dan sebagainya. Nilai-nilai yang dipegang oleh seseorang individu turut menjelaskan pegangan moralnya. Salah satu cara untuk mengetahui nilai pegangan seseorang individu adalah dengan menanyakan matlamat mereka. Kajian Pryor et al. (2008) mendapati bahawa sepanjang tiga dekad, kecenderungan remaja dalam memikirikan kesejahteraan diri sendiri telah meningkat manakala kecenderungan dalam memikirkan kebaikan orang di sekeliling telah menurun. Kini, remaja dan indivi du awal dewasa dibandingkan dengan 20 tahun dahulu, lebih bermotivasi dalam menjadi individu yang berkemampuan dari segi kewangan berbanding membentuk falsafah kehidupan yang bermakna.

Namun begitu, Pryor tidak menafikan bahawa perkara ini sedang mengalami perubahan di mana remaja mula menunjukkan keterlibatan yang meningkat dalam aktiviti kesukarelawanan komuniti. Hal ini menyokong kajian Flanagan (2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Flanagan yang telah dijalankan di tujuh buah negara mendapati nilai keluarga dan tanggungjawab sosial merupakan nilai yang sangat konsisten apabila dikaitkan dengan keterlibatan remaja dalam aktiviti kesukarelawanan komuniti, komitmen untuk berkhidmat untuk negara dan empati terhadap golongan tersisih. Kajian Flanagan dan Faison (2001) pula mendapati bahawa remaja yang yang terlibat dalam kumpulan yang mempunyai kejelekitan yang tinggi di sekolah, komuniti dan institusi agama mempunyai tahap yang tinggi bagi kepercayaan sosial, altruisme dan kebaikan manusia secara umum. Remaja yang kurang penglibatan atau langsung tidak terlibat dengan kumpulan sebegini cenderung mencari nilai material dan kepentingan diri dalam aktiviti mereka.

Ini melonjakkan fokus remaja kepada perkara-perkara yang positif dan mengurangkan risiko keterlibatan dengan aktiviti negatif. Hal ini menunjukkan bahawa remaja akan mendapat manfaat daripada penekanan terhadap nilai dan tanggungjawab sosial dalam konteks keluarga dan sekolah (Damon, 2008). Damon turut membuat kesimpulan bahawa masalah major yang dihadapi oleh remaja masa kini adalah kekurangan kesedaran tentang matlamat hidup mereka. Remaja tidak tahu tentang hala tuju kehidupan mereka dan perkara yang ingin dicapai dalam kehidupan serta rasional di sebalik kehendak mereka. Kebanyakkan matlamat remaja bersifat jangka pendek seperti lulus peperiksaan, berbanding membina perancangan masa hadapan mereka berdasarkan nilai-nilai positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Agama dan spiritualiti merupakan salah satu sumber dalam mencari matlamat kehidupan sejak berkurun lagi. Isu keagamaan merupakan isu yang penting bagi remaja dan awal dewasa. Ramai pengkaji telah mendapati bahawa pelbagai aspek keagamaan dan spiritualiti menyumbang ke arah hasil yang positif dalam kalangan remaja (King & Roeser, 2009). Dalam satu kajian, remaja yang melihat agama sebagai sesuatu yang signifikan dalam kehidupan mereka dan sebagai salah satu cara menangani masalah menunjukkan penggunaan dadah hang hampir 50% kurang daripada remaja yang tidak menganggap agama sebagai penting (Wills, Yaeger & Sandy, 2003). Menghadiri aktiviti keagamaan di rumah ibadat mampu memberikan manfaat kepada remaja kerana komuniti keagamaan menggalakkan tingkah laku yang diterima secara sosial dan model peranan yang positif. Kajian French et al. (2008) yang mengkaji tingkah laku pelajar Muslim di Indonesia mendapati bahawa penglibatan dalam aktiviti keagamaan berkait dengan kompetensi sosial termasuk hubungan rakan sebaya, pencapaian akademik, pengurusan emosi, tingkah laku prososial dan konsep kendiri yang positif.

Menurut King dan Roeser (2009), agama turut memainkan memainkan peranan dalam kesihatan remaja sama ada mereka terlibat dengan tingkah laku bermasalah. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa penglibatan keagamaan boleh dikaitkan dengan tingkah laku delinkuen dan penyalahgunaan dadah yang rendah (Kliewer & Murelle, 2007) dan remaja yang tinggi tahap keagamaannya kurang cenderung merokok, mengambil alkohol, mengguna marijuana, ponteng sekolah, terlibat dengan aktiviti delinkuen dan tidak murung berbanding remaja yang kurang tahap keagamaannya (Sinha, Cnaan & Gelles, 2007). Fokus keagamaan juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merendahkan kadar penglibatan remaja dengan tingkah laku seksual dan menimbulkan ketakutan yang mencegah remaja daripada terlibat dengan tingkah laku seksual dengan memberikan pendedahan tentang jangkitan penyakit dan kehamilan (Miller & Gur, 2002) dan rasa bersalah, doa, aktiviti keagamaan berstruktur dan kesejahteraan keagamaan individu mencegah aktiviti seksual (Fehring et al., 1998). Remaja yang mementingkan nilai keagamaan juga cenderung mendalami ajaran agama mereka tentang bertimbang rasa dan mengambil berat tentang orang lain (Ream & Savin-Williams, 2003) dan remaja yang tinggi nilai keagamaannya mempunyai kecenderungan tiga kali ganda untuk terlibat dengan kesukarelawanan komuniti berbanding remaja yang kurang nilai agama (Youniss, McLellan & Yates, 1999). Kesemua dapatan ini menunjukkan pegaruh kuat keagamaan di seluruh dunia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Peranan Ibu Bapa sebagai Pengurus Remaja

Ibu bapa boleh memainkan peranan penting sebagai pengurus peluang remaja, pemantau hubungan sosial remaja, dan sebagai pembimbing dan penstruktur sosial remaja (Smetana, 2008a; Parke & Buriel, 2008). Satu tugasan perkembangan remaja yang penting adalah membentuk kemampuan untuk membuat keputusan yang kompeten. Bagi membantu remaja dalam mencapai potensi optimum mereka, ibu bapa boleh menjalankan peranan penting sebagai pengurus yang efektif dengan cara mendapatkan maklumat, membina rangkaian, membantu dalam penstrukturan pilihan dan memberikan bimbingan (Gauvain & Perez, 2007). Ibu bapa yang memenuhi tanggungjawab penting ini akan dapat membantu remaja dalam mengelakkan masalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan terus berusaha ke arah membuat pilihan dan keputusan (Mounts, 2007). Ibu bapa juga boleh menjadi pengurus peluang bagi rangkaian sosial remaja dengan rakan sebaya, rakan dan orang dewasa. Ibu selalunya lebih cenderung memainkan peranan pengurus ini berbanding bapa.

Terdapat kajian-kajian yang membuktikan bahawa amalan pengurusan keluarga berkaitan secara positif dengan pencapaian dan tanggungjawab kendiri remaja, manakala berhubungan secara negatif dengan masalah di sekolah (Eccles, 2007). Salah satu amalan pengurusan keluarga yang penting adalah mengekalkan persekitaran keluarga yang berstruktur dan terurus seperti menetapkan rutin kerja rumah, masa tidur dan sebagainya. Kajian Taylor dan Lopez (2005) telah mengkaji perhubungan antara amalan pengurusan keluarga dan permasalahan di sekolah. Kajian ini mendapati bahawa rutin keluarga mempunyai perkaitan positif dengan pencapaian remaja di sekolah manakala menurunkan kadar permasalahan remaja di sekolah.

Salah satu aspek utama dalam peranan pengurus ibu bapa adalah pemantauan remaja yang efektif (Smetana, 2008a). Pemantauan ini termasuklah memantau pemilihan situasi sosial remaja, kawan dan juga usaha akademik mereka. Mandara (2006) mendapati bahawa pemantauan ibu bapa meningkat pencapaian akademik remaja manakala kekurangan pemantauan ini meningkatkan kadar delinkuensi remaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Persahabatan

Rakan sebaya merupakan individu yang mempunyai lingkungan umur atau tahap kematangan yang sama. Rakan pula merupakan satu subset rakan sebaya yang terlibat termasuk dalam lingkungan persahabatan, sokongan dan keintiman. Maka, hubungan dengan rakan adalah lebih rapat berbanding hubungan dengan rakan sebaya (Santrock, 2010). Fungsi persahabatan dalam kehidupan remaja telah dikategorikan oleh Gottman dan Parker (1987). Enam kategori tersebut adalah:

i) Teman: persahabatan memberikan remaja seorang rakan yang dikenali, seseorang yang sanggup menghabiskan masa bersama dan membuat aktiviti secara bersama.

ii) Perangsang: persahabatan memberikan remaja maklumat yang menarik dan keterujaan.

iii) Sokongan fizikal: persahabatan memberikan sumber dan sokongan.

iv) Sokongan ego: persahabatan memberikan sokongan, motivasi dan maklum balas yang membantu emaja dalam mengekalkan satu imej kendiri yang dianggap kompeten, menarik dan berguna.

v) Perbandingan sosial: persahabatan memberikan maklumat tentang status remaja tersebut dalam kalangan rakan dan sama ada remaja tersebut dianggap normal.

vi) Keintiman / kasih sayang: persahabatan memberikan remaja satu perhubungan yang intim, boleh dipercayai dan disayangi dengan individu lain dan hubungan ini melibatkan pendedahan kendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Santrock, bagi kebanyakkan remaja, menjadi popular dalam kalangan rakan merupakan satu motivasi yang tinggi. Fokus perhubungan mereka adalah dalam memastikan diri mereka digemari oleh rakan dan dilibatkan dalam aktiviti atau perbualan kumpulan rakan. Pada tahap remaja, mereka lebih suka mempunyai kumpulan rakan yang lebih kecil dan rapat berbanding kanak-kanak. Harry Stack Sullivan (1953) membincangkan bahawa rakan juga sangat penting dalam memberntuk perkembangan kanak-kanak dan remaja. Menurut beliau, semua individu mempunyai keperluan asas sosial seperti keperluan untuk rapat, teman permainan, penerimaan sosial, keintiman dan perhubungan seksual. Sama ada keperluan-keperluan ini dipenuhi menentukan kesejahteraan emosi individu. Apabila keperluan ini tidak dipenuhi, individu cenderung menjadi bosan, murung dan penghargaan kendiri rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peningkatan tahap perhubungan dan kepentingan persahabatn mencabar remaja bagi memahirkan diri dalam kompetensi sosial yang sofistikated (Buhrmester, 2005). Persahabatan remaja bersifat mod keintiman simetri. Keintiman persahabatan remaja memerlukan mereka mempelajari kompetensi hubungan rapat. Kompetensi ini adalah seperti mengetahui cara membuat melakukan pendedahana kendiri dengan baik, kemampuan memberikan sokongan emosi kepada rakan dan pengurusan perselisihan dalam cara yang tidak mengganggu keintiman persahabatan. Kompetensi-kompetensi ini memerlukan kemahiran yang tinggi dalam mengambil perspektif, empati dan penyelesaian masalah sosial. Persahabatan juga merupakan satu sumber sokongan yang kuat (Brown & Larson, 2009; Buhrmester & Chong, 2009). Rakan mampu membuatkan remaja merasakan dirinya normal tatkala remaja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut mendedahkan kekurangan dirinya. Rakan juga merupakan individu penting yang membantu remaja dalam melalui masalah yang menggangu emosi seperti putus cinta dan konflik dengan ibu bapa dengan memberikan maklumat yang berguna dan sokongan emosi. Selain itu, rakan juga boleh melindungi remaja lain daripada menjadi mangsa buli. Rakan boleh menjadi teman aktif dalam membentuk identiti kendiri.

Walaupun persahabatan mempunyai pelbagai manfaat perkembangan diri, bukan semua persahabatan adalah sama. Kualiti persahabatan juga merupakan elemen penting yang perlu dititikberatkan (Brown & Larson, 2009; Vitaro, Boivin & Bukowski, 2009). Individu berbeza dalam teman yang didampingi. Manfaat dari segi perkembangan diri boleh didapati apabila remaja mempunyai rakan-rakan yang berkemahiran secara sosial, memberikan sokongan dan mempunyai orientasi terhadap pencapaian akademik (Crosnoe et al., 2008). Manakala, keburukan dari segi perkembangan diri boleh berlaku apabila remaja mempunyai rakan yang menghasut, sering berkonflik dan kualiti persahabatan yang rendah. Kajian Sieving et al. (2006) mendapati remaja yang mempunyai rakan yang aktif secara seksual mempunyai kecenderungan untuk turut memulakan perhubungan seksual berbanding remaja yang mana rakannya tidak berpengalaman secara seksual. Di samping itu, rakan yang aktif di sekolah, sukan dan agama mempunyai pengaruh yang positif terhadap remaja. Kajian Cook, Deng dan Morgano (2007) pula mendapati pencapaian akademik rakan merupakan peramal yang konsisten terhadap pencapaian sekolah yang positif dan turut berkaitan dengan kecenderungan tingkah laku negatif yang rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam Santrock juga turut dinyatakan bahawa dua kriteria penting persahabatan adalah keintiman dan persamaan. Keintiman mempunyai pelbagai definisi dalam persahabatan. Keintiman merupakan kesemua perkara yang membuat sesuatu perhubungan itu mendalam dan bermakna. Keintiman dalam persahabatan secara khususnya bermaksud pendedahan kendiri atau perkongsian rahsia. Remaja menggambarkan keintiman persahabatan mereka melalui kemampuan mereka berkongsi tentang masalah, memahami, mendengar apabila remaja bercakap atau meluahkan perasaan dan pemikiran. Kriteria persamaan pula merujuk kepada persamaan dalam persahabatan dari segi umur, jantina, etnik dan pelbagai faktor lain. Hal ini dirujuk sebagai kecenderungan untuk membina hubungan dengan individu yang mempunyai persamaan (Prinstein & Dodge, 2008). Rakan selalunya mempunyai aspirasi, matlamat, orientasi pencapaian, pencapaian akademik dan tingkah laku yang hampir sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 Remaja dan Salah Laku

Profil demografi Malaysia menunjukkan bahawa populasi remaja yang berumur 10-19 tahun mencecah satu perlima daripada jumlah populasi Malaysia (WHO, 2007). Zaman remaja yang merupakan dekad kedua kehidupan, semakin dikenali sebagai fasa kehidupan yang kritikal terutamanya dari perspektif kesihatan dan sosial. Remaja yang sihat merupakan teras dan satu pelaburan sosial dan perkembangan ekonomi. Walau bagaimanapun, fasa remaja sangat mencabar dan pelbagai masalah yang major timbul (WHO, 2007). Zaman remaja merupakan satu jangka masa dalam kehidupan yang kritikal kerana perubahan yang signifikan secara biologi dan sosial akan berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Remaja akan berhadapan dengan halangan dalam menyesuaikan diri dengan situasi baharu dan majoriti masalah sosial selalunya berkaitan dengan tingkah laku, gaya hidup atau seksualiti. Kehamilan, lari dari rumah, dadah, rokok, delikuensi serta penggunaan bahan adalah antara masalah yang sering berlaku dalam kalangan remaja (United Nations, 2002).

Spektrum permasalahan remaja merupakan sesuatu yang sangat luas. permasalahan ini bersifat pelbagai seperti keseriusan masalah, kecenderungan jantina dan kumpulan sosioekonomi yang berbeza. Terdapat permasalahan yang bersifat sementara dan terdapat permasalahan yang bersifat jangka panjang. Terdapat pelbagai kajian yang menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti kemiskinan, hubungan keibu bapaan yang tidak efektif dan masalah mental ibu bapa merupakan peramal permasalahan remaja (Pianta, 2005). Peramal permasalahan ini dikenali sebagai faktor risiko. Faktor risiko menandakan satu kemungkinan yang tinggi bagi permasalahan berlaku dalam kumpulan individu yang mempunyai faktor tersebut. Remaja yang mempunyai banyak faktor risiko dikatakan mempunyai risiko permasalahan yang tinggi. Namun begitu, bukan semua remaja akan mengalami permasalahan tersebut (Johnson & Malow-Iroff, 2008). Sekumpulan pengkaji secara asasnya berfikir dari perspektif faktor risiko apabila mengkaji permasalahan remaja, manakala terdapat sekumpulan pengkaji pula berpandangan bahawa pemikiran sebegitu membina persepsi yang terlalu negatif. Maka, mereka mengkaji aset perkembangan remaja. Benson (2006) telah menggariskan aset perkembangan yang diperlukan oleh remaja bagi mencapai hasil yang positif dalam kehidupan mereka. Separuh aset tersebut adalah bersifat dalaman dan separuh lagi bersifat luaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aset yang bersifat dalaman adalah:

i) Komitmen untuk belajar: bermotivasi mencapai keputusan yang baik dalam pelajaran, menetapkan dan menuruti peraturan pembelajaran seperti ulang kaji, kerja rumah dan sebagainya.

ii) Nilai positif: mengamalkan nilai-nilai positif seperti menolong orang lain, bertanggungjawab dan integriti.

iii) Kompetensi sosial: kemahiran sosial seperti membuat keputusan, merancang, hubungan interpersonal dan persahabatan.

iv) Identiti positif: mempunyai perasaan kawalan kendiri terhadap kehidupan dan penghargaan diri yang tinggi.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aset yang bersifat luaran pula adalah:

i) Sokongan: sokongan keluarga, komuniti dan rakan.

ii) Memperkasa: komuniti yang menghargai penglibatan remaja dan memberikan mereka tugasan yang berguna

iii) Limitasi dan harapan: penetapan peraturan yang jelas dalam keluarga dan memantau pergerakan remaja.

iv) Penggunaan masa secara membina: terlibat dengan aktiviti yang kreatif.

Menurut Abdullah Sani (2005), masalah remaja terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu masalah harian, masalah semasa dan jenayah berat. Masalah harian adalah masalah biasa yang sering kita lihat di sekeliling kita yang membabitkan salah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

laku remaja, berlaku dengan lebih banyak di sesuatu kawasan seperti kawasan pinggir bandar dan kawasan bandar. Contohnya seperti ponteng sekolah, bergaduh, benci guru, buli dan merokok dalam kawasan sekolah. Masalah semasa adalah masalah yang menjadi isu berat terutamanya bagi remaja di bawah umur dan masih bersekolah dan berlaku di semua tempat tidak kira jenis kawasan. Contohnya seperti masalah black-metal dan pink-metal, gejala lepak, peras ugut, gengsterisme dan vandalisme. Jenayah berat pula melibatkan kesalahan berat yang dilakukan oleh seseorang remaja serta menyalahi undang-undang. Contoh jenayah berat yang dilakukan oleh remaja adalah merompak, merogol, membunuh, penyalah gunaan dadah, pelacuran dan sebagainya (Maizatul, 2007).

Kajian irisan lintang Jamsiah dan Hazlinda (2009) yang bertujuan melihat prevalens salah laku remaja dan faktor hubung kaitnya telah menggunakan seramai 414 pelajar sekolah menengah di Daerah Melaka Tengah sebagai sampel kajian bagi tempoh setahun. Pengkaji telah menyenaraikan 16 jenis salah laku sosial termasuk penggunaan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual. Data telah dikumpul menggunakan borang soal selidik yang diadaptasi dari Borang Soal Selidik Remaja, Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia ke Empat 2004 dan Borang Soal Selidik untuk Remaja oleh Jabatan Kesihatan Masyarakat, Universiti Kebangsaan Malaysia. Data telah dianalisis secara deskriptif dan bivariat. Seramai 292 (70.5%) responden pernah melakukan sekurang-kurangnya satu salah laku sosial. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa 13.3% iaitu L=54 dan P=1 responden merokok. Bagi penggunaan dadah pula, 1.0% responden terlibat iaitu seramai 4 orang responden lelaki. Seramai 12 orang iaitu L=7 dan P=5 terlibat dengan alkohol. Bagi salah laku seksual pula, 28.7% telah menonton filem pornografi, 23.7% telah terlibat dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aktiviti praseksual manakala 10.6% telah melakukan hubungan seksual. Kajian ini juga turut mendapati bahawa remaja lelaki dan remaja berbangsa Melayu mempunyai risiko yang tinggi melakukan salah laku sosial berbanding remaja perempuan atau bangsa-bangsa yang lain.

Kajian Zaleha et al. (2008) pula telah dijalankan bagi mengenal pasti jenis-jenis masalah sosial yang berlaku di Felda dan faktor-faktor yang menyumbang kepada berlakunya masalah sosial menurut perspektif masyarakat Felda tersebut. Dapatan kajian tersebut menunjukkan terdapatnya permasalahan sosial seperti penggunaan dadah, mencuri, merogol dan pecah rumah. Nilai keluarga yang materialistik dan tidak mengambil berat tentang tingkah laku dan kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak sebagai faktor permasalahan sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, setiap remaja pernah sekurang-kurangnya terlibat dengan satu salah laku sosial daripada 16 jenis salah laku sosial yang disenaraikan termasuk penggunaan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual. Golongan remaja lelaki dan remaja berbangsa Melayu mempunyai risiko yang tinggi melakukan salah laku sosial berbanding remaja perempuan atau bangsa-bangsa yang lain (Jamsiah dan Hazlinda, 2009). Nilai keluarga yang materialistik dan tidak mengambil berat tentang tingkah laku dan kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak sebagai faktor permasalahan sosial (Zaleha et al., 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7 Rokok

Merokok merupakan masalah yang paling serius dalam kalangan remaja dan pada masa yang sama merupakan masalah yang boleh dicegah. Satu kajian tinjauan dunia menunjukkan bahawa anggaran 20% remaja dari 130 negara yang dikaji menggunakan produk tembakau (Centers for Disease Control and Prevention 2006). Rokok juga merupakan bahan yang paling kerap digunakan oleh remaja di sekolah (Johnston et al., 2009).

Kumpulan rakan sebaya memainkan peranan penting dalam tingkah laku merokok remaja. Kajian Alexander et al. (2001) mengaitkan faktor risiko merokok dengan rangkaian rakan sebaya yang merokok, rakan yang merokok dan merokok adalah normal di sekolah. Kajian Bernat et al. (2008) pula mendedahkan bahawa remaja yang mempunyai rakan atau ahli keluarga yang merokok lebih cenderung merokok. Remaja yang merokok juga didapati mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk terlibat dengan tingkah laku berisiko seperti hubungan seksual, alkohol dan penggunaan kenderaan secara berbahaya (Camenga, Klein & Roy, 2006). Kanak-kanak dan remaja dengan mudah boleh mendapatkan Kajian Ellickson, Tucker & Klein (2008) pula mendapati faktor yang mencegah remaja daripada merokok adalah faktor-faktor seperti tinggal bersama keluarga, tiada penceraian dalam keluarga, pencapaian akademik yang cemerlang dan ibu bapa yang melarang.

Zainuddin dan Ahmad (2010) telah menjalankan satu kajian bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku merokok dalam kalangan pelajar sekolah. Kajian berbentuk deskriptif dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian. Responden kajian adalah seramai 30 orang pelajar lelaki dan perempuan tingkatan satu hingga tingkatan lima di SMK Taman Selesa Jaya 2, Skudai, Johor dan dipilih setelah dikenal pasti mempunyai rekod pernah ditangkap atas kesalahan merokok oleh guru disiplin sekolah. Data kajian telah dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 13.5 bagi mendapatkan hasil kekerapan, peratus dan min. Dapatan kajian menunjukkan faktor persekitaran seperti mudah mendapatkan rokok dan penjual rokok yang tidak melarang pembelian rokok oleh individu berumur bawah 18 tahun sebagai faktor yang paling kuat dalam mempengaruhi pelajar merokok berbanding faktor keluarga dan faktor rakan sebaya.

Roslee dan Mohamed (2006) pula telah menjalankan satu kajian bagi mengenal pasti punca, risiko merokok dan sumbangan terhadap penagihan bahan dalam kalangan perokok. Kajian yang berbentuk deskriptif dan menggunakan soal selidik yang dicipta oleh pengkaji bagi mengutip data. Responden kajian merupakan 73 orang pelatih Pusat Giat Mara Bukit Payong, Terengganu yang berumur antara 15 – 18 tahun dan bilangan ini merangkumi 100% populasi di lokasi yang dikaji. Data telah dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan peratusan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa 53.43% responden menyatakan hubungan sosial sebagai punca mereka merokok, 66.3% bersetuju risiko kebergantungan mempengaruhi seseorang untuk merokok dan 67.43% pula tidak bersetuju merokok menyumbang kepada penagihan bahan. Sejumlah 60.54% responden tidak bersetuju faktor persekitaran sebagai punca merokok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan mengenai faktor persekitaran ini bertentangan dengan dapatan Zainuddin dan Ahmad (2010) yang menyatakan faktor persekitaran adalah faktor yang paling kuat berbanding faktor keluarga atau rakan sebaya. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh umur responden kajian yang berbeza iaitu, terdapat responden kajian Roslee dan Mohamed (2006) yang berumur 18 tahun ke atas manakala kajian Zainuddin dan Ahmad (2010) hanya mempunyai responden yang berumur 18 tahun ke bawah. Faktor umur mempengaruhi pandangan individu terhadap perlakuan merokok. Remaja mungkin merokok sekadar berseronok tetapi orang dewasa pula merokok disebabkan faktor kebergantungan atau ketagihan walaupun sedar akan risikonya (Roslee & Mohamed, 2006).

Kaya dan Unalan (2010) telah menjalankan kajian bagi mengetahui persepsi remaja Turki mengenai tingkah laku merokok dan kehidupan tanpa tembakau. Kajian deskriptif ini telah dijalankan pada 2007 dengan sampel seramai 866 yang merupakan remaja berumur 11-14 tahun. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa 86% responden kajian ini merokok dan terdapat 12% kebarangkalian bagi seseorang remaja merokok sekurang-kurangnya sekali dalam hidup. Terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman merokok dengan jantina lelaki, mempunyai individu yang merokok dalam keluarga dan tahap pendidikan ibu atau bapa yang rendah. Bagi responden kajian yang tidak merokok, antara punca tidak merokok yang paling banyak dinyatakan adalah masalah kesihatan secara langsung berkait dengan tabiat merokok, kesan negatif merokok selain kesihatan seperti bau yang busuk dan toksik serta rasional subjektif yang berkait dengan persepsi diri remaja seperti kegembiraan, kekal sihat dan merokok memberi kesan negatif kepada perkembangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Weiss et al. (2008) pula telah menjalankan kajian bagi meneroka perkaitan antara tiga faktor psikologikal iaitu kebimbangan, agresif dan kemurungan dengan tingkah laku merokok dalam kalangan remaja Cina di negara China. Populasi kajian merangkumi 4,724 remaja dari tujuh bandar besar di China. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor psikologikal iaitu kebimbangan, agresif dan kemurungan berkait dengan risiko yang lebh tinggi untuk merokok sepanjang hayat bagi kedua-dua jantina.

Can et al. (2009) telah mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada tabiat merokok dalam kalangan remaja Turki. Kajian ini turut menentukan tahap penggunaan rokok sepanjang hayat, setiap hari, dan penggunaan semasa oleh remaja berumur 15-19 tahun serta mengkaji faktor-faktor risiko yang menyumbang kepada tabiat merokok. Seramai 4,666 pelajar telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Remaja lelaki yang merokok secara kerap didapati mempunyai ibu, bapa, adik-beradik, rakan atau guru yang turut merokok serta pencapaian akademik yang rendah.

Satu kajian yang meyelidik hubugan antara ibu yang merokok dan keluarga, faktor risiko sosial atau anak-anak apabila anak berusia 5 tahun dan remaja yang merokok. Pengaruh ibu yang merokok ketika mengandung atau yang teruskan merokok ketika berumur 14 tahun turut dikaji. Responden kajian merupakan 8556 orang perempuan. Dapatan kajian menunjukkan remaja dijangka merokok apabila melibatkan ibu yang merokok dan menggunakan alkohol, tidak berkhawin, mempunyai pasangan yang pernah ditahan dan mempunyai empat atau lebih anak dalam keluarga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara kesimpulannya, terdapat tiga faktor yang menjadi faktor utama merokok iaitu persekitaran, faktor keluarga dan faktor rakan sebaya. Faktor persekitaran adalah seperti mudah mendapatkan rokok dan penjual rokok yang tidak melarang pembelian rokok oleh individu berumur bawah 18 tahun. Faktor keluarga pula adalah seperti ahli keluarga yang merokok dan tiada kawalan atau halangan ke atas tingkah laku remaja. Faktor rakan sebaya pula merangkumi tekanan atau pujukan rakan sebaya untuk merokok dan agar diri diterima kumpulan rakan. Risiko kebergantungan pula mempengaruhi seseorang untuk terus merokok tetapi merokok tidak menyumbang kepada penagihan bahan secara mutlak.

2.8 Dadah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dadah adalah bahan psikoaktif yang digunakan bukan bagi tujuan perubatan dan penggunaannya adalah terlarang. Bahan ini menyebabkan pergantungan fizikal dan psikologikal serta toleransi fizikal meningkat. Dadah yang merangkumi heroin, morfin, candu, ganja, pil psikotropik, ecstasy atau Methylenedioxymethamphetamine (MDMA), gam, syabu atau methamphetamine, amphetamine dan kodein atau ubat batuk boleh diperolehi dalam bentuk serbuk atau pil (Buletin Dadah, 2012).

Mengikut Perangkaan Sosial Terpilih (2010) telah mengetengahkan analisis statistik penagih dadah di Malaysia. Analisis ke atas 12,352 penagih dadah yang telah dikesan menunjukkan, faktor-faktor individu menggunakan dadah adalah kerana pengaruh kawan (6,488 penagih), untuk keseronokan (2,464 penagih), perasaan ingin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tahu (1,721 penagih), tekanan jiwa (703 penagih), rangsangan (125 penagih), tahan sakit (76 penagih), secara tidak sengaja (40) dan lain-lain (147 penagih).

Mahyuddin dan Azizah (2008) telah mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar. Kaedah deskriptif digunakan untuk mengenal pasti sikap individu, pengaruh rakan sebaya, permasalahan keluarga dan pengetahuan terhadap dadah di Pusat Serenti Tiang Dua, Melaka. Seramai 36 orang responden telah mengambil bahagian dalam kajian tersebut. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik dan data telah dianalisis bagi mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan faktor sikap individu, pengaruh rakan sebaya, permasalahan keluarga dan pengetahuan terhadap dadah berada pada tahap sederhana dalam mempengaruhi penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar. Seramai 58.3% responden bersetuju bahawa mereka menggunakan dadah untuk mengurangkan tekanan masalah, 50% responden bersetuju bahawa mereka mudah menerima pelawaan rakan mereka untuk mencuba dadah, sebanyak 41.7% responden bersetuju bahawa mereka mudah mengikut perlakuan rakan yang menjurus kepada penyalahgunaan dadah seperti merokok, 41.7% responden bersetuju bahawa mereka tidak prihatin jika ramai rakan mereka terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan sebanyak 30.6% responden bersetuju bahawa pendirian mereka mudah goyah apabila didesak oleh rakan untuk mencuba dadah. Sebanyak 36.1% responden telah bersetuju bahawa ibu bapa mereka sering bergaduh yang menyebabkan mereka terlibat dengan penyalahgunaan dadah, sebanyak 27.8% orang responden bersetuju bahawa keluarga mereka mementingkan kekayaan duniawi sehingga mereka terjebak dalam penyalahgunaan dadah dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebanyak 50% responden bersetuju bahawa terdapat dalam kalangan ahli keluarga mereka yang mengambil dadah menyebabkan mereka turut mengambil dadah.

Trenette, Anh dan Faye (2011) telah menjalankan kajian bagi menyelidik faktor risiko dan faktor perlindungan dari segi individu, keluarga, rakan sebaya dan komuniti ke atas penggunaan alkohol dan marijuana dalam kalangan remaja Afrika-Amerika. Kajian ini telah menggunakan data yang dikumpul daripada 907 remaja Afrika-Amerika. Faktor risiko adalah kejadian, keadaan atau pengalaman yang meningkatkan kemungkinan bagi sesuatu masalah terjadi, kekal dan menjadi lebih teruk manakala faktor perlindungan adalah faktor yang secara langsung dapat mempengaruhi hasil sesuatu perkara atau faktor-faktor ini dapat secara tidak langsung mempengaruhi kesan akhir sesuatu perkara dengan bertindak melawan faktor risiko. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor risiko dan perlindungan rakan sebaya dan individu lebih mempengaruhi remaja bandar manakala faktor risiko dan perlindungan keluarga serta komuniti lebh mempengaruhi remaja di kawasan pedalaman dalam penggunaan marijuana dan alkohol.

Faktor individu merujuk kepada demografi, biologi, psikologi dan isu sosial yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah. Faktor risiko individu termasuk genetik, orientasi mencari keseronokan, kurang kawalan impuls dan tingkah laku bermasalah dan berisiko yang berpanjangan manakala faktor perlindungan individu pula termasuk kemahiran menyelesaikan masalah, tingkah laku positif, mood yang positif, pencapaian akademik dan kebijaksanaan yang tinggi serta tekanan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rendah ketika zaman kanak-kanak. Faktor risiko keluarga pula merujuk kepada konflik keluarga, amalan pengurusan keluarga yang kurang berkesan, pola komunikasi keluarga yang tidak berfungsi, penyalahgunaan dadah oleh ahli keluarga dan hubungan ibu bapa-anak yang kurang baik manakala faktor perlindungan keluarga merujuk kepada keluarga yang kecil, menjadi anak pertama, konflik ibu bapa yang rendah dan kohesi keluarga yang tinggi. Faktor risiko rakan sebaya pula adalah hubungan dengan rakan sebaya yang menyalahguna dadah. Faktor risiko komuniti pula adalah kejelikitan komuniti yang rendah, mobiliti residensi yang tinggi, kadar jenayah yang tinggi dan kejiranan yang tidak berstruktur manakal faktor perlindungan komuniti pula termasuk kohesi kejiranan, jaringan antara generasi dan sumber komuniti.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Secara kesimpulan, faktor-faktor yang mendorong individu bagi menggunakan dadah terbahagi kepada tiga iaitu rakan, keluarga dan diri. Faktor rakan adalah seperti pengaruh kawan, pelawaan kawan dan untuk diterima dalam kumpulan rakan. Faktor keluarga adalah seperti ibu bapa yang sering bergaduh, keadaan rumah yang tidak tenteram, keluarga mementingkan kekayaan dan ahli keluarga yang mengambil dadah. Faktor diri pula untuk keseronokan, perasaan ingin tahu, tekanan jiwa, rangsangan, tahan sakit, secara tidak sengaja dan mengurangkan tekanan masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9 Alkohol

Minuman beralkohol atau minuman keras mudah didapati dalam pelbagai masyarakat di dunia sejak sekian lama. Pada awalnya, minuman keras dihasilkan secara tradisional untuk kegunaan sesuatu kumpulan masyarakat. Walau bagaimanapun, kini penghasilannya telah berubah kepada pengeluaran besar-besaran dengan jenama khusus dan pelbagai jenis. Pengeluaran dan pengedaran minuman beralkohol telah diklasifikasi kepada minuman keras tradisional dan minuman keras kosmopolitan. Minuman keras tradisional adalah minuman keras yang dihasilkan di rumah dan sebagai hasil kraf budaya oleh industri tempatan. Minuman keras kosmopolitan pula adalah minuman keras yang dikeluarkan oleh industri global. Minuman kosmopolitan adalah seperti minuman keras Eropah iaitu bir, wain, brandy, wiski, gin, vodka dan spirit yang diedarkan secara meluas di seluruh dunia. Kini tequila, sake, cider dan beberapa jenis minuman spirit lain yang dikaitkan dengan masyarakat bukan Eropah telah pun diangkat menjadi minuman kosmopolitan apabila pemasar berjaya mendapat pengiktirafan pasaran dunia (WHO, 2007).

Mengikut statistik The Star (2013), 8.5% remaja Malaysia yang berumur bawah 18 tahun didapati telah mengambil alkohol tahun lepas. Satu kajian Kementerian Kesihatan menganggarkan bahawa 6.9% warga Malaysia yang berumur antara 15 dan 19 tahun merupakan peminum alkohol dan 1.6% remaja berumur antara 13 – 14 tahun pernah menambil alkohol. Kementerian menafsirkan peminum sebagai individu yang pernah mengambil apa jua minuman beralkohl atau berasaskan etanol dalam tempoh 12 bulan yang lepas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Ardiah, Zaidah dan Rokiah (2009) membincangkan isu berkaitan pengambilan minuman keras dalam kalangan remaja dengan menumpukan kepada jenis, pola minum dan faktor-faktor remaja minum minuman keras berdasarkan pengalaman dan persepsi remaja. Kajian yang telah dijalankan di sekitar daerah Ranau ini telah menggunakan seramai 50 remaja Dusun yang mempunyai pengalaman mengambil minuman keras dan empat orang informan utama yang terdiri daripada golongan remaja dan dewasa yang banyak mengetahui tentang pengambilan minuman keras dalam masyarakat. Persampelan kaedah snowball telah digunakan. Data kualitatif diperolehi melalui pemerhatian tidak ikut serta dan temu bual mendalam. Hasil kajian mendapati remaja mula minum minuman keras serendah umur bawah 15 tahun dan mereka lebih banyak minum minuman keras tradisional, namun sudah cenderung minum bir yang dikategorikan sebagai minuman keras kosmopolitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Remaja mudah memperolehi minuman keras di rumah pengusaha, kedai runcit dan restoran serta mereka sering minum di waktu perayaan, pada hujung minggu dan bersama rakan sebaya. Pengambilan minuman keras dalam kalangan remaja dipengaruhi oleh faktor sikap dan persekitaran sosial. Sikap meliputi sikap ritual, kemeriahan (*convivial*) dan utilitarian. Faktor persekitaran sosial pula adalah hasutan (*incitement*) yang meliputi kebenaran minum tidak kira usia sewaktu pesta dan ritual budaya, dorongan rakan sebaya, daya beli remaja dan identiti kelelakian; faktor ketersediaan (*availability*) pula meliputi keadaan mudah mendapat minuman keras di pesta, kedai runcit, di rumah- rumah pengusaha dan restoran; dan faktor contoh (*example*) iaitu contoh yang mudah diikuti daripada amalan rakan sebaya, ahli masyarakat dan iklan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Trenette, Anh dan Faye (2011) telah menjalankan kajian bagi menyelidik faktor risiko dan faktor perlindungan dari segi individu, keluarga, rakan sebaya dan komuniti ke atas penggunaan alkohol dan marijuana dalam kalangan remaja Afrika-Amerika. Kajian ini telah menggunakan data yang dikumpul daripada 907 remaja Afrika-Amerika. Faktor risiko adalah kejadian, keadaan atau pengalaman yang meningkatkan kemungkinan bagi sesuatu masalah terjadi, kekal dan menjadi lebih teruk manakala faktor perlindungan adalah faktor yang secara langsung dapat mempengaruhi hasil sesuatu perkara atau faktor-faktor ini dapat secara tidak langsung mempengaruhi kesan akhir sesuatu perkara dengan bertindak melawan faktor risiko. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor risiko dan perlindungan rakan sebaya dan individu lebih mempengaruhi remaja bandar manakala faktor risiko dan perlindungan keluarga serta komuniti lebh mempengaruhi remaja di kawasan pedalaman dalam penggunaan marijuana dan alkohol.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Page dan Cougar (2009) telah dijalankan bagi menyelidik hubungan antara tingkah laku seksual, penggunaan alkohol dan petunjuk tekanan psikososial (kesihatan mental) dalam kalangan remaja di enam negara sub-Sahara Afrika dengan menggunakan *Global School-based Sstudent Health Survey (GSHS)*. Sampel seramai 22,949 remaja telah mengambil bahagian dalam tinjauan ini. Analisis statistik telah dijalankan bagi menentukan sama ada tingkah laku seksual meningkat dengan tahap tekan psikososial dan penggunaan alkohol. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tingkah laku seksual seperti melakukan hubungan seks atau melakukan hubungan seks dengan 2 atau lebih orang adalah berkait dengan tekanan psikososial dan penggunaan alkohol. Dapatan juga menunjukkan bahawa kedua-dua jantina yang melaporkan tekanan psikososial dan penggunaan alkohol mempunyai risiko yang lebih tinggi bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melakukan hubungan seks. Selain itu, kajian ini juga mendapati kebarangkalian bagi hubungan seks dilakukan turut meningkat dengan peningkatan bilangan petunjuk tekanan psikososial dan kekerapan pengambilan alkohol. Dapatan kajian ini menjelaskan keperluan pendidikan kesihatan di sekolah dan perkhidmatan kesihatan terutamanya sebagai usaha bagi mengurangkan tekanan psikososial dan mencegah penyalahgunaan bahan bagi mencegah penyebaran HIV dan lain-lain penyakit kelamin.

Antara faktor risiko yang telah dikenal pasti melalui kajian luar negara adalah genetik, pengaruh keluarga, hubungan rakan sebaya, personaliti tertentu dan ciri-ciri motivasi diri (Pingers et al., 2009). Walaupun therdapat bukti yang menyatakan bahawa genetik mempengaruhi pengambilan alkohol, kedua-dua faktor genetik dan persekitaran memainkan peranan (Hart, Ksir & Ray, 2009). Penggunaan alkohol oleh remaja sangat dipengaruhi oleh hubungan dengan ibu bapa dan rakan sebaya (Chassin, Hussong & Beltran, 2009; Jones et al., 2008). Remaja yang mengambil alkohol selalunya berasal daripada keluarga yang kurang gembira yang mempunyai tahap konflik yang tinggi, ibu bapa yang memberikan perhatian dan kasih sayang yang sangat minimum, tidak ada kejelikitan dengan ibu bapa, ibu bapa mempunyai kemahiran pengurusan keluarga yang sangat lemah dan ibu bapa yang membenarkan penggunaan alkohol (Barnes, Farrell & Banerjee, 1995). Sokongan keluarga yang kuat secara jelasnya merupakan strategi pencegahan yang sangat penting dalam menurunkan penggunaan alkohol oleh remaja (Chassin, Hussong & Beltran, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, minuman beralkohol yang terbahagi kepada minuman keras tempatan dan kosmopolitan kini semakin banyak di Malaysia dengan pengguna yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan pelbagai peringkat umur. Punca individu mengambil alkohol adalah kerana faktor sikap iaitu perasaan ingin tahu, untuk keseronokkan, ritual, kemeriahan dan utilitarian; dan faktor persekitaran sosial seperti hasutan, ketersediaan dan contoh. Faktor-faktor seperti keluarga dan rakan sebaya boleh menjadi faktor penyebab dan faktor pencegah.

2.10 Tingkah Laku Seksual

Masalah seksual menjadi semakin serius dan membimbangkan apabila kajian menunjukkan remaja terlibat dengan salah laku seksual seawal usia 11 tahun. Penglibatan pada usia yan begitu muda dikatakan boleh meningkatkan risiko dijangkiti HIV disamping lebih mudah terlibat dengan tingkah laku bermasalah yang lain (Peltzer, 2010).

Peltzer (2010) telah menjalankan kajian ke atas 10 700 remaja berumur 15 tahun yang bersekolah dari lapan negara Afrika bagi tujuan menyelidik penglibatan awal dalam aktiviti seksual. Kajian ini telah menggunakan kaedah analisis univariat dan multivariat bagi mentafsir hubungan antara penglibatan seksual yang awal dengan penggunaan alkohol, tembakau dan lain-lain jenis dadah, tekanan mental,aktiviti fizikal, faktor perlindungan dan status sosioekonomi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa lelaki dan perempuan yang mula terlibat dengan tingkah laku seksual pada umur kurang dari 15 tahun, adalah lebih berkemungkinan untuk terlibat dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyalahgunaan alkohol, dadah, ponteng sekolah, hubungan ibu bapa-anak yang kurang baik, pergaduhan fizikal dan kecederaan teruk. Tekanan mental dan kemiskinan bagi perempuan manakala dibuli, kurang pengawasan ibu bapa/penjaga bagi lelaki, dikaitkan dengan penglibatan awal dalam akiviti seksual. Kajian ini mendapati prevalen penglibatan awal dalam akiviti seksual yang tinggi dalam kalangan remaja Afrika berumur 15 tahun. Faktor risiko yang telah dikenal pasti konsisten dengan teori tingkah laku bermasalah yang menyataka bahawa penglibatan awal dalam akiviti seksual sering berkait dengan masalah tingkah laku yang lain.

Kajian Nasrudin et al. (2012) bertujuan mengenal pasti sama ada remaja perempuan cenderung melakukan hubungan seks atas dasar cinta atau nafsu. Kajian fokus ini telah dijalankan di Asrama Bahagia Kampung Pandan dan melibatkan lapan orang penghuni serta analisis kandungan tema telah digunakan dalam mencari makna terhadap isu ini. Dapatan kajian menunjukkan remaja perempuan cenderung melakukan hubungan seksual untuk mendapatkan cinta dan kasih sayang daripada pasangan, tetapi perasaan cinta tersebut mampu berubah menjadi keinginan seksual atau nafsu apabila remaja mula aktif melakukan hubungan seksual bersama pasangan. Pengkaji juga mendapati remaja turut cenderung mendefinisikan hubungan seksual sebagai cara untuk menyatakan perasaan cinta dan kasih kepada pasangan. Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa remaja perempuan cenderung melakukan hubungan seksual untuk mendapatkan keperluan cinta, kasih sayang dan perhatian daripada pasangan mereka dan tidak dinafikan terdapat di antaranya melakukan hubungan seksual untuk mendapatkan sumber kewangan. Orientasi ini boleh berubah menjadi keinginan seksual dan nafsu apabila mereka mendapat keseronokan daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aktiviti seksual yang dilakukan. Maka, tidak hairanlah jika ada di antara remaja mula mengalami ketagihanan seks yang serius.

Kajian yang dijalankan oleh Salamatussaadah (2010) terhadap remaja hamil di Taman Sri Puteri Kuala Lumpur bertujuan mengkaji punca keinginan mengadakan hubungan intim dan kesannya kepada remaja. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa remaja hamil memberi makna mengenai hubungan intim, cinta dan seks menurut pandangan mereka secara berbeza-beza. Manakala, motif mereka melakukan hubungan intim pula adalah untuk mendapatkan kasih sayang, perhatian, kebahagiaan, keseronokan dan keselamatan daripada pasangan.

Kajian Bonnie et al. (2005) telah dijalankan untuk melihat bentuk tingkah laku seksual yang dilakukan oleh remaja seperti seks oral, seks anal dan seks vagina dan melihat persepsi mereka terhadap bentuk-bentuk hubungan seksual tersebut. Kajian tersebut merupakan yang pertama untuk mengkaji persepsi remaja berkaitan seksual. Responden kajian merupakan 580 orang dari pelbagai etnik dengan purata umur 14.54 tahun dan 58% adalah perempuan. Kajian longitudinal ini telah menggunakan soal selidik yang mengandungi soalan tentang pengalaman seksual, sikap dan prevalen. Kajian melaporkan peratusan pelajar melakukan seks oral lebih tinggi daripada seks vaginal iaitu sebanyak 19.6%. Kajian ini turut mendapati bahawa remaja lebih cenderung melakukan seks oral berbanding seks vaginal kerana seks oral lebih selamat dari sudut kesihatan dan masih boleh diterima dari sudut moral serta nilai kepercayaan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Chewning et al. (2001) bertujuan mengenal pasti faktor perlindungan yang berkaitan pola tingkah laku seksual yang lebih selamat dalam kalangan remaja Indian-Amerika. Kajian tinjauan ini telah melibatkan 484 pelajar remajadari lima sekolah kawasan luar bandar. Faktor perlindungan yang dikaji adalah penangguhan seks kali pertama, tidak melakukan hubungan seks dalam tempoh 3 bulan yang lepas, penggunaan pil perancang kehamilan dalam kalangan remaja yang aktif secara seksual dalam tempoh 3 bulan yang lepas dan penggunaan kondon dalam tempoh 3 bulan yang lepas. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor yang berkait secara signifikan dalam mengelak hubungan seksual dan/atau penggunan pencegah kehamilan secara konsisten adalah termasuk tingkah laku rakan yang kurang berisiko dari segi kesihatan, sokongan ibu bapa yang tinggi, pengetahuan dan pemantauan aktiviti remaja dan rakan-rakannya oleh ibu bapa, nilai pencapaian akademik yang tinggi, pencapaian akademik yang tinggi dan kefungsian diri yang lebih tinggi bagi amalan seksual yang selamat.

Haglund dan Fehring (2010) pula telah mengkaji perkaitan keagaaman, pendidikan seksual dan struktur keluarga dengan tingkah laku seksual berisiko remaja dan awal dewasa.Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan data dari *2002 National Survey of Family Growth.* Kajian ini telah melibatkan 3,168 lelaki dan perempuan berumur antara 15-21 tahun. Kajian ini mendapati bahawa individu yang menganggap agama sebagai sesuatu yang amat penting, sering ke gereja dan mempunyai pegangan seksual keagamaan adalah 27-54% kurang terlibat dengan aktiviti seksual serta mempunyai kurang pasangan seksual berbanding rakan sebaya. Responden kajian yang berasal dari keluarga yang mengamalkan pendidikan seksual secara formal dan melalui ibu bapa serta keluarga yang mempunyai kedua-dua ibu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan bapa menunjukkan kecenderungan yang rendah untuk terlibat dengan aktiviti seksual.

Kajian Page dan Cougar (2009) telah dijalankan bagi menyelidik hubungan antara tingkah laku seksual, penggunaan alkohol dan petunjuk tekanan psikososial (kesihatan mental) dalam kalangan remaja di enam negara sub-Sahara Afrika. Seramai 22,949 remaja telah mengambil bahagian dalam tinjauan ini dan analisis statistik telah dijalankan bagi menentukan sama ada tingkah laku seksual meningkat dengan tahap tekan psikososial dan penggunaan alkohol. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tingkah laku seksual seperti melakukan hubungan seks atau melakukan hubungan seks dengan 2 atau lebih orang adalah berkait dengan tekanan psikososial dan penggunaan alkohol. Dapatan turut menunjukkan bahawa kedua-dua jantina yang melaporkan tekanan psikososial dan penggunaan alkohol mempunyai risiko yang lebih tinggi bagi melakukan hubungan seks. Selain itu, kajian ini juga mendapati kebarangkalian bagi hubungan seks dilakukan turut meningkat dengan peningkatan bilangan petunjuk tekanan psikososial dan kekerapan pengambilan alkohol.

Novilla et al. (2006) pula telah menjalankan kajian bagi menggambarkan prevalens aktiviti seksual yang berisiko dalam kalangan remaja Bolivia dalam konteks lain-lain faktor tingkah laku yang menyumbang kepada pengabaian kesihatan, kehamilan yang tidak dirancang dan penyakit berjangkit melalui hubungan seks termasuk HIV/AIDS. Data telah dikumpul daripada 576 orang remaja berumur 13-18 tahun menggunakan *Youth Risk Behavior Surveillance Survey.* Dapatan kajian menunjukkan remaja lelaki, berbanding remaja perempuan, lebih cenderung

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melakukan hubungan seks, memulakan aktiviti seksual pada usia 14 tahun atau lebih awal, dan mempunyai dua atau lebih pasangan seksual dalam tempoh tiga bulan sebelum kajian. Bagi kedua-dua jantina, individu yang memulakan aktiviti seksual pada usia yang muda mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk terlibat dengan pelbagai tingkah laku berisiko dan alkohol menjadi satu faktor risiko yang signifikan. Kebarangkalian untuk terlibat dengan aktiviti seksual berkait dengan umur, tahap pencapaian akademik yang rendah,penyalahgunaan bahan, keganasan, kemurungan, dan kecenderungan bunuh diri. Lebih kerap faktor-faktor risiko ini berlaku, lebih tinggi peluang untuk individu tersebut terlibat dengan aktiviti seksual.

Kajian Kalina et al. (2011) bertujuan membandingkan ciri-ciri psikososial remaja yang tiada pengalaman seksual dengan remaja yang pernah melakukan hubungan seks. Seramai 2318 remaja yang sama ada yang telah melakukan hubungan seks dalam hubungan yang kurang dari sebulan, telah melakukan hubungan seks setelah meminum alkohol, mempunyai empat atau lebih pasangan seks atau menggunakan kondom secara tidak konsisten. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden yang lebih muda, perempuan, tinggal bersama keluarga, mempunyai sokongan sosial keluarga yang lebih tinggi cenderung kekal dara manakal remaja yang telah melakukan hubungan seks, sama ada yang selamat atau tidak selamat, mempunyai ciri-ciri psikososial yang hampir sama. Remaja yang mempunyai konsep kendiri positif atau sokongan sosial rakan yang tinggi tetapi tahap kesejahteraan, sokongan sosial keluarga atau aspirasi akademik yang rendah cenderung terlibat dengan seks yang tidak selamat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi tingkah laku seksual, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa jenis seperti seks oral, seks anal dan seks vagina. Faktor-faktor remaja terlibat dengan tingkah laku seksual adalah untuk mendapatkan keperluan cinta, kasih sayang, perhatian dan keseronokkan daripada pasangan mereka. Faktor persekitaran pula adalah seperti pengaruh tempat tinggal, pengaruh rakan dan pendedahan kepada aktiviti seksual melalui internet. Terdapat juga remaja yang melakukan hubungan seksual sebagai sumber kewangan. Apabila mereka mendapat keseronokan daripada aktiviti seksual yang dilakukan, ada di antara remaja mula mengalami ketagihanan seks yang serius.

2.11 Faktor-faktor Remaja Terlibat Dengan Salah Laku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian kepustakaan menunjukkan terdapat pelbagai faktor yang menyumbang ke arah salah laku remaja secara am. Antara faktor-faktor tersebut adalah hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya, keinginan untuk mendapatkan kebebasan mutlak, faktor penyesuaian diri dengan persekitaran, perasaan ingin tahu, kemahiran pengurusan masalah dan kemahiran membuat keputusan yang rendah dan perasaan dalaman remaja.

Keluarga memainkan peranan primer dalam perkembangan sahsiah dan tingkah laku anak selaras dengan pepatah Melayu, “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Perkembangan tersebut merangkumi aspek sosial, psikologi, emosi dan fizikal. Kajian Azlina dan Suzila (2010) bertujuan mengenal pasti kaitan antara faktor-faktor latar belakang keluarga, penerapan nilai-nilai keagamaan dan gaya keibu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bapaan dengan tingkah laku delikuensi pelajar. Kajian yang melibatkan seramai 141 orang pelajar tingkatan empat yang beragama Islam mendapati terdapat kaitan antara latar belakang keluarga dengan tingkah laku delikuensi pelajar. Dua jenis keluarga yang sering menjadi punca remaja memberontak dan terpesong ke arah yang salah adalah; keluarga yang mengamalkan sikap terlalu mengongkong, tertutup dan mempunyai peraturan yang tidak boleh dikompromi; dan keluarga yang terlalu memberikan kebebasan, tidak mempedulikan input kerohanian, nilai-nilai murni serta agama, bersifat terlalu terbuka dan tiada peraturan khusus yang diamalkan (Hashim, 2008).

Manakala, pada usia remaja pula, mereka memerlukan kebebasan dalam membuat keputusan yang memenuhi citarasa mereka. Jiwa remaja adalah sensitif, ingin dibelai dan memerlukan perhatian dalam setiap perkara yang dilakukan walaupun kadangkala ibu bapa merasakan perkara tersebut adalah sesuatu yang biasa dan remeh. Remaja sering terlibat dalam masalah sosial kerana inginkan perhatian (Othman & Norazmah, 2010; Suzana, 2002; Noraini, 2000). Remaja akan kerap melakukan kelakuan yang boleh menarik perhatian ibu bapa atau ahli keluarga apabila terasa terpinggir dan tidak dipedulikan (Shamsaadal & Abdullah, 2006). Walau bagaimanapun, bukan latar belakang keluarga sahaja yang menjadi faktor penting remaja perempuan terlibat dalam masalah sosial kerana diri sendiri paling mempengaruhi remaja perempuan terlibat dalam masalah sosial (Othman & Norazmah, 2010).

Pengaruh rakan sebaya turut tidak terlepas dari pandangan pengkaji. Secara semulajadinya, remaja menjadi kurang malu apabila bersama rakan-rakan mereka dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sifat remaja yang dahagakan keseronokan mengakibatkan remaja terikut-ikut sikap kawan dalam melakukan apa-apa sahaja yang memberikan keseronokan kepada mereka. Walaupun terikut-ikut, remaja sebenarnya membuat pilihan dan mengikut tingkah laku kawan adalah pilihan sendiri (Othman & Norazmah, 2010). Romzi (2006), turut menyokong pernyataan ini dan mengusulkan sebab utama remaja terlibat dengan kegiatan berisiko tinggi adalah untuk mencari keseronokan tanpa berfikir panjang. Semakin kuat keinginan untuk mencari keseronokan, semakin rendahlah kawalan dalaman diri mereka. Remaja juga tidak segan silu berdua-duaan dan bermesra bersama pasangan yang berlainan jantina di khalayak ramai. Pada usia remaja, naluri ingin berpasangan adalah tinggi dan remaja akan mudah jatuh cinta. Hal ini dibuktikan apabila Fatimah (2006) menyatakan perasaan ingin berpasangan semakin meluap-luap ketika berada di alam remaja. Jika perasaan ini tidak dikawal, ia akan membawa kepada masalah sosial seperti melakukan seks bebas demi "cinta sejati" (Othman & Norazmah, 2010).

Menurut Abd. Rahim (2006), golongan remaja menyesuaikan dirinya dengan faktor-faktor persekitaran keluarga, persekitaran sosial dan budaya yang akan mencorakkan perkembangan tingkah laku mereka. Kajian oleh Asmak (2006) mengenai salah laku sosial remaja masa kini menunjukkan faktor ingin mencuba juga tinggi iaitu sebanyak 48%. Kajian Asmak selaras dengan Zainal dan Sharani (2006) yang menjelaskan, pada peringkat usia remaja, mereka mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi. Justeru itu, apa-apa sahaja perkara baharu yang terjadi di sekeliling mereka akan mendorong wujudnya perasaan ingin tahu di dalam diri mereka. Oleh itu, perasaan ingin tahu yang wujud dalam diri mereka akan mendorong mereka melakukan apa sahaja tanpa memikirkan baik atau buruknya perkara-perkara tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Othman & Norazmah, 2010). Arieff dan Wardah (2006) menyatakan remaja tidak mempunyai keupayaan yang tinggi dalam meneliti sesuatu perkara atau masalah. Pengalaman kefahaman terhadap kehidupan mereka masih lagi terbatas dan apa yang difikirkan oleh remaja terhad kepada masa sekarang sahaja.

Terdapat juga kajian yang menunjukkan remaja terlibat dalam masalah sosial adalah disebabkan perasaan dalaman diri iaitu seringkali marah dan tidak puas hati apabila kehendak mereka dihalang. Penyelidik berpendapat, aspek ini banyak dipengaruhi oleh tekanan yang wujud dalam diri mereka. Mengikut Suzana (2002), tekanan semasa akil baligh berlaku disebabkan perubahan fizikal dan fisiologi. Antara tekanan-tekanan tersebut ialah mudah marah dan emosional. Pendapat Suzana dilihat selari dengan Azizi dan Rosnah (2007) yang menjelaskan remaja yang menghadapi tekanan akan melakukan tindakan yang diluar kawalan lantaran ingin meluahkan perasaan tidak puas hati, ingin membalas dendam dan sebagainya. Selain itu, peserta terlibat dalam masalah sosial adalah disebabkan peserta selalu berada dalam gangguan emosi.

2.12 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, tinjauan literatur yang berkaitan dengan penerimaan dan penolakan penggunaan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual oleh golongan remaja telah dibincangkan berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan. Perbincangan dalam bab ini telah dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut subtopik remaja dan salah laku, rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual. Bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

setiap subtopik, kajian-kajian yang menunjukkan statistik khusus, faktor penggunaan dan penolakan serta perbincangan mengenai keselarasan dapatan kajian-kajian lepas telah dikemukakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi, sampel dan kaedah persampelan serta prosedur kajian. Perbincangan ini bertujuan memeberikan penjelasan tentang kaedah kajian ini dijalankan. Setiap elemen dijadikan satu subtopik dengan huraian yang berkaitan.

3.2 Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan. Kajian tinjauan merupakan satu bidang pengukuran yang amat penting dalam kajian sosial dan merangkumi mana-mana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

prosedur pengukuran yang melibatkan pertanyaan soalan kepada responden (Punch, 2009). Kajian tinjauan juga merupakan satu kaedah penyelidikan yang bukan berbentuk eksperimen yang paling popular dalam bidang sosial dan digunakan bagi mendapatkan maklumat daripada bilangan responden yang ramai. Salah satu tujuan kajian tinjauan adalah bagi mendapatkan satu kenyataan umum tentang populasi yang dikaji (Trochim, 2016). Tinjauan boleh menjadi sama ada satu borang maklum balas ataupun temu bual mendalam yang intensif. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan kaedah pentadbiran soal selidik secara berkelompok dan temu bual semi-struktur.

Pentadbiran soal selidik secara berkelompok pula adalah satu kelompok responden dikumpulkan dan diminta memberikan respon kepada soalan-soalan yang telah diatur. Pengkaji boleh mengedarkan soal selidik kepada responden yang hadir dan boleh menjangkakan kadar respon yang tinggi. Jika responden mempunyai soalan tentang maksud soalan, mereka boleh meminta penjelasan (Trochim, 2006). Kaedah kuantitatif dalam kajian ini merujuk kepada penggunaan instrument kajian iaitu soal selidik. Soal selidik merupakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden (Chua, 2006). Soal selidik ini telah dibangunkan oleh pengkaji mengikut objektif kajian.

Temu bual separa-struktur telah dijalankan . Soalan-soalan dari instrumen soal selidik akan digunakan bagi mengendalikan temu bual. Temu bual pula lebih bersifat peribadi berbanding soal selidik. Dalam temu bual personal, pengkaji akan berinteraksi secara langsung dengan responden. Pengkaji akan mempunyai peluang untuk bertanya lebih lanjut atau meminta penjelasan. Temu bual selalunya lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mudah bagi responden lebih-lebih lagi jika perkara yang ditanya adalah pendapat mereka. Walau bagaimanapun, temu bual memerlukan jangka masa yang panjang dan intensif. Pengkaji dianggap sebagai sebahagian daripada alat pengukuran (Trochim, 2006). Kaedah kualitatif di dalam kajian ini adalah sebagai tindakan susulan untuk memperincikan lagi dapatan yang dijana daripada soal selidik. Menurut Creswell dan Clark (2011), penggunaan kaedah kualitatif berkesan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang terperinci bagi menyediakan kefahaman mendalam sesuatu permasalahan kajian. Gabungan dapatan kuantitatif dan kualitatif ini berupaya menjelaskan dan menambah kefahaman secara mendalam terhadap permasalahan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Populasi dan Sampel

Lokasi kajian ini merupakan sebuah sekolah menengah kebangsaan di daerah Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. Pemilihan dan penyertaan sekolah dalam kajian ini tertakluk kepada kelulusan pihak Jabatan Pendidikan Negeri.

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan atau *purposive sampling*. Persampelan bertujuan Persampelan bertujuan adalah pemilihan yang dijalankan dengan mengambil kira tujuan kajian dan mempunyai satu atau lebih kumpulan spesifik yang dicari. Persampelan sebegini amat berguna dalam situasi di mana pengkaji perlu mencapai sampel yang diperlukan dengan cepat dan persampelan yang mengikut nisbah bukanlah masalah utama. Dengan persampelan bertujuan, adalah mudah bagi mendapatkan pendapat/respon dari populasi yang ditarget.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kaedah persampelan bertujuan, sampel kajian terdiri daripada individu yang dapat menyumbangkan maklumat atau data kajian secara langsung (Chua, 2006).

Populasi kajian adalah pelajar-pelajar tingkatan empat yang dipilih daripada sebuah sekolah menengah harian di daerah Seremban. Terdapat seramai 530 orang pelajar tingkatan empat di sekolah yang terpilih ini. Pemilihan pelajar tingkatan empat adalah berdasarkan syarat menjalankan kajian yang ditetapkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pelajaran dan pendapat Pengetua serta guru-guru sekolah berkenaan. Mengikut Surat Pekeliling Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia Bil. 1/2006, pelajar tingkatan tiga atau tingkatan lima tidak boleh diambil bagi menyertai kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sampel kajian perlu terdiri daripada sekurang-kurangnya 30 orang pelajar tingkatan empat kerana menurut menurut Chua (2006), bilangan minimum responden kajian 30 orang sudah memadai bagi melaksanakan kajian tinjauan. Menurut Krjcie dan Morgan (1970), bagi populasi yang berjumlah 530 orang, jumlah sampel minimum seramai 234 orang adalah mencukupi. Hasil perbincangan dengan pengetua, pengkaji dibenarkan menggunakan pelajar tingkatan empat iaitu seramai 260 orang pelajar untuk pentadbiran soal selidik dan 12 orang pelajar untuk temu bual bagi tujuan kajian ini. Cuma penglibatan pelajar tertakluk kepada kehadiran pada hari kajian dijalankan. Justeru itu, pelajar telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kajian rintis dan kumpulan kajian sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Prosedur Kajian

Kebenaran bertulis telah diperolehi daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan untuk menjalankan kajian di sekolah yang telah dipilih melalui surat UPSI. Setelah kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan diperolehi, pengkaji telah mendapatkan kebenaran Pengetua sekolah yang telah dipilih untuk membuat kajian. pengkaji juga telah bertemu dengan guru-guru tingkatan Tingkatan 4 untuk menetapkan tarikh, masa dan sampel kajian bagi kajian rintis dan kajian sebenar.

Guru-guru kelas bagi tingkatan empat telah menyediakan senarai nama 45 pelajar yang boleh membaca, bertutur dalam bahasa Melayu, tahap pencapaian akademik yang sederhana dan IQ pelajar. Guru-guru tersebut turut menyenaraikan 10 responden bagi temu bual. Rasional pemilihan responden oleh guru-guru tersebut adalah berdasarkan keupayaan mereka untuk bertutur bahasa Melayu dan rekod penglibatan pelajar-pelajar tersebut dalam isu yang dikaji. Senarai pelajar yang disediakan mewakili kedua-dua jantina dan bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain. Setelah mendapat kata sepakat, pengkaji telah membuat kajian rintis pada pada 28 Mei 2013. Pentadbiran soal selidik dan temu bual telah dijalankan dalam kelas oleh penyelidik pada waktu yang dibenarkan oleh pihak sekolah.

Tatacara pentadbiran soal selidik dan temu bual bagi kajian rintis adalah seperti berikut:

i) Responden kajian rintis dikumpulkan di Bilik Sejarah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii) Pengkaji telah memberi penerangan tentang objektif kajian, kerahsiaan maklumat peribadi responden dan hak responden seperti yang tertera dalam Borang Persetujuan Kajian,

iii) Borang Persetujuan Kajian diedarkan kepada responden dan responden yang bersetuju mengambil bahagian dalam kajian ini diminta menandatangani borang tersebut. Setelah ditandatangani, borang telah dikumpul kembali.

iv) Soal selidik telah diedarkan kepada responden. Arahan tentang cara menjawab diberikan oleh pengkaji. Tiada jangka masa ditetapkan bagi menjawab soal selidik.

v) Setelah responden siap menjawab soal selidik, mereka diberikan Borang Kesesuaian Soal Selidik bagi menilai soal selidik yang digunakan.

vi) Responden dibenarkan meninggalkan Ilik Sejarah setelah selesai menjawab kedua-dua soal selidik dan borang penilaian soal selidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vii) 12 orang responden telah ditemu bual sejurus selepas petadbiran soal selidik selesai dan telah dirakam.

viii) Respon soal selidik dan temu bual telah dianalisis untuk mendapatkan data dan seterusnya membuat keputusan yang selaras dengan dapatan tersebut.

Kajian sebenar telah dijalankan pada bulan September 2013 setelah soal selidik kajian diperbaiki mengikut penilaian kajian rintis. Data telah dianalisis seperti yang diterangkan dalam subtopik Analisis Data. Setelah fasa pengumpulan data lengkap, laporan dapatan telah disediakan bagi Bab 4 iaitu Dapatan Kajian dan seterusnya dapatan kajian tersebut akan dibincangkan dalam Bab 5 iaitu Perbincangan dan Kesimpulan Kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Kajian Rintis

Menurut Cohen, Manion dan Morrison (2000), kajian rintis adalah kajian yang dijalankan sebelum kajian sebenar. Kajian rintis bertujuan untuk menguji kebolehgunaan soal selidik khususnya dari segi kefahaman sampel terhadap item-item dalam soal selidik. Ia juga bagi mengenal pasti isu-isu yang mungkin akan timbul semasa kajian sebenar dijalankan. Melalui kajian rintis ini, penyelidik ingin menyemak kejelasan item-item, arahan dan dan susun atur soal selidik, mendapatkan maklum balas tentang kesesuaian item-item dan format jawapan, mendapatkan maklum balas tentang kategori jawapan bagi item-item tertutup, menentukan jangka masa yang diperlukan untuk menjawab soal selidik, mengenal pasti item-item yang tidak berkaitan dalam soal selidik dan mengenal pasti soalan-soalan lain yang perlu ditambah. Setelah kajian rintis dijalankan, penambahbaikan terhadap soal selidik akan dibuat berdasarkan keperluan dan maklum balas responden.

Kajian ini telah dijalankan ke atas sekumpulan responden yang setara dengan responden kajian sebenar dari segi lokasi, umur dan jantina responden. Responden yang terlibat dengan kajian rintis tidak akan dilibatkan dalam kajian sebenar. Kajian rintis ini telah dijalankan pada 28 Mei 2013. Seramai 48 orang responden telah terlibat dengan kajian rintis ini. Secara kesimpulannya, dapatan kajian rintis menunjukkan 100% responden menyatakan bahawa arahan dan soalan mudah difahami, susun atur soal selidik kemas dan selesa dilihat, format jawapan sesuai dan saiz tulisan mudah dan selesa dibaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cadangan bagi soalan tambahan adalah seperti berikut:

a) Ketakutan menjawab soalan: Terdapat responden yang menyatakan ketakutan bagi menjawab soal selidik ini kerana peraturan sekolah.
b) Mengenali rakan yang terlibat: Responden mempunyai rakan-rakan yang terlibat dengan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual.
c) Jenis-jenis tingkah laku seksual: Terdapat beberapa kategori bagi tingkah laku seksual seperti "ringan-ringan", seks dengan teman lelaki, seks dengan orang tak dikenali, pelacuran, seks rambang. Terdapat juga kehamilan. Soalan perincian akan ditambah bagi temu bual.

Penambahbaikan dari segi pentadbiran soal selidik pula adalah seperti berikut:

a) Asingkan responden yang kurang pandai membaca.
b) Nyatakan bahawa maklum balas terhadap soal selidik adalah bagi tujuan kajian, tidak akan dikenakan tindakan disiplin.
c) Pastikan responden telah menjawab semua soalan ketika mengutip semula borang soal selidik.
d) Berikan arahan yang jelas tentang soalan yang perlu dijawab dan boleh dilangkau.

Secara kesimpulannya, soal selidik ini boleh diguna pakai bagi kajian ini setelah diperbaiki mengikut dapatan kajian rintis. Soal selidik merupakan instumen utama kajian ini, maka ianya perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya agar dapat mengurangkan kesalahan dalam kajian ini. Soal selidik yang mudah difahami akan memberikan kadar respon betul yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Alat Kajian

Terdapat dua alat kajian yang digunakan dalam kajian ini iaitu soal selidik dan soalan temu bual. Soalan temu bual telah diadaptasi daripada soal selidik. Huraian tentang kedua-dua alat kajian tersebut diberikan dalam subtopik berikutnya.

3.6.1 Soal Selidik Kajian

Soal selidik ini dibina berdasarkan objektif kajian dan diselaraskan dengan tema-tema yang dikenal pasti daripada tinjauan literatur dalam Bab 2. Soalan-soalan dalam soal selidik ini mempunyai sifat-sifat dikotomi dan tapisan/kontingensi. Soalan dikotomi bermaksud soalan yang mempunyai dua pilihan jawapan manakala soalan tapisan/kontingensi pula ditanya kepada responden bagi menentukan sama ada responden tersebut layak/berpengalaman bagi menjawab soalan susulan (Trochim, 2006). Soalan-soalan yang dipilih bagi soal selidik ini telah ditapis mengikut kriteria-kriteria yang dinyatakan oleh Trochim (2006) dan Punch (2009). Kriteria-kriteria yang dinyatakan adalah:

a) Keperluan soalan: meneliti sama ada sesuatu soalan perlu ditanya.
b) Pemecahan soalan: meneliti sama ada beberapa soalan diperlukan bagi mendapatkan maklumat mengenai sesuatu perkara. Soalan juga perlu dipastikan agar tidak bertanyakan tentang dua perkara menggunakan kata hubung ‘dan’ (contohnya: adakah anda menyukai ais krim vanila ***dan*** coklat?) kerana ini akan menyukarkan responden membuat keputusan kerana dua perkara disebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c) Kemampuan responden memberikan jawapan: soalan yang ditanya mestilah mampu dijawab oleh responden kajian. Pengkaji perlu memastikan soalan yang ditanya adalah selaras dengan pengetahuan yang dimiliki oleh responden.

d) Soalan spesifik: soalan yang terlalu umum tentng perkara yang agak sukar untuk diinterpretasi. Pengkaji perlu memastikan kesesuaian agar soalan yang ditanya adalah spesifik dan mudah dianalisis dengan mempertimbangkan perkara yang dikaji.

e) Soalan umum: kadang-kadang soalan umum boleh menjana jawapan yang berbeza dan baharu daripada responden. Jika pengkaji ingin mendapatkan maklumat yang baharu dan di luar skop, soalan umum akan membantu.

f) Kejujuran responden: pengkaji perlu meneliti sama ada soalan yang ditanya boleh dijawab secara jujur oleh responden. Jika terdapat soalan yang sensitif dan mungkin responden akan teragak-agak untuk menjawab, soalan tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Contoh soalan dikotomi:

Adakah anda pernah berhajat untuk berhenti merokok?

□ Ya

□ Tidak

b) Contoh soalan tapisan / kontingensi:

Adakah anda berjaya berhenti minum alkohol?

□ Ya

□ Tidak ***(Terus ke soalan 10)***

Kajian rintis telah dijalankan bagi memperhalusi soal selidik ini. Dapatan kajian rintis menunjukkan bahawa soal selidik ini sesuai digunakan dan beberapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

soalan perlu ditambah. Setelah diperbaiki, soal selidik ini mengandungi 78 item dan terbahagi kepada lima bahagian iaitu; (A) Maklumat Latar Belakang, (B) Rokok, (C) Dadah, (D) Alkohol, dan (E) Tingkah Laku Seksual. Bagi setiap bahagian, terdapat tiga sub lagi iaitu (i) Terlibat, (ii) Tidak Terlibat, dan (iii) Umum. Pilihan jawapan diberikan dan terdapat sekurang-kurangnya satu soalan terbuka bagi setiap bahagian. Soalan-soalan daripada soal selidik ini juga akan digunakan bagi temu bual.

Dalam bahagian A iaitu Maklumat Latar Belakang responden kajian, maklumat seperti jantina, agama, keturunan dan pendapatan keluarga dikumpul. Terdapat 4 item di bahagian ini. Maklumat sebegini penting dalam mengetahui demografi responden kajian. Ianya berguna dalam membincangkan dapatan kajian berdasarkan latar belakang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh Bahagian A:

Keturunan:

- □ Melayu
- □ Cina
- □ India
- □ Peribumi Sabah / Sarawak
- □ Lain-lain (nyatakan): _____

Bagi bahagian B iaitu Rokok mengandungi 18 item mengenai umur mula terlibat dengan rokok, kekerapan merokok, sumber kewangan bagi membeli rokok, sama ada responden mempunyai hajat untuk berhenti merokok, sama ada responden

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengenali rakan yang merokok dan sama ada terdapat ahli keluarga yang merokok. Bagi responden yang tidak pernah merokok terdapat empat soalan khas iaitu soalan sama ada responden akan memilih untuk merokok sekiranya diberikan peluang dan sebab responden tidak merokok.

Contoh Bahagian B:

Bagaimana anda dapat berhenti merokok?

- Motivasi diri
- Sokongan keluarga
- Sokongan rakan / teman lelaki / teman wanita
- Sokongan professional seperti guru / kaunselor / doktor
- Lain-lain (nyatakan): _____

Bagi bahagian C iaitu Dadah pula mengandungi 18 item tentang umur mula terlibat dengan dadah, kekerapan mengambil dadah, jenis dadah yang digunakan, sumber kewangan bagi membeli dadah, sama ada responden mempunyai hajat untuk berhenti menggunakan dadah, sama ada responden mengenali rakan yang mengambil dadah dan sama ada terdapat ahli keluarga yang mengambil dadah. Bagi responden yang tidak mengambil dadah terdapat empat soalan khas iaitu soalan sama ada responden akan memilih untuk mengambil dadah sekiranya diberikan peluang dan sebab responden tidak menggunakan dadah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh Bahagian C:

Apakah sebab anda menyalahguna dadah?

- □ Desakan rakan
- □ Mengikut *trend* masa kini
- □ Tekanan / Stress kehidupan
- □ Perasaan ingin tahu
- □ Seronok
- □ Tahan sakit
- □ Tidak sengaja
- □ Mengikut ahli keluarga yang menyalahguna dadah
- □ Keluarga tidak melarang
- □ Dadah mudah didapati
- □ Lain-lain (nyatakan):

_____

_____

Bahagian D iaitu Alkohol pula mengandungi 18 item bagi mendapatkan maklumat seperti umur mula terlibat dengan alkohol, kekerapan mengambil alkohol, jenis alkohol yang digunakan, sumber kewangan bagi membeli alkohol, sama ada responden mempunyai hajat untuk berhenti mengambil alkohol, sama ada responden mengenali rakan yang menggunakan alkohol dan sama ada terdapat ahli keluarga yang mengambil alkohol. Bagi responden yang tidak pernah mengambil alkohol terdapat empat soalan khas iaitu soalan sama ada responden akan memilih untuk mengambil alkohol sekiranya diberikan peluang dan sebab responden tidak mengambil alkohol.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh Bahagian D:

Apakah jenis alkohol yang anda pernah guna? (Boleh tanda lebih daripada satu)

- □ Arak tempatan (tuak / todi)
- □ Bir
- □ Wain
- □ Brandy
- □ Wiski
- □ Vodka
- □ Tequila
- □ Gin
- □ Spirit
- □ Lain-lain (nyatakan):

_____

_____

Bahagian E iaitu Tingkah Laku Seksual pula mengandungi 20 item mengenai umur mula terlibat dengan tingkah laku seksual, kekerapan tingkah laku seksual, jenis tingkah laku seksual, sumber kewangan bagi akiviti tingkah laku seksual, bilangan pasangan, sama ada memilih untuk terlibat dengan tingkah laku seksual bagi mendapatkan duit, sama ada responden mempunyai hajat untuk berhenti terlibat dengan tingkah laku seksual, sama ada responden mengenali rakan yang terlibat dengan tingkah laku seksual dan sama ada terdapat ahli keluarga yang terlibat dengan tingkah laku seksual yang tidak baik. Terdapat satu soalan khas bagi responden perempuan mengenai kehamilan. Bagi responden yang tidak pernah terlibat dengan tingkah laku seksual terdapat empat soalan khas iaitu soalan sama ada responden akan memilih untuk terlibat dengan tingkah laku seksual sekiranya diberikan peluang dan sebab responden tidak memilih untuk terlibat dengan tingkah laku seksual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh Bahagian E:

Adakah anda menggunakan sebarang bentuk perlindungan ketika melakukan hubungan seksual?

- Ya
  - Kondom
  - Tidak melakukan hubungan seks pada hari subur pasangan wanita
  - Pil perancang kehamilan
  - Lain-lain (nyatakan):

    _____

- Tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soal selidik yang telah diperhalusi mengikut dapatan kajian rintis telah dihantar kepada tiga orang pakar dalam bidang kajian dan isu yang dikaji bagi mendapatkan pandangan pakar dan memastikan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik yang telah disediakan. Ketiga-tiga pakar menunjukkan persetujuan yang tinggi dan memberikan pandangan bahawa soal selidik ini sah dan boleh dipercayai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2 Temu Bual Semi-struktur

Soalan temu bual telah yang diadaptasi daripada soal selidik telah digunakan bagi menjalankan temu bual semi-struktur. Soalan-soalan temu bual telah dilampirkan sebagai lampiran. Terdapat soalan yang bersifat tertutup dan terdapat soalan yang bersifat terbuka. Terdapat juga soalan yang diajukan oleh penyelidik bagi mengetahui lebih lanjut tentang perkara yang dinyatakan oleh responden berdasarkan respon responden.

3.7 Analisis Data

Bahagian analisis data merupakan kesinambungan bahagian-bahagian yang sukar seperti pernyataan masalah, persampelan, pengukuran dan strukutur reka bentuk kajian. Jika bahagian-bahagian awal telah dibina dengan baik, maka analisis data adalah tugas yang tidak rumit. Analisis data bagi kajian ini terbahagi kepada tiga fasa iaitu penyediaan data, analisis data kuantitatif dan analisis data kualitatif. Data kajian ini akan diperolehi daripada soal selidik dan temu bual. Analisis data telah bermula sejurus selepas pengumpulan data lengkap.

Fasa penyediaan data, menurut Trochim (2006) merujuk kepada langkah-langkah seperti membuat log data, menyemak ketepatan data, memasukkan data ke dalam komputer/lampiran data dan membina serta mendokumen struktur data. Membuat log data adalah penting kerana bagi kajian ini, terdapat dua sumber data iaitu soal selidik dan temu bual. Data perlu disimpan secara selamat sehingga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji bersedia membuat analisis data yang komprehensif. Data yang dianalisis perlu sentiasa dapat dikesan semula kepada data asal seperti soal selidik yang dijawab dan rakaman temu bual. Data yang telah diterima perlu disemak bagi ketepatan data seperti; adakah respon boleh dibaca, adakah semua soalan penting telah dijawab, adakah respon lengkap dan adakah semua maklumat kontekstual direkodkan. Membina struktur pangkalan data perlu dilakukan dalam cara yang memudahkan akses kepada analisa data. Data juga boleh dimasukkan ke dalam pangkalan data komputer atau lampiran yang telah dicetak. Kini data telah sedia untuk analisis.

Statistik deskriptif merupakan statistik yang digunakan bagi menjelaskan ciri-ciri asas kajian menggunakan petunjuk-petunjuk seperti frekuensi, min dan peratusan. Ia memberikan kesimpulan ringkas mengenai sampel. Dengan menggunakan statistik deskriptif dan analisis grafik yang mudah, pengkaji dapat menggambarkan apa yang ditunjukkan oleh data. Analisis deskriptif univariate akan digunakan (Punch, 2009). Analisis univariate dalam kajian ini merujuk kepada analisis yang akan dikemukakan dalam dua bentuk iaitu taburan dan kecenderungan pusat. Analisis taburan adalah taburan kekerapan seperti kekerapan jantina, bangsa dan sebagainya (Trochim, 2006).

Bagi fasa kualitatif pula, temu bual telah dijalankan. Temu bual tersebut telah dirakam dan audio rakaman tersebut telah ditranskripsi. Analisis yang dijalankan adalah analisis tema secara manual, tanpa penggunaan sebarang perisian, mengikut bahagian dalam soal selidik. Tema-tema yang dijangka adalah seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 2. Data telah disusun mengikut kod-kod tertentu bagi memudahkan analisis data dan seterusnya membuat perbandingan serta kesimpulan ke atasnya. Data kualitatif tersebut dijangka lebih terperinci dan dapat memberikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

gambaran yang lebih jelas kepada beberapa soalan dalam soal selidik seperti jenis dadah, alkohol yang digunakan dan jenis tingkah laku seksual (Trochim, 2006).

3.8 Kesimpulan

Dalam bab ini telah dibincangkan tentang reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi, sampel dan kaedah persampelan, serta prosedur kajian. Secara ringkasnya, data kajian ini akan dikutip menerusi soal selidik dan temu bual ke atas pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan di daerah Seremban. Sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis telah dijalankan bagi menentukan kesesuaian soal selidik untuk sampel. Soal selidik serta cara pentadbiran soal selidik telah dikemaskini berdasarkan dapatan kajian. Kaedah kajian yang tersusun dan terancang akan menjadi teras kepada kajian yang baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan dibentangkan dapatan kajian. Pembentangan dapatan kajian ini dibahagikan kepada enam bahagian utama. Bahagian pertama membentangkan profil responden. Dalam bahagian kedua pula akan dibentangkan, dapatan kajian secara umum berkaitan pola penglibatan responden dengan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual. Bahagian-bahagian seterusnya akan membentangkan dapatan berkaitan rokok, dapatan berkaitan dadah, dapatan berkaitan alkohol dan dapatan berkaitan tingkah laku seksual dengan lebih khusus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi setiap bahagian yang membentangkan dapatan berkaitan rokok, dapatan berkaitan dadah, dapatan berkaitan alkohol dan dapatan berkaitan tingkah laku seksual dengan lebih khusus, terdapat dapatan kuantitatif dan dapatan kualitatif. Dapatan kuantitatif adalah daripada soal selidik, manakala dapatan kualitatif pula berdasarkan temu bual. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini dilaporkan berdasarkan maklum balas yang diterima daripada soal selidik yang ditadbir dan juga temu bual. Selain laporan dengan teks, jadual dan rajah digunakan untuk memudahkan pemahaman tentang dapatan kajian ini.

4.2 Profil Responden

Jumlah keseluruhan responden yang memberikan maklum balas terhadap soal selidik yang diedarkan ialah 260 orang pelajar Tingkatan 4. Daripada jumlah tersebut, responden lelaki ialah seramai 135 orang (51.9%) manakala responden perempuan ialah seramai 125 orang (48.1%). Mengikut keturunan pula, responden Melayu berjumlah 84 orang (32.3%), responden Cina berjumlah 84 orang (32.3%) dan responden India berjumlah 71 orang (27.3%). Jadual 4.1 menunjukkan taburan terperinci responden yang terlibat dalam menjawab soal selidik kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Profil Responden

Faktor Demografi	**Bilangan (orang)**	**Peratus (%)**
Jantina		
Lelaki	135	51.92
Perempuan	125	48.08
Jumlah	**260**	**100**
Keturunan		
Melayu	84	32.31
Cina	84	32.31
India	71	27.31
Peribumi Sabah / Sarawak	10	3.85
Lain-lain	11	4.23
Jumlah	**260**	**100**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi temu bual pula, terdapat 12 orang responden yang dipilih dengan pecahan enam orang lelaki dan enam orang perempuan. Enam responden merupakan mereka yang terlibat dengan kesemua salah laku yang dikaji kecuali dadah dan enam responden lagi tidak terlibat dengan mana-mana salah laku yang dikaji dengan pecahan tiga responden lelaki dan tiga responden perempuan bagi setiap kumpulan tersebut. Setiap responden (R) diberikan nombor turutan 1 hingga 12. Jantina pula dikategorikan mengikut abjad pertama (L) bagi lelaki dan (P) bagi perempuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden 1 hingga 6terlibat dengan kesemua salah laku kecuali dadah dan responden 1 hingga 12 tidak terlibat dengan mana-mana salah laku yang dikaji.

4.3 Status Penglibatan Responden dengan Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual

Pola umum penglibatan responden dengan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual akan dibentangkan dalam empat sub tajuk. Pertama ialah tentang taburan responden yang mengaku terlibat dan yang mengaku tidak terlibat dengan kes-kes tersebut mengikut jantina dan keturunan. Kedua, tentang taburan khusus responden yang terlibat dengan kes-kes tersebut berdasarkan jantina dan keturunan. Dalam sub tajuk ketiga dan keempat bahagian ini akan dikemukakan secara umum tentang faktor responden terlibat dan faktor responden tidak terlibat dengan kes-kes tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1 Status Penglibatan Responden dengan Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual Mengikut Jantina dan Keturunan

Status pengibatan responden kajian dengan kes salah laku yang dikaji telah diperolehi secara pengakuan kendiri responden. Hal ini bertujuan membina profil responden kajian dan mengkategorikan responden serta mendapatkan data yang lebih spesifik bagi permasalahan yang dikaji. Daripada jumlah keseluruhan 260 orang responden yang menjawab soal selidik, seramai 178 responden (68.5%) mengaku terlibat dengan satu atau dua atau tiga atau kesemua kes salah laku yang dikaji. Sementara itu, seramai 82 (31.5%) orang responden mengaku tidak terlibat dengan mana-mana kes tersbeut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penglibatan paling tinggi dicatatkan oleh responden keturunan Cina dengan peratus penglibatan 79.6% dengan jumlah seramai 67 orang, kedua tertinggi adalah responden keturunan Melayu dengan 72.6% peratus penglibatan bagi sejumlah 61 orang.

Responden lelaki menunjukkan kadar penglibatan yang lebih tinggi berbanding responden perempuan. Daripada jumlah keseluruhan 135 orang responden lelaki, 81.1% iaitu seramai 107 responden lelaki terlibat dengan kes yang dikaji. Responden perempuan yang terlibat hanya seramai 71 orang iaitu 56.8% daripada jumlah keseluruhan responden perempuan.

Jadual 4.2 menunjukkan taburan responden yang mengaku terlibat dan yang mengaku tidak terlibat dengan kes rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual mengikut keturunan dan jantina dengan lebih terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Status Penglibatan Responden dengan Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual Mengikut Jantina dan Keturunan

Keturunan	**Mengaku terlibat dengan rokok / dadah / alkohol / tingkah laku seksual**		**Mengaku tidak terlibat dengan rokok / dadah / alkohol / tingkah laku seksual**	
	Lelaki	**Perempuan**	**Lelaki**	**Perempuan**
Melayu	35	26	12	11
Cina	34	33	4	13
India	28	8	10	25
Peribumi Sabah / Sarawak	4	2	1	3
Lain-lain	6	2	1	2
Jumlah Mengikut Jantina	**107**	**71**	**28**	**54**
Jumlah Mengikut Penglibatan	**178**		**82**	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Taburan Penglibatan Responden dengan Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual mengikut Jantina dan Keturunan

Penglibatan responden kajian turut dikategorikan mengikut jantina dan keturunan bagi melihat taburan penglibatan. Hal ini bagi tujuan memudahkan perbincangan dan kesimpulan terhadap Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahawa seramai 110 responden (42.3%) terlibat dengan rokok, seramai 110 responden (42.3%) terlibat dengan alkohol, seramai 112 responden (43%) terlibat dengan tingkah laku seksual. Tiada responden kajian ini yang mengaku terlibat dengan dadah.

Dari segi jantina, jumlah responden lelaki yang terlibat dengan kes rokok dan alkohol adalah lebih ramai iaitu masing-masing 102 orang (39.2%) dan 72 (27.6%) berbanding responden perempuan iaitu masing-masing 8 orang (3.0%) dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

38(14.6%). Namun begitu, bagi kes tingkah laku seksual, bilangan responden lelaki dan perempuan yang terlibat adalah hampir sama.

Dari segi keturunan pula, bilangan responden Melayu yang terlibat dengan rokok dan tingkah laku seks adalah hampir sama tetapi bilangan mereka yang terlibat dengan alkohol adalah yang paling rendah iaitu seramai enam orang (2.3%) sahaja. Dapatan ini berbeza dengan responden Cina iaitu 67 orang mengaku pernah mengambil minuman beralkohol. Bagi responden berketurunan India pula, penglibatan dalam kes tingkah laku seks adalah yang paling rendah iaitu seramai 20 orang (7.6%) manakala penglibatan mereka dalam kes rokok dan alkohol adalah hampir sama. Jadual 4.3 menunjukkan taburan terperinci responden yang terlibat dengan kes rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual berdasarkan jantina dan keturunan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Taburan Penglibatan Responden dengan Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual MengikutJjantina dan Keturunan

Keturunan	**Rokok**		**Dadah**		**Alkohol**		**Seks**	
	L	**P**	**L**	**P**	**L**	**P**	**L**	**P**
Melayu	35	4	-	-	6	0	21	26
Cina	31	2	-	-	34	33	21	18
India	28	2	-	-	22	3	12	8
Peribumi Sabah / Sarawak	3	-	-	-	4	0	2	2
Lain-lain	5	-	-	-	6	2	1	1
Jumlah Mengikut Jantina	102	8	-	-	72	38	57	55
Jumlah Besar	**110**		**-**		**110**		**112**	

L = Lelaki P = Perempuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3 Faktor Penglibatan Responden dengan Rokok, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual Secara Keseluruhan

Sub tajuk ini membentang faktor-faktor responden terlibat dengan kes-kes yang dikaji dalam kajian ini secara umum. Oleh sebab tiada responden yang mengaku terlibat dengan dadah maka kategori dadah telah digugurkan dalam sub tajuk ini. Pengkaji hanya menumpukan kepada tiga faktor yang tertinggi yang dilaporkan responden dalam soal selidik bagi setiap kategori kes.

Dengan merujuk kepada Jadual 4.4, perasaan ingin tahu merupakan faktor utama responden terlibat dengan kes rokok iaitu 110 orang (100%) dan tingkah laku seksual iaitu 82 orang (75.5%). Perasaan ingin tahu juga menduduki tempat ketiga dalam senarai faktor responden terlibat dengan pengambilan minuman beralkohol. Sementara itu, upacara ritual dan tradisi menjadi faktor utama responden terlibat dengan minuman beralkohol iaitu 75 orang (68.1%).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4

Tiga Faktor Paling Utama Responden Terlibat dengan Rokok, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual

Kes	**Faktor**	**Bilangan (orang)**	**Peratus (%)**
Rokok	Perasaan ingin tahu	110	100
	Tekanan kehidupan	81	73.6
	Desakan rakan	32	29.0
Alkohol	Ritual/Tradisi	75	68.1
	Mengikut keluarga	62	56.3
	Perasaan ingin tahu	55	50.0
Tingkah Laku Seksual	Perasaan ingin tahu	82	75.5
	Desakan teman lelaki/wanita	78	70.9
	Tekanan kehidupan	59	53.6

4.3.4 Faktor Penolakan Responden Terhadap Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual Secara Keseluruhan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan merujuk kepada Jadual 4.5, fakta bahawa rokok, dadah dan alkohol tidak baik untuk kesihatan merupakan faktorutama responden tidak terlibat dengan kes rokok, dadah dan alkohol iaitu 77 orang (51.3%) bagi setiap kes tersebut. Bagi tingkah laku seksual pula, faktor utama responden kajian tidak terlibat adalah kerana perlakuan ini tidak baik di mata masyarakat iaitu 82 orang (55.4%).

Faktor takut mendapat penyakit dan larangan keluarga merupakan faktor kedua yang menjelaskan ketidakterlibatan responden dengan mana-mana kes yang dikaji iaitu rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual. Taburan faktor adalah sama bagi keempat-empat kes tersebut iaitu 66 orang (44.5%).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Tiga Faktor Paling Utama Responden Tidak Terlibat dengan Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual

Kes	**Faktor**	**Bilangan (orang)**	**Peratus (%)**
Rokok	Menghisap rokok tidak baik untuk kesihatan	77	51.3
	Takut mendapat penyakit	66	44.0
	Larangan keluarga	66	44.0
Dadah	Mengambil dadah tidak baik untuk kesihatan	260	100
	Takut mendapat penyakit	66	25.3
	Larangan keluarga	66	25.3
Alkohol	Mengambil alkohol tidak baik untuk kesihatan	77	51.3
	Takut mendapat penyakit	66	44.0
	Larangan keluarga	66	44.0
Tingkah Laku Seksual	Perlakuan ini tidak baik di mata masyarakat	82	55.4
	Takut mendapat penyakit	66	44.5
	Larangan keluarga	66	44.5

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Dapatan berkaitan Kes Rokok

Subtopik ini membincangkan dapatan berkaitan kes rokok secara khususnya. Dapatan-dapatan yang dibincangkan adalah seperti penglibatan responden, faktor, umur penglibatan, bilangan rokok yang dihisap, sumber kewangan dan tujuan ingin berhenti merokok. Perbincangan yang khusus ini bertujuan memberikan gambaran pola penglibatan responden kajian dengan tingkah laku merokok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1 Penglibatan Responden dengan Rokok

Jadual 4.6 menunjukkan penglibatan responden kajian dengan rokok. 110 (42.3%) daripada jumlah keseluruhan 260 orang responden mengaku mereka merokok atau pernah merokok manakala 150 orang (57.7%) responden mengaku tidak merokok. Bagi responden yang terlibat dengan rokok, 102 orang (92.7%) daripadanya merupakan responden lelaki manakala hanya 8 orang (7.3%) merupakan perempuan.

Responden lelaki berketurunan Melayu merupakan kumpulan yang paling ramai merokok iaitu seramai 35 orang (31.8%), diikuti dengan lelaki berketurunan Cina seramai 31 orang (28.1%), lelaki berketurunan India seramai 28 orang (25.4%). Sejumlah 117 (93.6%) responden perempuan tidak terlibat dengan rokok. Kumpulan responden perempuan berketurunan Cina adalah kumpulan yang mencatatkan jumlah paling tinggi bagi tidak terlibat dengan rokok iaitu 44 orang (29.3%), diikuti dengan responden perempuan berketurunan Melayu iaitu 33 orang (22.0%) dan responden perempuan India seramai 31 orang (20.6%). Walau bagaimanapun, jika dilihat dari segi peratusan responden, kumpulan responden perempuan Peribumi Sabah/ Sarawak dan Lain-lain 100% tidak merokok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Penglibatan Responden dengan Rokok

Keturunan	**Terlibat**		**Tidak Terlibat**	
	L	**P**	**L**	**P**
Melayu	35	4	12	33
Cina	31	2	7	44
India	28	2	10	31
Peribumi Sabah/ Sarawak	3	-	2	5
Lain-lain	5	-	2	4
Jumlah Mengikut Jantina	102	8	33	117
Jumlah Besar	**110**		**150**	

4.4.2Faktor Penglibatan Responden dengan Rokok

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7 di bawah menunjukkan faktor penglibatan responden kajian dengan rokok. Seramai 104 orang (94.5%) daripada jumlah keseluruhan 110 orang responden mengaku mereka merokok atau pernah merokok kerana perasaan ingin tahu. Faktor penglibatan yang kedua tertinggi adalah kerana tekanan/stress kehidupan iaitu seramai 81 orang (87.2%). Desakan rakan pula merupakan faktor yang ketiga tertinggi dengan 30 orang (27.2%). Terdapat juga seorang responden perempuan yang menyatakan faktor penglibatan adalah kerana mengikut ahli keluarga yang merokok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7

Faktor Penglibatan Responden dengan Rokok

Faktor	**Lelaki**		**Perempuan**	
	Bilangan (orang)	**Peratus (%)**	**Bilangan (orang)**	**Peratus (%)**
Desakan rakan	30	27.2	-	-
Tekanan / stress kehidupan	81	73.6	-	-
Perasaan ingin tahu	96	87.2	8	7.2
Mengikut ahli keluarga yang merokok	-	-	1	0.9

L = Lelaki P = Perempuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden merokok yang telah ditemu bual pula menyatakan bahawa faktor mereka merokok adalah seperti berikut;

R1(L):

“Stresslah cikgu. Kalau merokok ni, kurang sikit stress.” [Tekanan / stress kehidupan]

“Ada masa, kalau merokok baharu dapat idea macam mana nak selesai masalah.” [Penyelesaian masalah]

R2(L):

“Kenalah sama-sama merokok, nanti kena boikot dengan kawan. Kalau share rokok dengan kawan tu..macam kita terima dia orang” [Penerimaan rakan]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R3(L):

"Saya mula-mula tu cuba sebab nak tahu je macam mana rasa rokok tu. Tengok ramai yang merokok kan." [Perasaan ingin tahu]

"....lama-lama, dah macam tak boleh nak tinggal."[Ketagihan]

R4(P):

"....cuba-cuba je dulu." [Perasaan ingin tahu]

"....tak takut sangat dapat penyakit ke apa. Tak merokok dapat juga penyakit....yang merokok pun ramai juga masih hidup" [Tidak takut mendapat penyakit]

R5(P):

"...kawan ajak cuba-cuba. Takat satu dua kali je sedut asap tu" [Desakan rakan]

"Ayah, abang saya pun merokok juga. Kira boleh je kalau orang laki ni merokok." [Mengikut ahli keluarga yang merokok]

R6(P):

"Nenek saya merokok. Saya pernah tengok. Ada sepupu ajak cuba" [Mengikut ahli keluarga yang merokok]

".....kadang-kadang saja merokok. Bila kumpul bersama geng. Ada kawan saya memang kerap merokok" [Penerimaan rakan]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3 Faktor Responden Tidak Terlibat dengan Rokok

Jadual 4.8 di bawah pula menunjukkan faktor responden kajian tidak merokok. Kesemua 150 orang responden yang tidak merokokmenyatakan faktor mereka tidak merokok adalah kerana merokok tidak baik untuk kesihatan manakala seramai 143 orang (95.2%) pula kerana ketakutan mendapat penyakit. Faktor seperti larangan keluarga dan nasihat rakan/teman lelaki/teman wanita mendapat bilangan yang hampir sama.

Jadual 4.8

Faktor Responden Tidak Terlibat dengan Rokok

Faktor	**Lelaki**		**Perempuan**	
	Bilangan (orang)	**Peratus (%)**	**Bilangan (orang)**	**Peratus (%)**
Merokok tidak baik untuk kesihatan	33	22	117	78.0
Takut mendapat penyakit	31	20.6	112	74.6
Larangan keluarga	14	9.3	-	-
Nasihat rakan/teman lelaki/teman wanita	13	8.6	-	-

Responden tidak merokok yang telah ditemu bual pula menyatakan bahawa faktor mereka tidak merokok adalah seperti berikut;

R7(L):

“Rokok ni tak baik untuk kesihatan...” [Takut mendapat penyakit]

“Ayah pun selalu pesan, jangan buat benda-benda begini..ayah pun tak merokok juga” [Nasihat keluarga/rakan/teman lelaki/teman wanita]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R8(L):

"Rokok bawa penyakit, lepas tu badan pun busuk..." [Takut mendapat penyakit]

"Memang awal-awal orang fikir nak cuba-cuba lepas tu boleh tinggal. Tapi mana ada. Confirm ketagih. Memang saya tak nak cuba." [Takut ketagihan]

R9(L):

"Ada kawan pernah hulur, tapi saya tak nak. Nak mati cepat ke?" [Takut mendapat penyakit]

"Maklah yang selalu cakap, jangan terikut-ikut orang nak merokok." [Nasihat keluarga/rakan/teman lelaki/teman wanita]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R10(P):

"Perempuan tak boleh merokok...yang merokok tu bukan perempuan yang baik" [Persepsi buruk masyarakat]

"lagipun, banyak dapat penyakit kalau merokok." [Takut mendapat penyakit]

"kalau saya merokok, mesti parents saya sedih, macam mereka tak pandai jaga anak" [Menjaga maruah keluarga]

R11(P):

"Merokok tak baik untuk kesihatan. Kan ada banyak iklan, poster." [Takut mendapat penyakit]

"Tak pernah teringin nak cuba. Memang tak nak. Yang merokok ni orang kata perempuan gatal, perempuan jalanan" [Persepsi buruk masyarakat]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R12(P):

“takut, buat apa nak cari penyakit” [Takut mendapat penyakit]

“kalau perempuan merokok, orang pandang pun semacam” [Persepsi buruk masyarakat]

4.4.4 Umur Responden Mula Merokok

Jadual 4.9 di bawah menunjukkan umur responden mula merokok mengikut jantina. Daripada jumlah keseluruhan 110 responden yang merokok, 57 orang (51.8%) mula merokok dalam lingkungan umur 7 – 11 tahun. Seramai 54 orang (49.0%) pula mula merokok dalam lingkungan umur 12 – 16 tahun. Hanya 5 orang responden mula merokok pada umur kurang dari 7 tahun. Responden perempuan yang merokok kebanyakkannya mula merokok dalam lingkungan umur 12 – 16 tahun.

Jadual 4.9

Umur Responden Mula Merokok

Umur	**Lelaki**	**Perempuan**
Kurang dari 7 tahun	5	-
7 – 11 tahun	56	1
12 – 16 tahun	47	7

Responden merokok yang telah ditemu bual pula menyatakan bahawa umur mereka mula merokok adalah seperti berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R1(L): “Saya cuba masa darjah lima(11 tahun).” [7 – 11 tahun]

R2(L): “Saya *first time* masa UPSR (12 tahun). Tapi mula merokok hari-hari lepas Form 2 (12 tahun).” [12 – 16 tahun]

R3(L): “Masa darjah enam (12 tahun).” [12 – 16 tahun]

R4(P): “Entah, masa Form 2 (14 tahun).” [12 – 16 tahun]

R5(P): “Masa saya Form 3 (15 tahun).” [12 – 16 tahun]

R6(P): “Akhir tahun Form 1 (13 tahun).” [12 – 16 tahun]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.5 Bilangan Rokok Yang Dihisap

Jadual 4.10 di bawah pula menunjukkan bilangan rokok yang dihisap seiap mengikut jantina. Paling ramai responden, iaitu 43 responden menghisap rokok sebanyak 16 – 25 batang setiap hari, manakala kedua tertinggi adalah 5 -15 batang rokok setiap hari dengan 41 orang responden. 26 orang responden menghisap kurang dari 5 batang setiap hari. 100 peratus responden perempuan yang merokok menghisap kurang dari 5 batang rokok setiap hari. Tidak ada responden yang merokok melebihi 26 batang rokok sehari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.10

Bilangan Rokok yang Dihisap

Bilangan rokok	**Lelaki**	**Perempuan**
Kurang dari 5 batang	18	8
5 – 15 batang	41	-
16 – 25 batang	43	-
Lebih dari 26 batang	-	-

Responden merokok yang telah ditemu bual pula menyatakan bahawa bilangan rokok yang dihisap adalah seperti berikut;

R1(L): "Sehari paling kurang 3 batanglah." [Kurang dari 5 batang]

R2(L): "Dalam 5 batang satu hari" [5 – 15 batang]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R3(L): "Tengok keadaan, dalam 6, 7 batang." [5 – 15 batang]

R4(P): "adalah dalam 2 batang sehari" [Kurang dari 5 batang]

R5(P): "Saya tak merokok setiap hari. Dalam seminggu mungkin 3 batang kot." [Kurang dari 5 batang]

4.4.6 Sumber Kewangan Bagi Membeli Rokok

Jadual 4.11 di bawah menunjukkan sumber kewangan yang digunakan oleh responden bagi membeli rokok. 100 peratus responden menggunakan duit perbelanjaan sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka bagi membeli rokok. Terdapat juga responden yang meminta duit tambahan daripada ibu bapa bagi membeli rokok jika duit perbelanjaan sekolah tidak mencukupi iaitu seramai 41 orang responden. Seramai 23 orang responden menyatakan bahawa rakan mereka akan membelikan rokok untuk mereka. Seramai 2 orang responden menggunakan wang hasil kerja sambilan bagi membeli rokok.

Jadual 4.11

Sumber Kewangan bagi Membeli Rokok

Sumber Kewangan	**Lelaki**	**Perempuan**
Duit perbelanjaan sekolah	102	8
Meminta duit tambahan daripada ibu bapa	41	-
Bekerja sambilan	2	-
Rakan belanja	21	2

Bagi responden merokok yang telah ditemu bual pula, mereka menyatakan bahawa sumber kewangan bagi membeli rokok adalah seperti berikut;

R1(L):

“Saya guna duit sekolah saja...mak bagi dalam tiga ringgit satu hari....kalau ada kelas tambahan bagi lagi dua ringgit” [Duit perbelanjaan sekolah

R2(L):

“..guna duit belanja sekolah. Ayah bagi duit untuk seminggu terus. 20 ringgit. Saya beli sekotak simpan. Duit lebih buat belanja. Kawan-kawan ada juga beli dari saya” [Duit perbelanjaan sekolah]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R3(L):

“ Saya guna duit belanja sekolah.” [Duit perbelanjaan sekolah]

“Kalau tak cukup, minta lagi kat mak” [Meminta duit tambahan daripada ibu bapa]

R4(P):

“Saya minta duit lebih kat mak atau ayah. Kadang-kadang *boyfriend* pun bagi duit.” [Meminta duit tambahan daripada ibu bapa]

R5(P):

“Guna duit belanja sekolah.”[Duit perbelanjaan sekolah]

“Kadang-kadang kawan belanja” [Rakan belanja]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R6(P):

“Saya, kawan yang belanja.” [Rakan belanja]

“Kadang-kadang saja beli sendiri. Guna duit belanja.”[Duit perbelanjaan sekolah]

4.4.7 Faktor Ingin Berhenti Merokok

Bagi subtopik ini, dapatan dibentangkan dalam dua jadual. Jadual 4.12 menunjukkan bilangan responden yang mempunyai hajat berhenti merokok manakala Jadual 4.13 menunjukkan bilangan responden yang tidak mempunyai hajat untuk berhenti merokok. Faktor bagi tindakan yang dipilih turut dijelaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.12, seramai 78(70.9%) orang daripada 110 responden yang merokok mempunyai hajat untuk berhenti merokok dan tujuan yang paling kerap dipilih adalah merokok tidak baik untuk kesihatan iaitu seramai 78 orang (100%) dan ini diikuti dengan bilangan yang hampir sama oleh faktor ketakutan mendapat penyakit. Larangan keluarga dan nasihat rakan/teman lelaki/ teman wanita turut merupakan faktor responden ingin berhenti merokok dan bilangannya hampir sama juga.

Jadual 4.12

Faktor Responden Ingin Berhenti Merokok

Faktor	**Lelaki**		**Perempuan**	
	Bilangan (orang)	**Peratus (%)**	**Bilangan (orang)**	**Peratus (%)**
Merokok tidak baik untuk kesihatan	72	92.3	6	7.6
Takut mendapat penyakit	70	89.7	6	7.6
Larangan keluarga	31	39.7	6	7.6
Nasihat rakan/teman lelaki/teman wanita	28	35.8	3	3.8

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden merokok yang mempunyai hajat untuk berhenti merokok menyatakan faktor seperti berikut;

R1(L):

“Takut dapat penyakit..” [Takut mendapat penyakit]

“mak pun asyik marah.” [Larangan keluarga]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R2(L): "*Girlfriend* saya tak suka. Badan busuk dia cakap" [Nasihat keluarga/rakan/teman lelaki/teman wanita]

R4(P): "Mungkin sebab takut kena penyakit ke apa." [Takut mendapat penyakit]

Merujuk kepada Jadual 4.13 di bawah pula, seramai 32 orang responden pula tidak mempunyai keinginan untuk berhenti merokok. Sebab yang paling kerap dipilih adalah tekanan/stress kehidupan iaitu seramai 30 orang (93.7%). Desakan rakan dan keseronokkan pula mendapat bilangan yang hampir sama. Faktorkeluarga tidak melarang menjadi faktor yang ketiga tertinggi.

Jadual 4.13

Faktor Responden Tidak Ingin Berhenti Merokok

Faktor	**Lelaki**		**Perempuan**	
	Bilangan (orang)	**Peratus (%)**	**Bilangan (orang)**	**Peratus (%)**
Desakan rakan	21	65.6	2	6.2
Tekanan / stress kehidupan	30	93.7	2	6.2
Keluarga tidak melarang	15	46.8	1	3.1
Seronok	20	62.5	2	6.2

Responden merokok yang tidak mempunyai hajat untuk berhenti merokok menyatakan faktor seperti berikut;

R3(L): "Saya dah biasa. Orang cakap merokok ni boleh jadi slim." [Ketagihan]

R5(P): "Tak pernah rasa nak berhenti. *Family* pun tak kisah. *Boyfriend* pun tak kisah." [Tiada larangan keluarga]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R6(P): "Tak boleh. Kalau dalam geng, mesti kena merokok." [Desakan rakan]

4.5 Dapatan berkaitan Kes Dadah

Subtopik ini membincangkan dapatan berkaitan kes dadah secara khususnya. Dapatan yang dibincangkan adalah faktor responden tidak terlibat dengan dadah. Bagi subtajuk ini, tiada responden yang mengaku terlibat dengan dadah. Oleh sebab tersebut, tiada penerangan tentang penglibatan responden dengan kes dadah.

4.5.1 Faktor Responden Tidak Terlibat dengan Dadah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan Jadual 4.14 menunjukkan faktor responden tidak ingin terlibat dengan dadah. Faktor bahawa pengambilan dadah tidak baik untuk kesihatan menjadi faktor utama dengan 100% responden memilihnya. Faktor larangan keluarga dan ketakutan mendapat penyakit menjadi faktor yang kedua dan ketiga dengan bilangan yang hampir sama iaitu 35 orang (13.4%) dan 31 orang (11.9%). Nasihat rakan/teman lelaki/teman wanita turut menjadi faktor responden tidak terlibat dengan dadah.

Jadual 4.14

Faktor Responden Tidak Terlibat dengan Dadah

Faktor	**Lelaki**		**Perempuan**	
	Bilangan (orang)	**Peratus (%)**	**Bilangan (orang)**	**Peratus (%)**
Mengambil dadah tidak baik untuk kesihatan	135	51.9	125	48.1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Takut mendapat penyakit	31	11.9	35	13.4
Larangan keluarga	35	13.4	31	11.9
Nasihat rakan/teman lelaki/teman wanita	21	8.1	25	9.6

Responden yang tidak terlibat dengan dadah menyatakan bahawa faktor mereka tidak terlibat adalah seperti berikut;

R7(L): "Dadah ni *sure* dapat penyakit. HIV la macam-macam. Rosak hidup." [Takut mendapat penyakit]

R8(L): "Ew..dadah bawa penyakit. Takkan nak sengaja dapat HIV ke AIDS ke. Tak ada masa depan nanti. Nyusahkan keluarga saja." [Takut mendapat penyakit]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R9(L):

"Tak nak. Dadah ni perosak. Nanti ketagih.Then hari-hari kena ambil dadah." [Ketagihan]

"Tak boleh belajar." [Merosakkan pelajaran]

"Dapat penyakit." [Takut mendapat penyakit]

"Mak ayah pun malu." [Menjaga maruah keluarga]

R10(P):

"Mana boleh. Dadah ni bahaya. Dah banyak kali dengar. Boleh dapat HIV, AIDS." [Takut mendapat penyakit]

"Rosak cita-cita saya." [Merosakkan kehidupan]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

“Malu nak tengok orang.” [Persepsi buruk masyarakat]

R11(P):

“Dadah ni sangat bahaya dan bawa banyak penyakit. Kan kat tv radio selalu ada. Kat sekolah pun banyak poster. Saya tak nak penyakit.” [Takut mendapat penyakit]

“Malu nanti. Dah la saya ni perempuan.” [Persepsi buruk masyarakat]

R12(P): “Buat apa nak cari penyakit? Gila ke?” [Takut mendapat penyakit]

“Habis rosak hidup saya.” [Merosakkan kehidupan]

4.6 Dapatan berkaitan Kes Alkohol

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Subtopik ini membincangkan dapatan berkaitan kes alkohol secara khususnya. Dapatan-dapatan yang dibincangkan adalah seperti penglibatan responden, faktor, umur penglibatan, jenis alkohol, sumber kewangan dan tujuan ingin berhenti mengambil alkohol. Perbincangan yang khusus ini bertujuan memberikan gambaran pola penglibatan responden kajian dengan tingkah laku pengambilan alkohol.

4.6.1 Penglibatan Responden dengan Alkohol

Jadual 4.15 di bawah menunjukkan penglibatan responden kajian dengan alkohol. 110 (42.3%) daripada jumlah keseluruhan 260 orang responden mengaku mereka mengambil atau pernah mengambilnya manakala 150 orang (57.7%) responden

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengaku tidak mengambil alkohol. Bagi responden yang terlibat dengan alkohol, 72 orang (65.5%) daripadanya merupakan responden lelaki manakala 38 orang (34.5%) merupakan perempuan.

Responden lelaki berketurunan Cina merupakan kumpulan yang paling ramai mengambil alkohol iaitu seramai 34 orang (30.9%) dan diikuti dengan lelaki berketurunan India seramai 22 orang (20.0%). 87 orang (58.0%) responden perempuan tidak terlibat dengan alkohol. Kumpulan responden perempuan berketurunan Melayu adalah kumpulan yang mencatatkan jumlah paling tinggi bagi tidak terlibat dengan alkohol iaitu 41 orang (27.3%) dan diikuti dengan responden perempuan berketurunan India iaitu seramai 16 orang (10.7%). Walau bagaimanapun, jika dilihat dari segi peratusan responden, kumpulan responden perempuan Peribumi Sabah/ Sarawak100% tidak terlibat dengan alkohol.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15

Penglibatan Responden dengan Alkohol

Keturunan	**Terlibat**		**Tidak Terlibat**	
	L	**P**	**L**	**P**
Melayu	6	0	41	37
Cina	34	33	4	13
India	22	3	16	30
Peribumi Sabah/ Sarawak	4	0	1	5
Lain-lain	6	2	1	2
Jumlah Mengikut Jantina	72	38	63	87
Jumlah Besar	**110**		**150**	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6.2 Faktor Penglibatan Responden dengan Alkohol

Jadual 4.16 di bawah menunjukkan faktor penglibatan responden kajian dengan alkohol. Seramai 75 orang (68.1%) daripada jumlah keseluruhan 110 orang responden mengaku mereka mengambil alkohol atau pernah pernah mengambil alkohol kerana ritual / tradisi. Faktor penglibatan yang kedua tertinggi adalah kerana mengikut ahli keluarga yang mengambil alkohol iaitu seramai 62 orang (56.4%). Perasaan ingin tahu pula merupakan faktor yang ketiga tertinggi dengan 55 orang (50.0%). Terdapat juga responden yang menyatakan faktor penglibatan adalah kerana desakan rakan, tekanan/stress kehidupan dab bagi tujuan keseronokan.

Jadual 4.16

Faktor Penglibatan Responden dengan Alkohol

Faktor	**Lelaki**		**Perempuan**	
	Bilangan (orang)	**Peratus (%)**	**Bilangan (orang)**	**Peratus (%)**
Desakan rakan	28	25.5	1	0.9
Tekanan / stress kehidupan	12	10.9	-	-
Perasaan ingin tahu	43	39.1	12	10.9
Seronok	15	13.6	5	4.5
Ritual/tradisi	55	50.0	20	18.1
Mengikut ahli keluarga yang minum alkohol	41	37.3	21	19.1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden yang telah ditemu bual pula menyatakan bahawa faktor mereka mengambil alkohol adalah seperti berikut;

R1(L):

"Ikut kawan. Dia orang asyik ajak. Kalau jumpa nak lepak malam, mesti ada beli sikit" [Desakan rakan]

R2(L):

"Selalu masa ada function, celebrate apa-apa, adalah minum-minum. Parents ok. Asal tak banyak." [Ritual/tradisi]

R3(L):

"Kita orang selalu minum masa party. Cuma ada certain saja boleh minum." [Ritual/tradisi]

"..dengan kawan-kawan pun ada juga. Tengok harilah. Macam hari Sabtu ke Ahad." [Desakan rakan]

R4(P):

"Masa Christmas. Chinese New Year. Boleh minum." [Ritual/tradisi]

"*Family members* pun minum juga" [Mengikut ahli keluarga yang minum alkohol]

R5(P):

"....kawan ajak cuba-cuba juga." [Desakan rakan]

"Nak seronok-seronok je pun. Saya minum sikit-sikit saja." [Seronok]

R6(P):

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Keluarga saya semua minum. Lelaki perempuan semua." [Mengikut ahli keluarga yang minum alkohol]

"Masa function macam New Year, Christmas" [Ritual/tradisi]

4.6.3 Faktor Responden Tidak Terlibat dengan Alkohol

Jadual 4.17 di bawah pula menunjukkan faktor responden kajian tidak terlibat dengan alkohol. Seramai77 orang (51.3%) responden yang tidak mengambil alkohol menyatakan faktor mereka tidak mengambil alkohol adalah kerana alkohol tidak baik untuk kesihatan.Bilangan bagi faktor ketakutan mendapat penyakit dan larangan keluarga adalah sama iaitu seramai 66 orang (44.0%). Larangan agama turut menjadi faktor responden tidak terlibat dengan alkohol.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17

Faktor Responden Tidak Terlibat dengan Alkohol

Faktor	**Lelaki**		**Perempuan**	
	Bilangan (orang)	**Peratus (%)**	**Bilangan (orang)**	**Peratus (%)**
Mengambil alkohol tidak baik untuk kesihatan	35	23.3	42	28.0
Takut mendapat penyakit	38	25.3	27	18.0
Larangan keluarga	45	30.0	20	13.3
Larangan agama	37	24.7	20	13.3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden yang telah ditemu bual pula menyatakan bahawa faktor mereka tidak mengambil alkohol adalah seperti berikut;

R7(L):

"Alkohol ni tak baik untuk kesihatan..." [Takut mendapat penyakit]

"Mak ayah pun memang selalu cakap. Arak ni haram." [Larangan keluarga/Larangan agama]

R8(L):

"Memang kawan pernah ajak tapi saya tak nak. Tak elok. Bukan sebab penyakit saja." [Takut mendapat penyakit]

"Nanti pelajaran terganggu" [Mengganggu pelajaran]

"Memang kalau dari segi agama pun tak boleh. Haram." [Larangan agama]

R9(L):

"Tak boleh. Sebab parents tak bagi. Memang tak boleh. Kalau orang tua-tua minum pun, ke cousin semua minum, tak boleh join. Mak strict" [Larangan keluarga]

R10(P):

"mana boleh. Arak tu haram." [Larangan agama]

"kalau perempuan minum arak, sure semua pandang serong" [Pandangan buruk masyarakat]

R11(P):

"Arak ni tak baik untuk kesihatan." [Takut mendapat penyakit]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Lagi pun, keluarga saya memang tak ada yang minum alkohol. Bapa pun tak. Even masa celebration" [Tiada ahli keluarga yang mengambil alkohol]

R12(P): "Arak tak baik untuk kesihatan." [Takut mendapat penyakit]

4.6.4 Umur Responden Mula Mengambil Alkohol

Jadual 4.18 di bawah menunjukkan umur responden mula mengambil alkohol mengikut jantina. Daripada jumlah keseluruhan 110 responden yang mengambil alkohol, 87 orang (79.1%) mula mengambil alkohol dalam lingkungan umur 12 – 16 tahun. Seramai 23 orang (20.9%) pula mula mengambil alkohol dalam lingkungan umur 7 – 11 tahun. Tiada responden yang mula mengambil alkohol pada umur kurang dari 7 tahun. Responden perempuan yang mengambil alkohol kebanyakkannya bermula dalam lingkungan umur 12 – 16 tahun.

Jadual 4.18

Umur Responden Mula Mengambil Alkohol

Umur	Lelaki	Perempuan
Kurang dari 7 tahun	-	-
7 – 11 tahun	15	8
12 – 16 tahun	57	30

Responden yang telah ditemu bual pula menyatakan bahawa umur mereka mula mengambil alkohol adalah seperti berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R1(L): “Masa form 2. Cuba-cuba lepas sekolah. ” [12 – 16 tahun]

R2(L): “Masa 15 tahun. First time try.” [12 – 16 tahun]

R3(L): “Saya first time masa tingkatan 3 kot.” [12 – 16 tahun]

R4(P): “14 tahun. Baharu minum first time.” [12 – 16 tahun]

R5(P): “Masa saya Form 3.” [12 – 16 tahun]

R6(P): “13 tahun.” [12 – 16 tahun]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6.5 Jenis Alkohol yang Pernah Diambil

Jadual 4.19 di bawah pula menunjukkan jenis alkohol yang pernah diambil oleh responden. Paling ramai responden, iaitu seramai 110 (100%) responden pernah mengambil bir. Jenis alkohol vodka dan arak tempatan merupakan jenis yang kedua dan ketiga tertinggi diambil dengan bilangan yang hampir sama iaitu seramai 66 orang dan 63 orang. Jenis alkohol seperti wiski dan brandy adalah yang paling kurang diambil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.19

Jenis Alkohol yang Pernah Diambil

Jenis	**Lelaki**	**Perempuan**
Arak tempatan (tuak/todi)	48	15
Bir	72	38
Wain	15	20
Brandy	8	4
Wiski	8	-
Vodka	62	4
Tequila	53	6

Responden yang telah ditemu bual pula menyatakan bahawa jenis alkohol yang pernah diambil adalah seperti berikut;

R1(L): "First time tu saya cuba bir saja. Tapi lepas tu dah pernah rasa vodka. Tu saja." [Bir/Vodka]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R2(L): "Saya pernah minum bir, vodka. Todi pun pernah cuba." [Bir/Vodka/Arak tempatan]

R3(L): "Vodka, bir, todi, tequila. Macam-macam. Wain tu tak pernah." [Bir/Vodka/Arak tempatan/Tequila]

R4(P): "Bir, shandy. Wain pernah minum sikit." [Bir/Wain]

R5(P): "Shandy. Bir pun pernah. Selalu macam vodka lah." [Bir/Vodka]

R6(P): "Saya pernah minum wain dan bir saja." [Bir/Wain]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6.6 Sumber Kewangan Bagi Membeli Alkohol

Jadual 4.20 di bawah menunjukkan sumber kewangan yang digunakan oleh responden bagi membeli alkohol. Dibeli oleh keluarga mencatatkan bilangan tertinggi iaitu seramai 92 orang (83.6%). Dibelanja oleh rakan dan menggunakan duit perbelanjaan sekolah mencatatkan bilangan yang hampir sama. Terdapat juga responden yang meminta duit tambahan daripada ibu bapa bagi membeli alkoholdan terdapat juga responden yang menggunakan wang hasil kerja sambilan bagi membeli alkohol.

Jadual 4.20

Sumber Kewangan bagi Membeli Alkohol

Sumber Kewangan	**Lelaki**	**Perempuan**
Duit perbelanjaan sekolah	21	5
Meminta duit tambahan daripada ibu bapa	15	5
Dibeli oleh keluarga	63	29
Bekerja sambilan	16	3
Rakan belanja	18	11

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden yang telah ditemu bual pula menyatakan bahawa sumber kewangan bagi membeli alkohol adalah seperti berikut;

R1(L):

“Saya guna duit belanjalah.” [Duit perbelanjaan sekolah]

“Kalau tak geng belanja. ” [Rakan belanja]

R2(L): “Minum yang keluarga beli. Saya tak beli lah.” [Dibeli oleh keluarga]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R3(L):

“Keluarga beli.” [Dibeli oleh keluarga]

“Kawan beli pun ada. Kita orang kongsi-kongsi beli.” ” [Rakan belanja]

“Duit belanja.” [Duit perbelanjaan sekolah]

R4(P): “Keluarga yang bagi. Minum masa function.” [Dibeli oleh keluarga]

R5(P):

“Guna duit sekolah. Kongsi beli dengan member.” [Duit perbelanjaan sekolah]

“Kadang-kadang ada yang sponsor” ” [Rakan belanja]

R6(P): “Keluarga beli.” [Dibeli oleh keluarga]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6.7 Faktor Ingin Berhenti Mengambil Alkohol

Bagi subtopik ini, dapatan dibentangkan dalam dua jadual. Jadual 4.21 menunjukkan bilangan responden yang mempunyai hajat berhenti mengambil alkohol manakala Jadual 4.22 menunjukkan bilangan responden yang tidak mempunyai hajat untuk berhenti mengambil alkohol. Faktor bagi tindakan yang dipilih turut dijelaskan.

Dapatan Jadual 4.21 menunjukkan seramai53 (48.1%) orang daripada 110 responden yang mengambil alkohol mempunyai hajat untuk berhenti. Tujuan yang dipilih oleh kesemua responden adalah pengambilan alkohol tidak baik untuk kesihatan dan ketakutan mendapat penyakit. Larangan keluarga dan nasihat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rakan/teman lelaki/ teman wanita turut merupakan faktor responden ingin berhenti mengambil alkohol dan bilangannya hampir sama juga.

Jadual 4.21

Faktor Responden Ingin Berhenti Mengambil Alkohol

Faktor	**Lelaki**		**Perempuan**	
	Bilangan (orang)	**Peratus (%)**	**Bilangan (orang)**	**Peratus (%)**
Mengambil alkohol tidak baik untuk kesihatan	35	66.0	18	33.9
Takut mendapat penyakit	35	56.6	18	22.6
Larangan keluarga	25	47.2	6	11.3
Nasihat rakan/teman lelaki/teman wanita	21	39.6	3	5.6

Jadual 4.22 di bawah pula menunjukkan seramai 57 orang responden tidak mempunyai keinginan untuk berhenti mengambil alkohol. Sebab yang paling kerap dipilih adalah ritual/tradisi iaitu seramai 49 orang (85.9%). Keseronokkan dan tiada larangan keluarga pula mendapat bilangan yang hampir sama. Faktortekanan/stress kehidupan dan desakan rakan turut dinyatakan oleh responden.

Hanya satu orang responden yang telah ditemu bual menyatakan mempunyai hajat untuk berhenti mengambil alkohol kerana faktor berikut;

R1(L): “Keluarga melarang. Yalah, dia marah-marah kata arak ni haram bagai. Mak lah.” [Larangan keluarga]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.22

Faktor Responden Tidak Ingin Berhenti Mengambil Alkohol

Faktor	**Lelaki**		**Perempuan**	
	Bilangan (orang)	**Peratus (%)**	**Bilangan (orang)**	**Peratus (%)**
Desakan rakan	25	43.8	5	8.8
Tekanan / stress kehidupan	32	56.1	6	10.5
Keluarga tidak melarang	28	49.1	13	22.8
Seronok	30	52.6	13	22.8
Ritual/tradisi	30	52.6	19	33.3

Lima orang responden yang telah ditemu bual menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai hajat untuk berhenti mengambil alkohol kerana faktor-faktor berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R2(L): "Tak, tak ada rasa nak berhenti. Seronok minum-minum dengan keluarga. Dengan kawan-kawan" [Seronok]

R3(L): "Benda ni aktiviti biasa. Macam dah jadi normal. Kalau celebrate, mesti ada minum-minum" [Ritual/tradisi]

R4(P): "Minum masa function saja. Bukan nak mabuk saja-saja." [Ritual/tradisi]

R5(P): "Tak boleh. Bukan senang. Kalau geng mesti minum." [Desakan rakan]

R6(P): "Ni normal. Minum masa celebration. Semua family member pun minum sama." [Ritual/tradisi]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7 Dapatan berkaitan Kes Tingkah Laku Seksual

Subtopik ini membincangkan dapatan berkaitan kes tingkah laku seksual secara khususnya. Dapatan-dapatan yang dibincangkan adalah seperti penglibatan responden, faktor, umur penglibatan, jenis tingkah laku seksual, sumber kewangan dan tujuan ingin berhenti terlibat. Perbincangan yang khusus ini bertujuan memberikan gambaran pola penglibatan responden kajian dengan tingkah laku seksual.

4.7.1 Penglibatan Responden dengan Tingkah Laku Seksual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.23 di bawah menunjukkan penglibatan responden kajian dengan tingkah laku seksual. 112 (43.0%) daripada jumlah keseluruhan 260 orang responden mengaku mereka terlibat dengan tingkah laku seksual atau pernah terlibat dengan tingkah laku seksual manakala 148 orang (57.0%) responden mengaku tidak terlibat dengan tingkah laku seksual. Bagi responden yang terlibat dengan tingkah laku seksual, 57 orang (50.8%) daripadanya merupakan responden lelaki manakala 55 orang (49.2%) merupakan perempuan.

Responden perempuan berketurunan Melayu merupakan kumpulan yang paling ramai terlibat dengan tingkah laku seksual iaitu seramai 26 orang (23.2%), diikuti dengan lelaki berketurunan Melayu dan Cina seramai 21 orang (18.7%) bagi setiap kaum. 78 (69.6%) responden lelaki tidak terlibat dengan tingkah laku seksual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kumpulan responden perempuan berketurunan Cina adalah kumpulan yang mencatatkan jumlah paling tinggi bagi tidak terlibat dengan tingkah laku seksual iaitu 28 orang (18.9%), diikuti dengan responden perempuan berketurunan India iaitu 25 orang (16.8%) dan responden perempuan Melayu seramai 11 orang (7.4%). Walau bagaimanapun, jika dilihat dari segi peratusan responden, kumpulan responden lelaki Lain-lain 85.7% tidak terlibat dengan tingkah laku seksual.

Jadual 4.23

Penglibatan Responden dengan Tingkah Laku Seksual

Keturunan	**Terlibat**		**Tidak Terlibat**	
	L	**P**	**L**	**P**
Melayu	21	26	26	11
Cina	21	18	17	28
India	12	8	26	25
Peribumi Sabah/ Sarawak	2	2	3	3
Lain-lain	1	1	6	3
Jumlah Mengikut Jantina	**57**	**55**	**78**	**70**
Jumlah Besar	**112**		**148**	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7.2 Faktor Penglibatan Responden dengan Tingkah Laku Seksual

Jadual 4.24 di bawah menunjukkan faktor penglibatan responden kajian dengan tingkah laku seksual. Seramai 82 orang (73.2%) daripada jumlah keseluruhan 112 orang responden mengaku mereka terlibat dengan tingkah laku seksual atau pernah terlibat dengan tingkah laku seksual kerana perasaan ingin tahu. Faktor penglibatan yang kedua tertinggi adalah kerana desakan teman lelaki / teman wanita iaitu seramai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

78 orang (69.6%). Tekanan/stress kehidupan pula merupakan faktor yang ketiga tertinggi dengan 59 orang (52.6%). Terdapat juga 8 orang (7.1%) responden perempuan yang menyatakan faktor penglibatan adalah bagi mendapatkan duit.

Jadual 4.24

Faktor Penglibatan Responden dengan Tingkah Laku Seksual

Faktor	**Lelaki**		**Perempuan**	
	Bilangan (orang)	**Peratus (%)**	**Bilangan (orang)**	**Peratus (%)**
Perasaan ingin tahu	40	35.7	42	37.5
Desakan teman lelaki / teman wanita	38	33.9	40	35.7
Tekanan / stress kehidupan	36	32.1	23	20.5
Mendapatkan duit	-	-	8	7.1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden yang telah ditemu bual pula menyatakan bahawa faktor mereka terlibat dengan tingkah laku seksual adalah seperti berikut;

R1(L):

"(gelak) entahlah cikgu..dah terjadi macam tu saja..keinginan kot" [Perasaan ingin tahu]

"*girlfriend* pun minta juga" [Desakan teman lelaki / teman wanita]

R2(L): "mungkin sebab perasaan ingin tahu. Ikut perasaan saja." [Perasaan ingin tahu]

R3(L):

"sebab nak tahu." [Perasaan ingin tahu]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"tapi lama-lama macam dah biasa. Macam boleh *release stress*" [Tekanan / stress kehidupan]

R4(P): "*boyfriend* minta" [Desakan teman lelaki / teman wanita]

R5(P):

"sebab boyfriend. Dia selalu minta. Susah nak cakap tak boleh." [Desakan teman lelaki / teman wanita]

"saya pun nak juga" [Ketagihan]

R6(P): "not sure. Masa couple dulu. *First-first*." [Perasaan ingin tahu]

4.7.3 Faktor Responden Tidak Terlibat dengan Tingkah Laku seksual

Jadual 4.25 di bawah pula menunjukkan faktor responden kajian tidak terlibat dengan tingkah laku seksual. 82 orang (55.4%) responden darpada jumlah keseluruhan 148 orang yang tidak terlibat dengan tingkah laku seksual menyatakan faktor mereka tidak terlibat dengan tingkah laku seksual adalah kerana perlakuan ini tidak baik di mata masyarakat manakala seramai 66 orang (44.5%) pula kerana ketakutan mendapat penyakit dan larangan keluarga. Faktor seperti larangan agama dan nasihat rakan/teman lelaki/teman wanita mendapat bilangan yang hampir sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.25

Faktor Responden Tidak Terlibat dengan Tingkah Laku Seksual

Faktor	**Lelaki**		**Perempuan**	
	Bilangan (orang)	**Peratus (%)**	**Bilangan (orang)**	**Peratus (%)**
Perlakuan ini tidak baik di mata masyarakat	25	16.8	53	35.8
Takut mendapat penyakit	31	20.9	35	23.6
Larangan keluarga	31	20.9	35	23.6
Larangan agama	13	8.7	8	5.4
Nasihat rakan/teman lelaki/teman wanita	11	7.4	8	5.4

Responden yang telah ditemu bual pula menyatakan bahawa faktor mereka tidak terlibat dengan tingkah laku seksual adalah seperti berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R7(L):

“tak boleh. Tak halal hubungan ni. Haram.” [Larangan agama]

“lagi silap hari, boleh dapat penyakit pun” [Takut mendapat penyakit]

R8(L):

“mana boleh. Memang masyarakat cakap tak boleh. Tunggu kahwin dulu.” [Perlakuan ini tidak baik di mata masyarakat]

R9(L):

“sebab takut penyakit” [Takut mendapat penyakit]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"nak kata pasal pandangan masyarakat sekeliling pun ada.." [Perlakuan ini tidak baik di mata masyarakat]

"keluarga pun ada" [Larangan keluarga]

"Lelaki kena bertanggungjawab" [Pendirian individu]

R10(P):

"tak boleh. Benda ni hanya boleh lepas kahwin. Boyfriend ada tapi tak pernah cakap pasal benda ni" [Pendirian individu]

R11(P): "sebab memang saya tak nak. Saya nak jaga diri saya. Tak buat yang tak patut" [Pendirian individu]

R12(P):

"nak kata sebab keluarga pun ada.." [Larangan keluarga]

"sebab saya pun memang tak nak terlibat. Priority saya lain." [Pendirian individu]

4.7.4 Umur Responden Mula Terlibat dengan Tingkah laku seksual

Jadual 4.26 di bawah menunjukkan umur responden mula terlibat dengan tingkah laku seksual mengikut jantina. Majoriti daripada jumlah keseluruhan 112 responden yang terlibat dengan tingkah laku seksual, iaitu seramai 91 orang (81.2%) mula terlibat dengan tingkah laku seksual dalam lingkungan umur 12 – 16 tahun. Seramai 21 orang (18.8%) pula mula terlibat dengan tingkah laku seksual dalam lingkungan umur 7 - 11 tahun. Tiada responden yang mula terlibat dengan tingkah laku seksual pada umur kurang dari 7 tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.26

Umur Responden Mula Terlibat dengan Tingkah Laku Seksual

Umur	**Lelaki**	**Perempuan**
Kurang dari 7 tahun	-	-
7 – 11 tahun	12	9
12 – 16 tahun	45	46

Responden yang telah ditemu bual pula menyatakan bahawa umur mereka mula terlibat dengan tingkah laku seksual adalah seperti berikut;

R1(L): “tak ingatlah. Lebih kurang Form 1 lah.” [12 – 16 tahun]

R2(L): “Form 2” [12 – 16 tahun]

R3(L): “15 tahun” [12 – 16 tahun]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R4(P): “masa 12 tahun” [12 – 16 tahun]

R5(P): “masa tingkatan 1” [12 – 16 tahun]

R6(P): “first masa tingkatan 1” [12 – 16 tahun]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7.5 Jenis Tingkah Laku Seksual

Jadual 4.27 di bawah pula menunjukkan penglibatan responden dengan jenis tingkah laku seksual mengikut jantina. Paling ramai responden, iaitu 109 responden (97.3%) terlibat dengan perlakuan jenis sentuhan/cium/meraba, manakala kedua tertinggi adalah perlakuan jenis seks vagina dengan 103 orang responden. 71 orang responden pula telibat dengan perlakuan jenis melancap/onani. Bilangan responden mengikut jantina adalah hampir sama bagi kebanyakkan jenis perlakuan.

Jadual 4.27

Jenis Tingkah Laku Seksual

Jenis tingkah laku seksual	**Lelaki**	**Perempuan**
Seks oral (mulut)	5	17
Seks anal (dubur)	2	3
Seks vagina	50	53
Sentuhan/Cium/Meraba	54	55
Melancap/Onani	42	29

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden yang telah ditemu bual pula menyatakan bahawa jenis tingkah laku seksual yang pernah dilakukan adalah seperti berikut;

R1(L): “Cium tu biasalah. Pegang.”[Sentuhan/Cium/Meraba]

“Seks biasa” [Seks vagina]

“Ada melancap” [Melancap/Onani]

R2(L): “seks ada.” [Seks vagina]

“Cium pegang-pegang ada.” [Sentuhan/Cium/Meraba]

“masturbate pun ada” [Melancap/Onani]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R3(L): "Ada. Yang anal tu tak pernah. Yang lain semua pernah" [Seks oral (mulut)/ Seks vagina/ Sentuhan/Cium/Meraba/ Melancap/Onani]

R4(P): "sentuh-sentuh, cium, seks." [Sentuhan/Cium/Meraba/ Seks vagina]
"Seks tu tak adalah yang main ikut belakang. Seks mulut pernah" [Seks oral (mulut)]

R5(P): "semua pernah." [Seks oral (mulut)/ Seks vagina/ Sentuhan/Cium/Meraba/ Melancap/Onani/ Seks anal (dubur)]

R6(P): "kissing ke pegang ada. Seks pun ada tapi bukan yang anal oral tu." [Seks vagina/ Sentuhan/Cium/Meraba]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7.6 Pemilihan Penggunaan Perlindungan Ketika Aktiviti Seksual

Jadual 4.28 di bawah menunjukkan pemilihan penggunaan perlindungan ketika aktiviti seksual. Penggunaan kondom mencatat pemilihan tertinggi dengan 41 orang responden (36.6%) diikuti dengan tidak melakukan hubungan seks pada hari subur pasangan perempuan oleh 38 orang responden (33.9%). Terdapat juga responden perempuan yang menggunakan pil perancang kehamilan iaitu seramai 15 orang. Seramai 23 orang responden menyatakan bahawa mereka tidak menggunakan sebarang perlindungan ketika melakukan hubungan seks.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.28

Pemilihan Perlindungan Ketika Aktiviti Seksual

Jenis Perlindungan	**Lelaki**	**Perempuan**
Kondom	41	-
Pil perancang kehamilan	-	15
Tidak melakukan hubungan seks pada hari subur pasangan perempuan	11	27
Tiada perlindungan	12	18

Responden yang telah ditemu bual pula menyatakan bahawa jenis perlindungan yang digunakan ketika aktiviti seksual adalah seperti berikut;

R1(L): "Kalau guna tu memang kondom sajalah. Kadang-kadang tak guna." [Kondom]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R2(L): "kondom" [Kondom]

R3(L): "kondom saja." [Kondom]

R4(P): "saya tahu kira hari subur. Kalau subur, guna kondom. Kalau tak, tak ada guna apa-apa" [Kondom / Tidak melakukan hubungan seks pada hari subur pasangan perempuan]

R5(P): "biasa guna kondom. Ada masa tak pakai." [Kondom]

"Pernah juga ambil pil" [Pil perancang kehamilan]

R6(P): "ada guna. Kondom." [Kondom]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7.8 Sumber Kewangan Bagi Aktiviti Seksual

Jadual 4.29 di bawah menunjukkan sumber kewangan yang digunakan oleh responden bagi aktiviti seksual. 45 orang responden (40.1%) menggunakan duit perbelanjaan sekolah mereka bagi aktiviti seksual. Terdapat juga responden yang meminta duit tambahan daripada ibu bapa jika duit perbelanjaan sekolah tidak mencukupi iaitu seramai 5 orang responden. 3 orang responden menyatakan bahawa mereka menggunakan wang hasil kerja sambilan bagi aktiviti seksual.

Jadual 4.29

Sumber kewangan bagi aktiviti seksual

Sumber Kewangan	**Lelaki**	**Perempuan**
Duit perbelanjaan sekolah	34	11
Meminta duit tambahan daripada ibu bapa	5	-
Bekerja sambilan	3	-

Responden yang telah ditemu bual pula menyatakan bahawa sumber kewangan bagi aktiviti seksual adalah seperti berikut;

R1(L): “guna duit belanja” [Duit perbelanjaan sekolah]

R2(L): “duit belanja” [Duit perbelanjaan sekolah]

R3(L): “duit belanja sekolah” [Duit perbelanjaan sekolah]

R4(P): “saya tak keluarkan duit” [Tiada perbelanjaan]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R5(P): "saya tak guna duit." [Tiada perbelanjaan]

R6(P): "Tak ada." [Tiada perbelanjaan]

4.7.8Faktor Ingin Berhenti Terlibat dengan Tingkah Laku Seksual

Bagi subtopik ini, dapatan dibentangkan dalam dua jadual. Jadual 4.30 menunjukkan bilangan responden yang mempunyai hajat berhenti terlibat dengan tingkah laku seksual manakala Jadual 4.31 menunjukkan bilangan responden yang tidak mempunyai hajat untuk berhenti terlibat dengan tingkah laku seksual. Faktor bagi tindakan yang dipilih turut dijelaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan Jadual 4.30 menunjukkan seramai 78 (69.6%) orang daripada 112 responden yang terlibat dengan tingkah laku seksual mempunyai hajat untuk berhenti dan tujuan yang paling kerap dipilih adalah takut mendapat penyakit iaitu seramai 68 orang (87.1%) dan ini diikuti dengan larangan keluarga dan perlakuan ini tidak baik dimata masyarakat dengan bilangan yang hampir sama. Larangan agama dan nasihat rakan/teman lelaki/ teman wanita turut merupakan faktor responden ingin berhenti terlibat dengan tingkah laku seksual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.30

Faktor Responden Ingin Berhenti Terlibat dengan Tingkah Laku Seksual

Faktor	**Lelaki**		**Perempuan**	
	Bilangan (orang)	**Peratus (%)**	**Bilangan (orang)**	**Peratus (%)**
Perlakuan ini tidak baik di mata masyarakat	11	14.1	5	6.4
Takut mendapat penyakit	30	38.4	38	48.7
Larangan keluarga	13	16.6	4	5.1
Larangan agama	7	8.9	4	5.1
Nasihat rakan/teman lelaki/teman wanita	6	7.6	3	3.8

Bagi responden yang telah ditemu bual pula, tiada yang mempunyai hajat untuk berhenti terlibat dengan tingkah laku seksual. Faktor responden-responden temu bual tidak ingin berhenti dilaporkan di bawah.

Merujuk kepada Jadual 4.31 di bawah pula, seramai 34 orang responden tidak mempunyai keinginan untuk berhenti terlibat dengan tingkah laku seksual. Sebab yang paling kerap dipilih adalah desakan rakan / teman lelaki / teman wanita dengan 30 orang responden (88.2%). Hal ini diikuti oleh ketagihan dengan seramai 23 orang (67.6%). Terdapat juga responden perempuan yang tidak ingin hentikan penglibatan kerana ingin mendapatkan duit.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.31

Faktor Responden Tidak Ingin Berhenti Terlibat dengan Tingkah Laku Seksual

Faktor	**Lelaki**		**Perempuan**	
	Bilangan (orang)	**Peratus (%)**	**Bilangan (orang)**	**Peratus (%)**
Ketagihan	21	61.7	2	5.8
Desakan rakan / teman lelaki / teman wanita	12	35.2	18	52.9
Mendapat duit	-	-	2	5.8

Responden yang telah ditemu bual pula menyatakan bahawa faktor mereka tidak boleh berhenti terlibat dengan tingkah laku seksual adalah seperti berikut;

R1(L): "Tak boleh lah. Dah biasa. Kena juga." [Ketagihan]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R2(L): "entah, tak boleh. Dah ketagih." [Ketagihan]

R3(L): "ya, saya dah biasa. Addicted. Adalah, dalam satu bulan, mesti ada dalam tiga kali" [Ketagihan]

R4(P): "Saya memang dah ketagih. Boyfriend pun confirm. Mesti minta." [Ketagihan]

R5(P): "saya sudah biasalah. Benda ni normal." [Ketagihan]

R6(P): "Tak pernah terfikir. Saya pun tak boleh tahan juga" [Ketagihan]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8 Kesimpulan

Dalam bab ini telah dibincangkan tentang dapatan kajian yang telah dianalisa. Secara ringkasnya, data kajian yang telah dianalisis telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu data kuantitatif dan data kualitatif. Data yang telah dianalisa diringkaskan dalam bentuk jadual bagi memberikan gambaran tentang demografi responden, status penglibatan responden, penglibatan dan faktor penglibatan. Dapatan-dapatan ini akan dikaitkan dengan dapatan kajian-kajian lepas dalam bab seterusnya. Dapatan yang penting juga akan dibincangkan dari segi teori bagi meningkatkan pehamanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pengenalan

Dalam bab ini dapatan kajian, ringkasan kajian, implikasi kajian secara teori dan praktikal, kekuatan dan batasan kajian serta saranan kajiandibincangkan. Pembentangan perbincangan dapatan kajian ini dibahagikan kepada lima bahagian utama iaitu pola penglibatan secara umum, pola penglibatan responden dengan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual. Bahagian-bahagian seterusnya akan membentangkan dapatan berkaitan rokok, dapatan berkaitan dadah, dapatan berkaitan alkohol dan dapatan berkaitan tingkah laku seksual dengan lebih khusus.

Perbincangan kajian ini dilaporkan berdasarkan maklum balas yang diterima daripada soal selidik yang ditadbir, temu bual dan perbincangan adalah berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas dan teori seperti yang telah dikemukakan dalam Bab 2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penulisan bab ini cuba menjelaskan penglibatan remaja dengan salah laku dari segi pola dan faktor-faktornya.

5.2 Pola Umum Penglibatan Responden dengan Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual

Pebincangan mengenai pola umum penglibatan responden dengan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual akan dibentangkan dalam empat sub tajuk. Pertama ialah tentang taburan responden yang mengaku terlibat dan yang mengaku tidak terlibat dengan kes-kes tersebut mengikut jantina dan keturunan. Kedua, tentang taburan khusus responden yang terlibat dengan kes-kes tersebut berdasarkan jantina dan keturunan. Dalam sub tajuk ketiga dan keempat bahagian ini akan dikemukakan secara umum tentang faktor responden terlibat dan faktor responden tidak terlibat dengan kes-kes tersebut.

5.2.1 Status Penglibatan responden dengan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual mengikut jantina dan keturunan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa daripada jumlah keseluruhan 260 orang responden yang menjawab soal selidik, seramai 178 responden (68.5%) mengaku terlibat dengan satu atau dua atau tiga atau kesemua kes yang dikaji. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian Jamsiah dan Hazlinda (2009) yang bertujuan melihat prevalens salah laku remaja dan faktor hubung kaitnya. Kajian mereka menunjukkan sekurang-kurangnya 70% daripada responden kajian terlibat dengan sekurang-kurangnya satujenis salah laku sosial. Kehamilan, lari dari rumah, dadah, rokok,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

delikuensi serta penggunaan bahan adalah antara masalah yang sering berlaku dalam kalangan remaja (United Nations, 2002).

Responden lelaki menunjukkan kadar penglibatan yang lebih tinggi berbanding responden perempuan iaitu seramai 107 (81.1%) daripada 135 orang responden lelaki terlibat dengan salah satu kes yang dikaji. Dapatan ini menyokong kajian irisan lintang Jamsiah dan Hazlinda (2009) yang turut mendapati bahawa remaja lelaki mempunyai risiko yang tinggi melakukan salah laku sosial berbanding remaja perempuan. Remaja lelaki didapati lebih cenderung terlibat dengan salah laku seperti merokok (Kaya & Unalan, 2010) dan tingkah laku seksual (Novilla et al.,2006).

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Penglibatan paling tinggi dicatatkan oleh responden keturunan Cina dan diikuti dengan responden keturunan Melayu. Dapatan ini kurang menyokong dapatan Jamsiah dan Hazlinda (2009) bahawa remaja berbangsa Melayu mempunyai risiko yang tinggi melakukan salah laku sosial berbanding remaja bangsa-bangsa yang lain. Kajian-kajian yang menunjukkan kecenderungan remaja terlibat dengan salah laku berdasarkan keturunan atau bangsa amat kurang. Pelbagai faktor lain mempengaruhi seseorang remaja terlibat dengan tingkah laku bermasalah seperti faktor persekitaran (Zainuddin & Ahmad, 2010; Kaya & Unalan, 2010; Ardiah, Zaidah & Rokiah, 2009; dan Roslee & Mohamed, 2006), faktor keluarga (Can et al., 2009; Zainuddin & Ahmad, 2010; Kaya & Unalan, 2010; Roslee & Mohamed, 2006), faktor rakan sebaya (Zainuddin & Ahmad, 2010; Kaya & Unalan, 2010; Roslee & Mohamed, 2006), faktor umur (Zainuddin & Ahmad, 2010; Kaya & Unalan, 2010; Roslee & Mohamed, 2006), faktor kebergantungan dan faktor psikologikal (Weiss et al., 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.2 Faktor Responden Terlibat Dengan Rokok, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual Secara Umum

Sub tajuk ini membincangkan faktor-faktor responden terlibat dengan kes-kes yang dikaji dalam kajian ini secara umum. Oleh sebab tiada responden yang mengaku terlibat dengan dadah maka kategori dadah telah digugurkan dalam sub tajuk ini. Pengkaji hanya menumpukan kepada tiga faktor yang tertinggi yang dilaporkan responden dalam soal selidik bagi setiap kategori kes.

Perasaan ingin tahu merupakan faktor utama responden terlibat dengan kes rokok iaitu 110 orang (100%) dan tingkah laku seksual iaitu 82 orang (75.5%). Perasaan ingin tahu juga menduduki tempat ketiga dalam senarai faktor responden terlibat dengan pengambilan minuman beralkohol. Dapatan ini menyokong dapatan bahawa remaja mempunyai persepsi diri dalam mencuba sesuatu perkara seperti merokok (Kaya & Unalan, 2010) dan faktor umur mempengaruhi pandangan individu terhadap perlakuan merokok sebagai sesuatu yang seronok dan perlu dicuba (Roslee & Mohamed, 2006). Sementara itu, upacara ritual dan tradisi menjadi faktor utama responden terlibat dengan minuman beralkohol iaitu 75 orang (68.1%). Dapatan ini selaras dengan kajian Ardiah, Zaidah dan Rokiah (2009) yang membincangkan isu berkaitan pengambilan minuman keras dalam kalangan remaja dengan menumpukan kepada jenis, pola minum dan faktor-faktor remaja minum minuman keras berdasarkan pengalaman dan persepsi remaja Dusun. Pengambilan alkohol adalah sesuatu yang normal dalam beberapa upacara ritual dan tradisi masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.3 Faktor Responden Tidak Terlibat Dengan Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual Secara Umum

Fakta bahawa rokok, dadah dan alkohol tidak baik untuk kesihatan merupakan faktor utama responden tidak terlibat dengan kes rokok, dadah dan alkohol iaitu 77 orang (51.3%) bagi setiap kes berikut. Perkara ini menunjukkan bahawa responden kajian mementingkan kesihatan dan sedar bahawa penglibatan dengan rokok, dadah dan alkohol boleh membawa penyakit. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian Trenette, Anh dan Faye (2011) yang menyatakan bahawa faktor perlindugan individu seperti kebijaksanaan dan kesedaran menjadi faktor remaja mengelak dari terlibat denga tingkah laku berisioko.

Bagi tingkah laku seksual pula, faktor utama responden kajian tidak terlibat adalah kerana perlakuan ini tidak baik di mata masyarakat iaitu 82 orang (55.4%). Hal ini menunjukkan bahawa responden amat menitikberatkan pandangan dan penerimaan masyarakat serta komuniti terhadap mereka. Faktor ini merupakan faktor perlindungan komuniti (Trenette, Anh & Faye, 2011) di mana kejelikitan antara ahli komuniti menjurus kepada keperluan untuk diterima.

Larangan keluarga juga merupakan faktor yang menjelaskan ketidakterlibatan responden dengan mana-mana kes yang dikaji iaitu rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual. Larangan keluarga dan pemantauan keluarga menjadi aspek penting dan ini turut mejadi peraturan hidup responden. Menurut Chewning et al. (2001), sokongan ibu bapa yang tinggi dan pengetahuan dan pemantauan aktiviti remaja dan rakan-rakannya oleh ibu bapa merupakan faktor yang berkait secara signifikan dalam remaja mengelak hubungan seksual. Kalina et al. (2011) juga turut menyatakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa sokongan sosial keluarga kurang cenderung terlibat dengan seks yang tidak selamat.

5.3 Perbincangan Tentang Tingkah Laku Merokok

Dalam subtajuk ini, terdapat lapan bahagian. Lapan bahagian tersebut adalah iaitu penglibatan responden dengan rokok, faktor merokok, faktor tidak ingin merokok, umur responden ketika mula merokok, bilangan rokok yang dihisap sehari, sumber kewangan dan hajat serta tujuan ingin berhenti merokok. Bagi setiap bahagian, dapatan daripada soal selidik diikuti dapatan temu bual akan dibincangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1 Penglibatan Responden Dengan Rokok

Seramai 260 responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini dan 110 orang responden mengaku bahawa mereka merokok. Sejumlah 102 orang merupakan lelaki dan 8 orang responden perempuan merokok. Penglibatan responden lelaki adalah lebih ramai berbanding responden perempuan dengan jumlah yang mengaku merokok, 92.7% merupakan responden lelaki. Fenomena ini adalah normal jika dilihat di mana-mana di Malaysia. Masyarakat mempunyai persepsi bahawa lelaki boleh merokok manakala dilihat janggal jika seorang perempuan merokok. Merokok juga dikaitkan dengan sifat kelelakian. Lelaki yang merokok dianggap gagah dan bukanlah suatu isu yang besar jika dibandingkan dengan isu perempuan merokok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkara ini terbukti dengan lebih tepat apabila statistik responden yang terlibat dengan rokok diteliti. Seramai 150 orang responden telah mengatakan bahawa mereka tidak terlibat dengan rokok dan 93.6% merupakan responden perempuan. Hal ini merupakan unjuran yang secara keseluruhannya bertentangan dengan status responden yang terlibat dengan rokok. Perempuan, diandaikan pengkaji, menurut persepsi masyarakat adalah golongan feminin. Merokok tidak melambangkan ciri-ciri kewanitaan. Sebaliknya, perempuan yang merokok akan dipandang rendah dan dianggap bermasalah dari segi cara hidupnya. Jadi, ketidakterlibatan responden perempuan dengan rokok merupakan suatu perkara yang boleh diramalkan.

Maka, boleh disimpulkan bahawa, responden lelaki mempunyai kecenderungan yang tinggi bagi menunjukkan penglibatan dengan rokok manakala responden perempuan cenderung untuk tidak terlibat dengan rokok. Hal ini membuktikan bahawa dapatan Kaya dan Unalan (2010) yang mengatakan terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman merokok dengan jantina lelaki. Hal ini mungkin berkaitan dengan persepsi umum bahawa merokok adalah suatu tindakan yang maskulin dan secara tidak langsung membenarkan lelaki merokok tanpa halangan yang banyak. Faktor-faktor tingkah laku mereka juga turut dikaji dan akan dibincangkan dalam subtopik yang berikutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Faktor Penglibatan Responden Dengan Rokok

Bagi subtopik ini, faktor-faktor responden merokok akan dibincangkan. Hal ini adalah kesinambungan kepada subtopik yang lepas iaitu mengenai status penglibatan responden. Terdapat empat faktor yang menjadi pilihan responden bagi menerangkan faktor mereka boleh mula merokok. Faktor-faktor tersebut adalah perasaan ingin tahu (94.5%), tekanan atau stress kehidupan (87.2%), desakan rakan (27.2%) dan mengikut ahli keluarga yang merokok (0.9%).

Perasaan ingin tahu menjadi faktor yang paling tinggi dipilih bagi menerangkan faktor responden memilih untuk merokok. Perasaan ingin tahu telah membuatkan responden-responden ini untuk mencuba merokok bagi mengetahui perasaan ketika merokok. Perasaan ini, diandaikan oleh pengkaji, timbul apabila responden memerhatikan orang lain seperti orang dewasa dan rakan sebaya lain yang merokok. Responden ingin tahu apakah rasa rokok dan juga sama ada ianya akan menambah kematangan kepada penampilan mereka. Hal ini kerana, secara amnya, merokok dikaitkan dengan orang dewasa dan secara tidak langsung, orang dewasa menjadi lambang kematangan. Menurut Teori Elkind (Coleman & Hendry, 1999). egosentrisme remaja yang disebabkan oleh pemikiran operasional formal remaja seperti penonton khayalan dan kemampuan berfikir secara hipotetikal serta melihat diri mereka dari sudut pandangan orang luar di samping membayangkan reaksi-reaksi orang lain dalam keadaan khayalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam teori Pembelajaran Sosial Bandura (1977), beliau telah membuat analisis yang menyatakan bagaimana manusia belajar melalui pemerhatian. Pembelajaran adalah melalui peniruan, mengajuk dan memadan. Biasanya, setiap individu terutama kanak-kanak akan menilai sesuatu perkara berasaskan kepada perkara yang pernah dilihat oleh mereka daripada orang-orang yang signifikan dan persekitaran. Teori pembelajaran sosial menekankan kepada proses peniruan sebagai bertanggung jawab kepada pembelajaran tingkah laku. Pemerhatian tingkah laku orang lain merupakan sebagai proses peniruan yang akan membentuk tingkah laku devian seseorang. Peniruan melalui pemerhatian merupakan satu proses pembalajaran tanpa penglibatan pengalaman lepas secara langsung (Bandura, 1977).

Tekanan atau stress kehidupan yang dialami oleh responden-responden kajian telah menyebabkan mereka memilih untuk merokok. Bagi mereka, merokok merupakan salah satu cara bagi mereka menangani masalah yang timbul dalam kehidupan mereka. Merokok merupakan teknik menguruskan masalah. Merokok memberikan mereka idea tentang bagaimana mereka boleh uruskan masalah yang timbul. Jika mereka tidak merokok, mereka tidak ada cara lain bagi menghadapi masalah. Hal ini menunjukkan tahap kemahiran pengurusan masalah responden kajian. Sebagai remaja, mereka masih dalam tahap mempelajari pelbagai kemahiran dan disebabkan keadaan yang terdesak dan memerlukan ketenangan sementara, mereka mudah ke arah merokok. Dapatan ini selaras dengan dapatan Patrick et al. (2010) yang menyatakan bahawa faktor melepaskan diri daripada situasi negatif seperti mengatasi perasaan rendah diri, bosan, tertekan, menjadikan diri lebih tenang, yakin dan mendapat perhatian merupakan faktor penerimaan remaja terhadap penggunaan bahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Desakan rakan menjadi faktor yang ketiga tertinggi. Rakan merupakan individu yang sangat penting dalam kehidupan remaja. Remaja perlukan sokongan dan pengiktirafan rakan bagi meningkatkan keyakinan diri. Remaja memerlukan pengiktirafan bahawa dirinya diterima oleh kelompok rakannya atau individu yang penting dalam hidupnya. Apabila individu yang tergolong dalam kumpulan yang penting itu mendesak remaja (dalam kajian ini, responden) bagi mencuba rokok, responden sukar menolak. Kesukaran menolak berpunca daripada perasaan takut dan serba salah. Perasaan takut dan serba salah adalah kerana memikirkan dirinya tidak akan diterima jika menolak dan pada masa yang sama memikirkan kesan merokok terhadap diri. Roslee dan Mohamed (2006) menyatakan hubungan sosial sebagai faktor utama remaja merokok.

Seorang responden perempuan menyatakan bahawa faktornya merokok adalah kerana mengikut ahli keluarga yang merokok. Hal ini menunjukkan bahawa responden tersebut telah diajak mencuba merokok. Responden pula tidak merasa tekanan yang tinggi bagi menolak memandangkan yang mengajaknya merupakan ahli keluarga. Hal ini menyokong dapatan Kaya dan Unalan (2010) yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman merokok apabila terdapat individu yang merokok dalam keluarga. Menurut Bandura (1977) pula, manusia belajar melalui pemerhatian. Pembelajaran adalah melalui peniruan, mengajuk dan memadan. Biasanya, setiap individu terutama kanak-kanak akan menilai sesuatu perkara berasaskan kepada perkara yang pernah dilihat oleh mereka daripada orang-orang yang signifikan dan persekitaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi responden yang telah ditemu bual pula, faktor mereka merokok adalah disebabkan stress, supaya diterima kumpulan rakan dan ketakutan diketepikan, perasaan ingin tahu, desakan rakan dan mengikut ahli keluarga serta rakan yang merokok. Kesemua faktor yang dinyatakan adalah sama seperti responden-responden yang menjawab soal selidik. Salah seorang responden turut menyatakan ketakutan diketepikan oleh rakan sebagai faktor utama. Mungkin ini disebabkan merokok telah menjadi sebahagian budaya kumpulan tersebut. Seorang lagi responden pula telah menyatakan bahawa merokok merupakan salah satu aktiviti yang dilakukan apabila mereka berkumpul dengan rakan. Hal ini adalah sama dengan dapatan Patrick et al. (2010) yang menyatakan bahawa faktor hubungan sosial seperti menjadi lebih peramah, dianggap 'macho', mendapat lebih ramai kawan, dan menjadi sebahagian daripada kumpulan rakan sebaya; dan faktor pengalaman sosial yang buruk seperti takut tidak diterima oleh rakan atau keluarga merupakan faktor penerimaan remaja terhadap penggunaan bahan.

Secara kesimpulannya, remaja yang merokok menyatakan bahawa faktor utama mereka memilih untuk merokok adalah disebabkan perasaan ingin tahu, tekanan atau stress hidup, desakan rakan, mengikut ahli keluarga yang merokok, ketakutan diketepikan oleh rakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.3 Umur Responden Ketika Mula Merokok

Majoriti responden lelaki yang merokok mengaku mereka mula merokok pada lingkungan umur 7 hingga 11 tahun. Menurut Teori Psikososial Erikson (Corey, 2012), lingkungan umur ini adalah pada peringkat konflik Kerajinan lawan Rendah diri.Pada peringkat ini kanak-kanak akan mempunyai keinginan untuk menguasai sesuatu dan mempelajarinya. Mereka perlu mempelajari kemahiran baharu yang kebanyakannya akan berkait rapat dengan awal persekolahan mereka. Jika peringkat ini gagal, mereka akan berasa rendah diri, tidak berkeupayaan dari segi akademik dan juga hubungan interpersonal.

Secara praktikalnya, pada peringkat umur ini, kanak-kanak merasakan mereka perlu membuktikan diri (Coleman dan Hendry, 1999) mereka boleh menguasai sesuatu perkara yang sama ada diperhatikan di sekeliling atau dalam keluarga sendiri. Apabila perkara tersebut menjadi sesuatu yang dianggap menunjukkan kebolehan diri, tanpa ada intervensi bagi membetulkan pemahaman kanak-kanak tersebut, kanak-kanak merasakan ianya sesuatu yang perlu dikuasai bagi menunjukkan kehebatan diri. Maka, kanak-kanak cenderung mencuba merokok agar orang disekeliling atau rakan sebaya mengiktiraf kedudukan mereka. Hal ini dikenali sebagai peringkat operasi konkrit dan sedang memasuki peringkat operasi formal menurut Teori Perkembangan Piaget (Wadsworth, 2004 dan McLeod, 2015).

Majoriti responden perempuan yang merokok dan 50% lelaki yang merokok pula mula merokok dalam lingkungan umur 12 hingga 16 tahun. Lingkungan umur ini pula adalah peringkat Identiti lawan Krisis Identiti menurut Teori Psikososial Erik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Erikson. Pada peringkat ini, remaja akan cuba membentuk identiti diri memahami diri, sensitif terhadap perubahan badan dan imej diri serta akan menghadapi krisis identitf. Kejayaan peringkat ini akan menjadikan remaja tersebut seorang yang mempunyai konsep kendiri positif dan identiti yang unik dalam pelbagai aspek seperti pekerjaan, peranan jantina, sosial dan tingkah laku. Jika remaja tidak diberikan ruang bagi meneroka dan peneguhan yang sesuai, mereka akan mengalami krisis identiti dan konsep kendiri yang negatif. Mereka akan cenderung meniru orang lain dan akan timbul kecelaruan identiti, ragu-ragu dan ini akan menjadi masalah bagi mereka mengharungi peringkat seterusnya. Hal ini adalah faktor utama responden merasakan diri mereka terpaksa untuk mengikut desakan rakan agar merokok. Rakan yang mendesak adalah sebahagian daripada identiti remaja tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.4 Bilangan Rokok Yang Dihisap Sehari

Responden lelaki majoriti menghisap lebih daripada 5 hingga 25 batang rokok dalam sehari. Secara kiraan kasar, bagi responden yang mengaku menghisap 25 batang rokok sehari, secara purata responden tersebut menghisap dua batang rokok setiap jam dengan hanya mengambil kira 12 jam. Hal ini mungkin menunjukkan bahawa responden-responden ini ketagihan. Ketagihan ini menyebabkan pergantungan fizikal. Pergantungan fizikal tersebut menyebabkan responden terpaksa menghisap rokok bagi memuaskan ketagihan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bilangan rokok yang dihisap dan kekerapan merokok juga turut menunjukkan bahawa remaja yang terlibat mungkin mengalami stress atau tekanan hidup. Hal ini menyebabkan mereka beralih kepada menghisap rokok sebagai salah satu cara menguruskan masalah mereka. Hal ini adalah petunjuk bahawa golongan remaja ini mempunyai tahap kemahiran pengurusan masalah yang rendah.

Majoriti responden perempuan dan segelintir responden lelaki pula menghisap kurang daripada 5 batang rokok dalam sehari. Hal ini menunjukkan bahawa mereka mungkin tidak ketagihan rokok dan sebaliknya merokok adalah lebih kepada aktiviti sosial. Responden ini juga mungkin merokok agar diterima dalam kelompok rakan atau rakan sebaya mereka. Hal ini seterusnya memberikan asas kepada sumber kewangan bagi membeli rokok yang dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.5 Sumber Kewangan

Sumber kewangan responden bagi membeli rokok yang utama adalah duit perbelanjaan sekolah. Majoriti responden perempuan dan lelaki yang merokok menggunakan duit perbelanjaan sekolah bagi membeli rokok. Terdapat juga responden yang meminta duit tambahan daripada ibu bapa bagi membeli rokok apabila duit perbelanjaan tidak mencukupi. Terdapat juga responden yang tidak perlu mengeluarkan duit bagi membeli rokok kerana ianya telah dibelikan oleh rakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Majaroti responden menggunakan duit perbelanjaan sekolah bagi membeli rokok. Duit tersebut sepatutnya digunakan bagi membeli makanan namun responden merasakan mereka perlu catu duit tersebut bagi membeli rokok juga. Hal ini mungkin berlaku kerana kebanyakanibu bapa memberikan duit perbelanjaan yang melebihi keperluan (mungkin bagi kegunaan kecemasan) dan memberikan duit perbelanjaan bagi tempoh seminggu atau sebulan secara penuh kepada responden pada awal minggu atau awal bulan. Jadi ianya terpulang kepada responden bagaimana mereka menguruskan kewangan tersebut. Bagi yang kurang mahir dari segi membuat bajet dan menguruskan wang yang diberikan, mereka meminta duit tambahan daripada ibu bapa atau menggunakan duit hasil kerja sambilan.

Hasil temu bual juga mendapati responden-responden ini membeli rokok sendiri di kedai. Responden-responden berumur bawah 18 tahun dan terdapat undang-undang yang melarang penjualan rokok kepada individu yang berumur 18 tahun ke bawah. Namun, hasil temu bual menunjukkan bahawa responden-responden ini secara bebasnya membeli rokok tanpa perasaan takut. Faktor ketersediaan (*availability*) memudahkan remaja meneruskan tingkah laku merokok (Ardiah, Zaidah & Rokiah, 2009). Penjual atau pemilik perniagaan juga tidak mengikuti peraturan tersebut dan meneruskan perniagaan dengan menjual kepada sesiapa sahaja tanpa mengira umur dengan hanya memikirkan keuntungan perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.6 Faktor Ingin Berhenti Merokok

Terdapat responden yang mempunyai hajat untuk berhenti menghisap rokok. Tujuan utama mereka ingin berhenti menghisap rokok adalah kerana merokok tidak baik untuk kesihatan. Responden menyatakan bahawa merokok adalah tidak baik untuk kesihatan di mana ia boleh menyebabkan pelbagai penyakit seperti kanser, kerosakan paru-paru, ketagihan dan sebagainya. Hal ini turut menerangkan tujuan responden yang ingin berhenti merokok kerana ketakutan mendapat penyakit.

Larangan keluarga dan nasihat rakan, teman lelaki atau teman wanita turut menjadi faktor responden ingin berhenti merokok. Apabila keluarga menunjukkan kebimbangan dan ketegasan dalam tingkah laku merokok responden, ini sebenarnya berhasil. Hal ini menyebabkan terdapat pemikiran bagi berhenti merokok. Dapatan Patrick et al. (2010) menyatakan bahawa faktor larangan sosial seperti pandangan negatif terhadap mereka yang terlibat dengan dadah, alkohol, peraturan keluarga dan komuniti merupakan faktor penolakkan remaja terhadap penggunaan bahan. Namun sama ada pemikiran ini disusuli dnegan tindakan yang sewajarnya adalah tanda tanya.

Terdapat juga kumpulan responden merokok yang tidak ingin berhenti merokok. Faktor utama adalah kerana tekanan atau stress kehidupan. Bagi responden kategori ini, merokok menjadi salah satu teknik pengurusan masalah. Jika rokok dihentikan, responden-responden ini tidak tahu atau kehilangan arah dalam menguruskan tekanan hidup mereka. Selain itu, desakan rakan yang berterusan juga menyebabkan respoden tidak ingin berhenti merokok. Adalah penting bagi responden memuaskan hati rakan-rakan yang sering mendesaknya merokok supaya diterima

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kumpulan rakan tersebut. Hal ini kerana rakan tersebut adalah sokongan sosial dan juga identiti responden tersebut.

5.4 Perbincangan Tentang Tingkah Laku Pengambilan Dadah

Bagi subtajuk dadah, terdapat hanya satu bahagian. Hal ini kerana tiada responden yang mengaku terlibat dengan dadah. Bahagian tersebut adalah faktor responden tidak ingin terlibat dengan dadah. Dapatan daripada soal selidik diikuti dapatan temu bual akan dibincangkan.

5.4.1 Faktor Responden Tidak Terlibat Dengan Dadah

Berdasarkan dapatan soal selidik, tidak ada responden yang mengaku terlibat dengan dadah. Faktor responden tidak ingin terlibat dengan dadah turut dikaji. Terdapat tiga faktor utama yang dipilih iaitu mengambil dadah tidak baik untuk kesihatan (100%), takut mendapat penyakit (25%) dan larangan keluarga (25%).

Faktor utama yang dipilih oleh kesemua responden adalah mengambil dadah tidak baik untuk kesihatan. Keburukan dadah sering diwar-warkan dalam televisyen, radio, surat khabar, pameran dan sebagainya. Hal ini menyebabkan responden lebih tahu tentang penyakit-penyakit mungkin dijangkiti atau bakal dihidapai jika megambil dadah. Ketakutan yang paling tinggi adalah terhadap penyakit HIV/AIDS. Hal ini mungkin disebabkan bahawa tidak ada lagi ubat bagi mengubati HIV/AIDS.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pandangan masyarakat terhadap individu yang menghidap penyakit di mana individu tersebut akan dipinggirkan turut menjadi faktor. Responden-responden kajian merasakan bahawa masa depan mereka akan hancur jika mendapat sebarang penyakit seperti yang dinyatakan. Hal ini menyokong dapatan Patrick et al. (2010) yang menyatakan bahawa faktor fizikal dan tingkah laku seperti tidak mahu mendapat penyakit dan mahu menjaga penampilan merupakan faktor penolakan remaja terhadap penggunaan bahan.

Dadah menyebabkan ketagihan. Ketagihan ini pula menyebabkan individu tersebut tidak dapat menjalani kehidupan biasa dan sebaliknya hanya bergantung kepada dadah. Lama-kelamaan ianya menjadi sangat teruk sehingga individu tersebut sanggup melakukan apa sahaja demi mendapatkan bekalan dadah termasuk meragut, mencuri, merompak dan membunuh. Hal ini akan merosakkan kehidupan yang diimpikan. Individu yang hidup begini juga akan dipandang serong oleh masyarakat. Selain itu, ianya menjadi satu penghinaan besar kepada keluarga individu tersebut. Dapatan ini selari dengan dapatan Patrick et al. (2010) yang menyatakan bahawa faktor aktiviti dan perancangan masa depan seperti perancangan masa depan dan ingin menjadi seorang individu yang berjaya merupakan faktor penolakan remaja terhadap penggunaan bahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Perbincangan Tentang Tingkah Laku Pengambilan Alkohol

Dalam subtajuk ini, terdapat enam bahagian. Lapan bahagian tersebut adalah iaitu penglibatan responden dengan tingkah laku pengambilan alkohol, faktor tingkah laku pengambilan alkohol, faktor tidak ingin terlibat dengan tingkah laku pengambilan alkohol, umur responden ketika mula terlibat dengan tingkah laku pengambilan alkohol, sumber kewangan dan hajat serta tujuan ingin berhenti terlibat dengan tingkah laku pengambilan alkohol. Bagi setiap bahagian, dapatan daripada soal selidik diikuti dapatan temu bual akan dibincangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.1 Penglibatan Responden Dengan Alkohol

Seramai 260 orang responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini dan daripada jumlah tersebut, 110 orang responden mengaku mengambil alkohol. Responden lelaki lebih ramai yang mengambil alkohol berbanding responden perempuan. Hal ini berkemungkinan daripada tanggapan bahawa adalah normal bagi lelaki mengambil alkohol berbanding perempuan seperti juga merokok. Pengambilan alkohol dikaitkan dengan sifat maskulin. Pengambilan alkohol juga dikaitkan dengan sifat merokok di mana individu yang merokok cenderung untuk mengambil alkohol juga. Walau bagaimanapun, bagi pengambilan alkohol, bilangan responden lelaki Melayu adalah rendah walaupun bagi kes merokok mempunyai catatan tertinggi. Hal ini mungkin kerana larangan agama Islam terhadap pengambilan alkohol.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika melihat perbandingan antara rokok dan alkohol bagi responden perempuan, lebih ramai responden perempuan yang mengambil alkohol (n=38) berbanding yang merokok (n=8). Hal ini mungkin kerana responden perempuan ini mengambil alkohol ketika ritual atau sebagai tradisi keluarga di mana mereka dibenarkan mengambil alkohol. Hal ini dilihat melalui dapatan yang menunjukkan responden perempuan Cina yang menjadi pengambil alkohol yang tertinggi. Pengambilan alkohol juga seperti sudah menjadi satu gaya hidup yang menunjukkan kehidupan yang sosial dan bebas. Responden perempuan berketurunan Melayu pula tiada yang mengambil alkohol kerana alkohol adalah haram disisi agama Islam.

Secara keseluruhan, bagi pengambilan alkohol, bilangan responden bukan Melayu, lelaki menunjukkan penglibatan paling tinggi. Jika dilihat secara keturunan, responden berketurunan Cina mencatatkan bilangan tertinggi. Hal ini diandaikan berikutan tradisi masyarakat Cina yang menghidangkan arak sebagai sebahagian daripada ritual dan membenarkan anak-anak turut mencuba alkohol.

5.5.2 Faktor Penglibatan Responden Dengan Alkohol

Faktor penglibatan responden dengan alkohol yang mendapat catatan tertinggi adalah kerana ritual atau tradisi iaitu 50%. Hal ini selaras dengan dapatan yang menunjukkan bahawa responden berketurunan Cina adalah yang paling ramai mengambil alkohol. Hal ini diandaikan berikutan tradisi masyarakat Cina yang menghidangkan arak sebagai sebahagian daripada ritual dan membenarkan anak-anak turut mencuba alkohol.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengambilan minuman keras dalam kalangan remaja dipengaruhi oleh faktor sikap dan persekitaran sosial. Sikap meliputi sikap ritual, kemeriahan (*convivial*) dan utilitarian. Faktor persekitaran sosial pula adalah hasutan (*incitement*) yang meliputi kebenaran minum tidak kira usia sewaktu pesta dan ritual budaya, dorongan rakan sebaya, daya beli remaja dan identiti kelelakian; faktor ketersediaan (*availability*) pula meliputi keadaan mudah mendapat minuman keras di pesta, kedai runcit, di rumah-rumah pengusaha dan restoran; dan faktor contoh (*example*) iaitu contoh yang mudah diikuti daripada amalan rakan sebaya, ahli masyarakat dan iklan (Ardiah, Zaidah & Rokiah, 2009). Keluarga mereka tidak melarang anak-anak mencuba alkohol. Namun begitu, ada kemungkinan keluarga mereka melarang pengambilan alkohol yang berlebihan atau ketika bukan waktu perayaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut adalah dapatan temu bual responden yang menunjukkan mereka mengambil alkohol kerana ianya merupakan tradisi atau norma keluarga ketika perayaan atau meraikan sesuatu:

R2(L): "Selalu masa ada function, celebrate apa-apa, adalah minum-minum. Parents ok.

Asal tak banyak."

R4(P): "Masa Christmas. Chinese New Year. Boleh minum."

R2(L): "Selalu masa ada function, celebrate apa-apa, adalah minum-minum. Parents ok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Asal tak banyak." (Limitasi pengambilan alkohol)

Perasaan ingin tahu juga menjadi faktor responden ingin mencuba atau mengambil alkohol. Kajian-kajian lepas banyak membuktikan bahawa perasaan ingin tahu adalah antara faktor paling kerap remaja terlibat dengan salah laku. Hal ini mungkin berikutan persepsi yang diberikan terhadap pengambilan alkohol bahawa ianya adalah sesuatu yang maskulin dan memerlukan keberanian serta sesuatu yang menyeronokkan.

R1(L): "Ikut kawan. Dia orang asyik ajak. Kalau jumpa nak lepak malam, mesti ada beli sikit"

Faktor yang ketiga tertinggi adalah mengikut ahli keluarga minum akohol. Dapatan ini selaras dengan ritual atau tradisi yang menjadi faktor utama responden mengambil alkohol. Remaja menganggap perkara yang dilakukan dalam keluarga adalah normal dan secara langsung mereka turut mempunyai kebenaran untuk melakukannya. Sering kali, keluarga yang mempunyai ahli yang mengambil alkohol, tidak melarang remaja mengambil alkohol. Remaja juga menganggap ahli keluarga sebagai model tingkah laku dan memerhatikan tingkah laku ahli keluarga dalam proses membina identiti kendiri.Sikap ritual, faktor persekitaran sosial, kebenaran minum tidak kira usia sewaktu pesta dan ritual budaya, dan contoh yang mudah diikuti daripada amalan ahli masyarakat mendorong remaja mengambil alkohol (Ardiah, Zaidah & Rokiah, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut adalah dapatan temu bual responden yang menyatakan mereka mengambil alkohol kerana mengikut perlakuan ahli keluarga:

R4(P): "Masa Christmas. Chinese New Year. Boleh minum."

"*Family members* pun minum juga"

R6(P): "Keluarga saya semua minum. Lelaki perempuan semua. Masa function macam

New Year, Christmas"

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa remaja mengambil alkohol kerana ritual atau tradisi, perasaan ingin tahu dan mengikut ahli keluarga yang minum alkohol. Hal ini mungkin kerana keluarga membenarkan remaja turut bersama mengambil alkohol dan menjadi sebahagian daripada sambutan yang dijalankan, dikukuhkan lagi dengan perasaan ingin tahu sedia ada dalam diri remaja tentang perkara-perkara yang berlaku dalam keluarga dan sekeliling mereka serta terikut-ikut dengan ahli keluarga yang memang sudah terlibat dengan alkohol.

5.5.3 Faktor Responden Tidak Terlibat Dengan Alkohol

Faktor responden terlibat dengan alkohol telah dibincangkan dalam subtopik yang lepas. Subtopik ini pula akan membincangkan faktor-faktorresponden tidak terlibat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan alkohol. Faktor-faktor yang dinyatakan adalah mengambil alkohol tidak baik untuk kesihatan, takut mendapat penyakit, larangan keluarga dan larangan agama.

Sejumlah 51.3% responden berpendapat bahawa pengambilan alkohol adalah tidak baik untuk kesihatan dan 41.3% pula kerana ketakutan mendapat penyakit. Hal ini menunjukkan bahawa mereka menganggap kesihatan yang baik adalah sesuatu yang amat penting dalam kehidupan. Mereka mengaitkan pengambilan alkohol dengan penyakit-penyakit yang memudaratkan kesihatan. Mereka mungkin telah mempelajari tentang bahawa pengambilan alkohol yang bukan untuk tujuan perbuatan atau secara berlebihan sama ada di dalam kelas, melalui media massa seperti televisyen, radio, majalah dan risalah atau telah dinasihati oleh orang yang mempunyai pengetahuan tentang bahaya alkohol. Pengambilan alkohol boleh membuatkan individu ketagih disamping membawa penyakit-penyakit seperti kegagalan ginjal, kegagalan hati, pergantungan fizikal dan sebagainya. Dapatan ini menyokong dapatan Patrick et al. (2010) yang menyatakan bahawa faktor fizikal dan tingkah laku seperti tidak mahu mendapat penyakit dan mahu menjaga penampilan merupakan faktor penolakkan remaja terhadap penggunaan bahan.

Berikut adalah dapatan temu bual responden yang menunjukkan mereka tidak ingin mengambil alkohol kerana ianya tidak baik untuk kesihatan:

R7(L): “Alkohol ni tak baik untuk kesihatan...”

R8(L): “Memang kawan pernah ajak tapi saya tak nak. Tak elok. Bukan sebab penyakit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

saja. Nanti pelajaran terganggu"

R11(P): "Arak ni tak baik untuk kesihatan."

R12(P): "Arak tak baik untuk kesihatan."

Terdapat juga responden yang tidak ingin mengambil alkohol kerana larangan keluarga. Menurut responden kajian, keluarga melarang pengambilan alkohol bagi pelbagai sebab antaranya penyakit, tidak baik untuk kesihatan, bukan perlakuan yang baik dan mengganggu kehidupan serta masa depan. Responden-responden kajian yang tergolong dalam kumpulan ini kemungkinan besar mempunyai hubungan yang baik dengan keluarga dan komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak adalah terurus dan selaras. Mungkin juga responden-responden menurut larangan keluarga kerana takut akan dikenakan hukuman atau denda oleh ibu bapa. Terdapat juga satu lagi kemungkinan yang menjelaskan keakuran responden dengan larangan keluarga iaitu mereka sedar akan bahaya alkohol.Patrick et al. (2010) turut menyatakan bahawa faktor larangan sosial seperti pandangan negatif terhadap mereka yang terlibat dengan dadah, alkohol, peraturan keluarga dan komuniti merupakan faktor penolakkan remaja terhadap penggunaan bahan.

Berikut adalah dapatan temu bual yang menunjukkan responden dilarang oleh keluarga daripada mengambil alkohol:

R7(L): "Mak ayah pun memang selalu cakap. Arak ni haram."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R9(L): "Tak boleh. Sebab parents tak bagi. Memang tak boleh. Kalau orang tua-tua minum pun, ke cousin semua minum, tak boleh join. Mak strict"

R11(P): "Arak ni tak baik untuk kesihatan. Lagi pun, keluarga saya memang tak ada yang minum alkohol. Bapa pun tak. Even masa celebration"

Larangan agama turut menjadi faktor responden-responden tidak terlibat dengan alkohol. Secara umumnya, agama-agama utama di Malaysia seperti Islam, Buddha, Hindu melarang pengambilan alkohol oleh penganutnya. Larangan dalam agama Islam amat jelas kerana sering diwar-warkan dalam media massa dan media sosial serta terdapat juga papan-papan iklan yang besar mempamerkan pernyataan seperti "Arak itu haram". Diandaikan bahawa responden serta keluarga yang berpegang kepada agama serta ajarannya dalam menjalani kehidupan harian tidak akan melakukan sesuatu yang dilarang agama serperti mengambil alkohol. Dapatan ini seiring dengan dapatan Patrick et al. (2010) yang menyatakan bahawa faktor etika seperti tahu betul dan salah serta pengetahuan agama merupakan faktor penolakkan remaja terhadap penggunaan bahan.

Berikut adalah dapatan temu bual responden yang menunjukkan mereka sedar arak itu haram dan dilarang oleh agama:

R7(L): "Alkohol ni tak baik untuk kesihatan..."

"Mak ayah pun memang selalu cakap. Arak ni haram."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R8(L): "Memang kawan pernah ajak tapi saya tak nak. Tak elok. Bukan sebab penyakit

saja. Nanti pelajaran terganggu"

"Memang kalau dari segi agama pun tak boleh. Haram."

R10(P): "mana boleh. Arak tu haram."

Secara keseluruhannya, boleh disimpulkan bahawa faktor-faktor yang dipilih oleh responden bagi tidak mengambil alkohol menunjukkan mereka, sebagai remaja, menganggap kesihatan adalah sesuatu yang penting, larangan keluarga adalah sesuatu yang tidak boleh diingkari dan larangan agama wajib dipatuhi. Oleh itu, mereka mendisiplinkan diri dan tidak memberikan ruang kepada mana-mana pihak seperti rakan untuk mendesak mereka mengambil alkohol.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.4 Umur Responden Mula Mengambil Alkohol

Subtopik-subtopik yang lepas telah membincangkan profil responden yang terlibat dengan alkohol, faktor mereka terlibat dan faktor mereka tidak ingin terlibat. Subtopik ini akan membincangkan umur responden ketika kali pertama mereka mengambil alkohol. Hal ini adalah bagi lebih memahami pendedahan yang dialami oleh mereka.

Majoriti responden iaitu 79.1% mula mengambil alkohol atau mencuba buat pertama kali ketika dalam lingkungan umur 12-16 tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.5 Sumber Kewangan Bagi Membeli Alkohol

Sumber kewangan yang digunakan oleh responden bagi membeli alkohol adalah agak berbeza dengan dapatan bagi sumber kewangan bagi membeli rokok.. Bagi alkohol, 83.6% responden melaporkan bahawa ianya dibeli oleh keluarga. Dapatan ini pula selaras dengan faktor responden mengambil alkohol iaitu ritual/tradisi keluarga dan mengikut keluarga. Hal ini kerana, keluarga telah menyediakan alkohol bagi tujuan sambutan. Responden tidak perlu mencari sumber kewangan khas bagi membeli alkohol. Dapatn berikut menunjukkan pernyataan responden yang menyokong penjelasan ini:

R2(L): "Minum yang keluarga beli. Saya tak beli lah."

R3(L): "Keluarga beli. Kawan beli pun ada. Kita orang kongsi-kongsi beli. Duit belanja."

R4(P): "Keluarga yang bagi. Minum masa function."

R6(P): "Keluarga beli."

Terdapat juga responden yang dibelanja oleh rakan dan menggunakan duit perbelanjaan sekolah. Jika duit tidak mencukupi, mereka meminta duit tambahan daripada ibu bapa bagi membeli alkohol dan ada juga responden yang menggunakan wang hasil kerja sambilan bagi membeli alkohol. Bagi responden atau remaja yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membeli alkohol menggunakan duit sendiri, ini mungkin menjadi beban kerana harga alkohol adalah lebih mahal berbanding rokok. Hal ini juga mungkin menyebabkan ibu bapa atau keluarga berpendapat bahawa anak remaja mereka boros kerana sering meminta duit tambahan. Satu isu yang dapat dilihat di sini adalah bahawa penjual tidak mengambil kira usia pembeli alkohol. Peniaga hanya mementingkan perniagaan dan terus menjual selagi ianya tidak mengganggu perniagaannya.

Secara kesimpulannya, majoriti remaja tidak perlu mengeluarkan duit poket sendiri bagi membeli alkohol kerana ianya telah disediakan oleh keluarga. Penjelasan tersebut sesuai bagi remaja yang mengambil alkohol kerana ritual atau tradisi serta mengikut ahli keluarga yang mengambil alkohol. Bagi remaja yang tidak mempunyai kaitan dengan keluarga dalam pengambilan alkohol, mereka terpaksa mencari sumber kewangan sendiri bagi menampung kos tingkah laku ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.6 Faktor Ingin Berhenti Mengambil Alkohol

Subtopik ini membincangkan pemilihan yang dibuat oleh kedua-dua kumpulan iaitu responden yang mengambil alkohol sama ada mereka ingin berhenti atau tidak ingin berhenti mengambil alkohol; dan responden yang tidak mengambil alkohol sama ada mereka ingin mencuba mengambil alkohol atau tidak. Kumpulan responden diberikan pilihan dan diminta memberikan justifikasi bagi pemilihan mereka.

Bagi kumpulan responden yang sememangnya sudah terlibat dengan alkohol, 48.1% menyatakan hajat bahawa mereka ingin berhenti mengambil alkohol. Tujuan yang dipilih oleh kesemua responden adalah pengambilan alkohol tidak baik untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesihatan dan ketakutan mendapat penyakit. Pemilihan ini kemungkinan besar dibuat kerana mereka telah didedahkan kepada bahaya alkohol serta penyakit-penyakit yang boleh didapati kerana pengambilan alkohol. Larangan keluarga dan nasihat rakan/teman lelaki/ teman wanita turut merupakan faktor responden ingin berhenti mengambil alkohol. Hal ini menunjukkan responden ingin diri diterima oleh individu yang signifikan seperti keluarga, rakan, teman wanita dan teman lelaki. Mereka ingin menjadi individu yang diingini dan disayangi oleh individu yang signifikan dengan mereka.

51.9 % responden daripada kumpulan responden yang sememangnya sudah terlibat dengan alkohol pula tidak ingin berhenti mengambil alkohol. faktor yang paling kerap dipilih adalah ritual/tradisi iaitu seramai 49 orang (85.9%). Apabila terdapat sebarang sambutan atau ketika perayaan, alkohol menjadi sebahagian daripada menu dan sukar dielak. Hal ini menyebabkan responden tidak dapat menahan diri daripada alkohol kerana ianya telah tersedia. Pernyataan tersebut ditambah dengan pernyataan bahawa pengambilan alkohol juga dikatakan menyeronokkan dan tiada larangan keluarga. Faktor tekanan/stress kehidupan dan desakan rakan turut dinyatakan oleh responden. Responden menganggap pengambilan alkohol sebagai salah satu cara menangani tekanan dan stress kehidupan. Pengambilan alkohol juga menjadi salah satu aktiviti sosial dalam kumpulan rakan. Jadi, ini menyukarkan mereka berhenti mengambil alkohol. Isu ketagihan alkohol tidak disebut oleh mana-mana responden, namun ianya masih menjadi tanda soal.

Bagi kumpulan responden yang tidak terlibat dengan alkohol pula, kesemua responden mengatakan bahawa mereka tidak ingin mencuba alkohol kerana alkohol

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak baik untuk kesihatan, boleh membawa penyakit, larangan keluarga, larangan agama dan nasihat rakan,teman lelaki dan teman wanita. Terdapat juga responden yang menyatakan bahawa mereka lebih memikirkan masa depan dan perkara-perkara seperti alkohol merosakkan perancangan masa depan mereka.

Secara keseluruhannya, bagi kumpulan responden yang mengambil alkohol, bilangan responden yang ingin berhenti adalah lebih kurang sama dengan bilangan responden yang tidak ingin berhenti mengambil alkohol. Pemilihan tersebut mempunyai justifikasi secara individu. Bagi kumpulan responden yang tidak mengambil alkohol, kesemua responden tidak mempunyai niat untuk mencuba alkohol.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6 Perbincangan Tentang Tingkah Laku Seksual

Dalam subtajuk ini, terdapat lima bahagian. Lapan bahagian tersebut adalah iaitu penglibatan responden dengan tingkah laku seksual, faktor terlibat dengan tingkah laku seksual, faktor tidak ingin terlibat dengan tingkah laku seksual, umur responden ketika mula terlibat dengan tingkah laku dan jenis-jenis seksual tingkah laku seksual. Bagi setiap bahagian, dapatan daripada soal selidik diikuti dapatan temu bual akan dibincangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6.1 Penglibatan Responden Dengan Tingkah Laku Seksual

Dapatan kajian ini menunjukkan 43.0% responden terlibat dengan tingkah laku seksual manakala 57.0% responden mengaku tidak terlibat dengan tingkah laku seksual. Peratusan mengikut jantina adalah hampir sama dan ini menjelaskan bahawa penglibatan remaja dengan tingkah laku seksual tidak boleh digeneralisasi kepada jantina secara spesifik. Hal ini mungkin sebagai petunjuk bahawa pada lingkungan umur remaja ini, tanpa mengira jantina, mana-mana individu boleh terlibat dengan tingkah laku seksual.

Secara kesimpulan, penglibatan responden atau remaja dengan tingkah laku seksual tidak boleh diberikan profil khas berdasarkan jantina. Isu ini lebih berkaitan dengan perkembangan seksualiti remaja serta pemahaman remaja tentang pendedahan seksualiti yang dialami mereka. Seterusnya, faktor-faktor penglibatan mereka, yang akan dibincangkan dalam subtopik berikutnya akan memberikan gambaran yang lebih jelas.

5.6.2 Faktor Penglibatan Responden Dengan Tingkah laku Seksual

Faktor penglibatan responden kajian dengan tingkah laku seksual boleh dibahagikan kepada empat faktor utama iaitu perasaan ingin tahu, desakan teman lelaki atau teman wanita, tekanan atau stress kehidupan dan mendapatkan duit. Perasaan ingin tahu merupakan faktor yang paling kerap dipilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Teori Elkind (Coleman & Hendry, 1999), perkara ini berlaku kerana lingkungan umur di mana remaja sedang cuba memahami konsep kendiri dan menetapkan identiti diri. Remaja pada tahap umur ini sedang giat meneroka diri sendiri dan persekitaran. Jika penerokaan dan pemahaman berlaku dengan cara yang wewajarnya, pengetahuan hasil penerokaan akan membawa kepada identiti kendiri yang mantap, manakala penggunaan pengetahuan atau kekurangan kesedaran tentang cara bagaimana menguruskan pengetahuan yang ada akan menjadi faktor remaja melakukan perkara yang tidak patut seperti terlibat dengan salah laku. Hal ini kerana bagi pandangan mereka, terlibat dengan salah laku adalah salah satu cara mencari pengalaman sebenar dan mengalami sesuatu secara peribadi. Namun, mereka gagal mempertimbangkan masalah-masalah yang mungkin wujud seperti jangkitan penyakit dan kehamilan. Keistimewaan dan tidak boleh disakiti (*specialness and invulnerability*): remaja menganggap diri mereka istimewa dan unik serta sesuatu perkara buruk yang menimpa orang lain tidak akan terjadi kepada mereka. Seorang remaja yang suka memandu kereta secara laju beranggapan bahawa dirinya dan kereta yang dipandu tidak akan kemalangan walaupun kemalangan sering menimpa mereka yang memandu secara laju. Fenomena ini turut dikenali sebagai dongeng peribadi.

Faktor seperti desakan teman lelaki atau teman wanita, tekanan atau stress kehidupan adalah lebih kepada kaedah pengurusan perhubungan dan pengurusan masalah remaja tersebut. Desakan orang yang signifikan dengan remaja merupakan sesuatu yang tidak boleh diabaikan dan sering kali desakan sebegini turut menjadi ugutan emosi. Ugutan emosi yang dimaksudkan adalah dengan cara mengatakan bahawa persetujuan bagi melakukan hubungan seksual menunjukkan cinta sebenar. Tingkah laku seksual juga dilihat sebagai salah satu cara menguruskan tekanan hidup

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh remaja. Hal ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran remaja serta kemahiran menguruskan masalah atau kemahiran membuat keputusan mereka adalah rendah. Remaja tidak sedar yang kepuasan seksual memberikan satu penyelesaian sementara tetapi tidak menyelesaikan sebarang masalah dan jika tersalah langkah, boleh membawa masalah yang lebih memudaratkan. Masalah yang dimaksudkan adalah seperti mengandung luar nikah, penyakit berjangkit, perakaman video secara rahsia dan dimuat naik ke laman sosial dan sebagainya. Hal ini turut memberikan satu indikasi masalah yang dialami oleh remaja iaitu kurang pengetahuan. Hal ini menyokong dapatan Patrick et al. (2010) yang menyatakan bahawa faktor melepaskan diri daripada situasi negatif seperti mengatasi perasaan rendah diri, bosan, tertekan, menjadikan diri lebih tenang, yakin dan mendapat perhatian; sertafaktor hubungan sosial seperti menjadi lebih peramah, dianggap 'macho', mendapat lebih ramai kawan, dan menjadi sebahagian daripada kumpulan rakan sebaya merupakan faktor penerimaan remaja terhadap tingkah laku seksual.

Terdapat responden perempuan yang menyatakan bahawa mereka terlibat dengan tingkah laku seksual bagi mendapatkan duit. Hal ini secara langsung dikenali sebagai pelacuran. Terdapat juga remaja yang melakukan hubungan seksual sebagai sumber kewangan. Apabila mereka mendapat keseronokan daripada aktiviti seksual yang dilakukan, ada di antara remaja mula mengalami ketagihanan seks yang serius (Nasrudin et al., 2012; Salamatussaadah, 2010; Bonnie et al., 2005). Responden atau remaja perempuan yang berkelakuan begini mungkin sedar akan kelebihan perkembangan seksualiti diri mereka dan menggunakannya demi kepentingan kewangan. Pelacuran adalah salah di sisi undang-undang. Lebih-lebih lagi bagi individu yang berumur 18 tahun ke bawah, yang dianggap kanak-kanak oleh undang-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

undang, ibu bapa atau penjaga juga boleh turut disabitkan kerana pengabaian. Remaja yang sebegini dianggap tidak terkawal. Jika mereka telah ketagih seks, terapi atau kaedah rawatan yang sesuai diperlukan (Akta Kanak-kanak, 2001)

Secara kesimpulannya, terdapat empat faktor utama responden kajian ini terlibat dengan tingkah laku seksual. Kesemua faktor-faktor tersebut menunjukkan bahawa remaja yang terlibat dengan tingkah laku seksual mempunyai kemahiran menguruskan masalah dan kemahiran membuat keputusan yang rendah. Mereka juga tidak dapat menyalurkan pengetahuan serta pendedahan yang dialami secara positif dan wajar.

5.6.3 Faktor Responden Tidak Terlibat Dengan Tingkah laku seksual

Subtopik yang lepas membincangkan faktor responden terlibat dengan tingkah laku seksual. Subtopik ini pula akan membincangkan kumpulan responden yang tidak terlibat dengan tingkah laku seksual. Faktor-faktor utama yang menjadi justifikasi responden untuk tidak terlibat dengan tingkah laku seksual adalah perlakuan ini tidak baik di mata masyarakat, takut mendapat penyakit, larangan keluarga, larangan agama dan nasihat rakan, teman lelaki atau teman wanita.

Faktor yang utama adalah tingkah laku seksual tidak baik di mata masyarakat. Pernyataan ini bermaksud responden berpendapat bahawa pandangan dan penerimaan masyarakat terhadap diri mereka adalah penting. Jika sesuatu perkara merupakan perkara yang tidak diterima oleh masyarakat di sekeliling, maka responden tidak ingin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terlibat dengan perkara sebegitu (Bandura, 1977). Menurut norma masyarakat Malaysia, bagi dua orang individu terlibat dalam hubungan seksual, mereka perlulah berkahwin dahulu. Hubungan tersebut menjadi rasmi dan mereka dibenarkan tidur bersama dan melakukan hubungan seksual. Responden atau remaja tersebut mementingkan pengiktirafan orang di sekeliling serta pandangan orang terhadap dirinya dan ini menunjukkan kefungsian peringkat operasi formal menurut Teori Perkembangan Piaget (Wadsworth, 2004 dan McLeod, 2015).Dapatan kajian Patrick et al. (2010) turut menyatakan perkara yang sama iaitu faktor larangan sosial seperti pandangan negatif terhadap mereka yang terlibat dengan aktiviti seksual, peraturan keluarga dan komuniti merupakan faktor penolakkan remaja terhadap tingkah laku seksual.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut adalah dapatan temu bual:

R7(L): “tak boleh. Tak halal hubungan ni. Haram.”

“lagi silap hari, boleh dapat penyakit pun”

R8(L): “mana boleh. Memang masyarakat cakap tak boleh. Tunggu kahwin dulu.”

Faktor yang kedua adalah ketakutan mendapat penyakit. Tingkah laku seksual sememangnya dikaitkan dengan pelbagai penyakit seperti HIV/AIDS, penyakit yang berjangkit melalui aktiviti seksual dan kehamilan yang tidak dirancang. Responden-responden ini telah mendapat pendedahan tentang penyakit-penyakit atau komplikasi kesihatan yang boleh dialami dengan melibatkan diri dengan tingkah laku seksual secara bebas. Hal ini turut menunjukkan bahawa kumpulan responden ini meletakkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

nilai yang tinggi bagi kesihatan dan kesejahteraan hidup mereka. Hal ini selaras dengan dapatan Patrick et al. (2010) yang menyatakan bahawa faktor fizikal dan tingkah laku seperti tidak mahu mendapat penyakit dan mahu menjaga penampilan merupakan faktor penolakkan remaja terhadap tingkah laku seksual.

Faktor-faktor lain yang dinyatakan seperti larangan keluarga, larangan agama dan nasihat rakan, teman lelaki atau teman wanita juga telah membuatkan responden memilih untuk tidak terlibat dengan tingkah laku seksual. Hal ini menunjukkan bahawa kumpulan responden ini menurut peraturan yang ditetapkan oleh keluarga serta agama. Hal ini menyokong dapatan Patrick et al. (2010) yang menyatakan bahawa faktor larangan sosial dan faktor etika merupakan faktor penolakkan remaja terhadap tingkah laku seksual. Mereka juga mempunyai rakan, teman lelaki atau teman wanita yang sedar tentang isu tingkah laku seksual bebas dan mampu menasihati responden tentang perlakuan yang baik. Keluarga juga dilihat mampu berkomunikasi dengan anak-anak remaja tentang isu seks dan menetapkan peraturan yang sesuai serta mendidik ke arah tingkah laku yang elok. Di sebalik itu, ketidakterlibatan berdasarkan faktor ini turut menunjukkan bahawa responden mempunyai celik akal bagi menerima nasihat yang baik dan tidak memberontak bagi merasakan kebebasan yang keterlaluan.

Berdasarkan faktor-faktor yang diberikan, boleh disimpulkan secara keseluruhan bahawa kumpulan responden remaja yang memilih untuk tidak terlibat dengan tingkah laku seksual mempunyai keinginan bagi diterima oleh masyarakat sekeliling, sedar akan bahaya penyakit yang boleh menimpa mereka, mempunyai peraturan hidup yang baik dan mematuhinya serta mempunyai sumber nasihat yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

baik. Mereka juga mempunnyai kesedaran tentang isu ini dan mampu membuat keputusan yang baik tentang apa yang perlu dilakukan dan apa yang perlu dielakkan.

5.6.4 Umur Responden Mula Terlibat Dengan Tingkah laku seksual

Majoriti daripada jumlah keseluruhan 112 responden yang terlibat dengan tingkah laku seksual iaitu seramai 81.2% mula terlibat dengan tingkah laku seksual dalam lingkungan umur 12 – 16 tahun. Hal ini selaras dengan umur perkembangan seksual secara fizikal dan biologi manusia. Kanak-kanak dianggarkan mencapai akil baligh sekitar umur 10 tahun hingga 15 tahun. Pada peringkat ini, badan mereka menjadi matang dari segi seksual bagi tujuan reproduktif.Mereka mula mengalami perubahan secara fizikal yang menjadi tanda tanya. Hal ini seterusnya membuatkan mereka mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi tentang apa sedang dialami mereka. Ketiadaan intervensi yang betul dan tepat dan sumber rujukan bagi memberikan maklumat di tahap ini membuatkan kanak-kanak mencari maklumat sendiri. Apabila mereka mula mencari maklumat sendiri, pemahaman dan maklumat yang samapi kepada mereka tidak dapat dikawal.

Seramai 18.8% responden pula mula terlibat dengan tingkah laku seksual dalam lingkungan umur 7 - 11 tahun. Hal ini mungkin berlaku dengan pendedahan awal kanak-kanak kepada bahan-bahan berbentuk seksual seperti video lucah, bahan bacaan lucah, pergaulan dengan individu yang mempunyai sumber-sumber berbentuk seksual dan sebagainya. Kanak-kanak tidak tahu membezakan yang mana baik dan buruk kerana kemahiran-kemahiran seperti kemahiran membuat keputusan belum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cukup terbentuk. Mungkin juga ada dalam kalangan responden ini yang sebenarnya menjadi mangsa penderaan seksual pada awalnya.

Tiada responden yang melaporkan bahawa mereka mula terlibat dengan tingkah laku seksual pada umur kurang dari 7 tahun. Terdapat pelbagai kemungkinan di sini. terdapat kemungkinan responden tidak ingin melaporkan penglibatan awal kerana takut dengan kesan buruk yang boleh terjadi apabila maklumat diketahui orang lain, malu dengan perkara tersebut atau tidak mengingati perkara yang berlaku.

Secara keseluruhannya, umur responden mula terlibat adalah pada lingkungan 12 – 16 tahun. Lingkungan umur ini adalah tahap di mana berlaku perubahan fizikal pada badan manusia dan secara fizikalnya menjadi matang dan sistem reproduktif mula berfungsi. Oleh itu, nampak keperluan bagi intervensi oleh individu yang bertanggungjawab bagi membimbing kanak-kanak dalam memahami perubahan yang berlaku pada badan mereka. Hal ini agar kanak-kanak tidak mencari maklumat sendiri dan maklumat yang salah boleh memesongkan mereka ke arah tingkah laku seksual yang tidak dikehendaki.

5.6.5 Jenis Tingkah Laku Seksual

Penglibatan responden dengan jenis tingkah laku seksual seperti seks oral, seks anal, seks vagina, sentuhan/cium/meraba dan melancap/onani turut dikaji. Majoriti responden terlibat dengan sentuhan, cium dan meraba. 99% responden yang mengaku terlibat dengan tingkah laku seksual mengaku mereka pernah membuat sentuhan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

secara seksual, mencium dan meraba. Sentuhan dan rabaan yang dimaksudkan adalah di bahagian-bahagian badan yang dilakukan secara seksual terutamanya di bahagian paha, punggung, dada, vagina, zakar dan juga puting dada. Bagi mereka, ini dianggap normal dan mereka menggunakan terma 'ringan-ringan' untuk tingkah laku seksual ini. Tingkah laku ini sering berlaku ketika kedua-dua individu ini bertemu untuk janji temu. Tingkah laku ini juga mudah dilakukan di pelbagai tempat dan tidak memerlukan pasangan mencari tempat yang tersembunyi atau tertutup.

Kumpulan responden yang terlibat dengan seks vagina pula adalah yang kedua tertinggi. Seks jenis vagina adalah yang dianngap seks normal atau gaya tradisional tetapi merupakan yang berisiko tinggi. Seks jenis ini boleh membuat pasangan perempuan mengandung jika tidak menggunakan perlindungan seperti kondom. Seks vagina tidak mudah seperti perbuatan sentuhan, cium dan meraba. Ia memerlukan tempat yang tertutup dan selamat dari pandangan orang lain. Oleh sebab ini, pasangan yang merancang bagi melakukan hubungan seks perlulah merancang terlebih dahulu. Perancangan melibatkan tempat, masa dan kemungkinan juga melibatkan kewangan. Mereka juga perlu memastikan kegiatan mereka tidak diketahui. Hal ini menunjukkan bahawa remaja yang mampu merancang sebenarnya agak bijak dam mengetahui selok-belok keadaan sekeliling tetapi kebijaksanaan itu digunakan bagi tingkah laku yang sebegini.

Melancap dan onani pula menjadi tingkah laku seksual yang ketiga tertinggi. Perlakuan melancap dan onani tidak memerlukan pasangan. Terdapat pelbagai cara melancap dan onani boleh dilakukan seperti menggesel zakar atau vagina dengan sesuatu benda atau alat yang merangsang, memasukkan sebarang alat yang berbentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seperti zakar ke dalam vagina, merangsang zakar atau vagina menggunakan jari dan sebagainya. Perlakuan ini dilakukan secara individu dan sering kali tanpa pengetahuan orang lain. Tingkah laku seksual ini adalah antara yang paling rendah risiko jangkitan penyakit kelamin dan tiada risiko kehamilan. Kemungkinan faktor risiko yang rendah menyebabkan remaja lebih cenderung melancap atau melakukan onani. Ketiadaan pasangan bagi melakukan hubungan seksual juga mungkin salah satu sebab remaja melancap dan melakukan onani.

Tingkah laku seksual yang dianggap luar tabii seperti seks oral dan seks anal pula adalah yang paling kurang. Tingkah laku seksual jenis ini boleh dilakukan antara lelaki-perempuan, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan. Walaupun kedua-dua jenis seks ini tidak menyebabkan kehamilan, namun mempunyai risiko yang tinggi bagi jangkitan penyakit kelamin atau penyakit berjangkit. Perlakuan ini mungkin ditiru daripada video lucah atau bahan bacaan lucah. Percubaan remaja dengan aksi atau gaya baharu yang diluar tabii mungkin lebih kepada memuaskan diri dengan kadar cabaran yang tinggi. Mereka juga mungkin sangat aktif secara seksual dan mencari perkara-perkara baharu bagi memuaskan diri.

Secara keseluruhannya, dapat dilihat penglibatan responden dengan tingkah laku seksual. Dengan penglibatan sebegini, perkara yang seterusnya menjadi tanda tanya adalah sama ada mereka menggunakan sebarang perlindungan bagi mengelakkan jangkitan penyakit atau mengelakkan kehamilan. Subtopik yang berikut akan membincangkan dapatan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.7 Kesimpulan Faktor Penerimaan dan Penolakan Penggunaan Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual

Perbincangan subtopik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kesimpulan faktor penerimaan dan faktor penolakan bagi isu-isu yang dikaji. Perbincangan dikaitkan dengan dapatan kajian-kajian lepas dan teori-teori yang menjadi asas kepada kajian ini. Keimpulan ini dibuatkan agar dapat meningkatkan pemahaman tentang objektif utama kajian.

5.7.1 Kesimpulan Faktor Penerimaan Tingkah Laku Merokok, Pengambilan Alkohol dan Tingkah Laku Seksual

Dapatan kajian ini menunjukkan lima motif utama yang menjadi faktor remaja membuat keputusan bagi merokok, mengambil alkohol dan aktif secara seksual. Lima motif ini telah dikenal pasti melalui kekerapan responden kajian memilih faktor tersebut. Faktor-faktor tersebut adalah perasaan ingin tahu (74.8%), ritual atau tradisi (68.1%), tekanan (63.6%), keluarga (56.3%) dan desakan rakan, teman wanita atau teman lelaki (50.0%).

5.7.1.1 Perasaan Ingin Tahu

Perasaan ingin tahu wujud dalam diri remaja terutamanya apabila remaja sedang melalui fasa pembentukan identiti dirinya. Dua aspek teras dalam pembangunan identiti Erikson adalah personaliti dan eksperimen peranan. Remaja boleh menjadi bingung kerana terdapat terlalu banyak pilihan dan akan memasuki jurang yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disebut *psychosocial moratorium*. Dalam tempoh jurang dan sebelum remaja tersebut mencapai kestabilan kendiri, mereka akan mencuba pelbagai eksperimen terhadap diri mereka. Remaja secara progresif akan sedar bahawa mereka perlu bertanggungjawab terhadap diri dan kehidupan sendiri dan seterusnya berusaha mencari hala tuju kehidupan mereka. Perkara ini sememangnya menakutkan ibu bapa dan keluarga serta pihak yang mementingkan kesejahteraan diri remaja, namun begitu, adalah amat penting untuk remaja diberikan masa, ruang dan peluang yang mencukupi serta optimum untuk meneroka pelbagai peranan dan personaliti. Remaja akan memilih personaliti dan peranan yang baik dan menyingkirkan yang tidak baik.Identiti yang dibina akan merangkumi identiti kerjaya, identiti politik, identiti agama, identiti perhubungan, identiti intelektual, identiti seksual, identiti budaya, identiti kegemaran, identiti personaliti dan identiti fizikal (Santrock, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perasaan ingin tahu adalah satu elemen penting dalam pembentukan identiti remaja. Hal ini menunjukkan bahawa ibu bapa, keluarga atau orang dewasa yang bertanggungjawab terhadap remaja perlulah membimbing remaja ke arah pembentukan perasaan ingin tahu yang membina. Menurut Teori Elkind, remaja mempunyai pola pemikiran yang tidak matang iaitu ideal dan kritikal (*idealism and criticalness*) di mana remaja secara normal mengimpikan dunia yang ideal. Mereka percaya secara keterlaluan bahawa mereka cukup tahu tentang bagaimana mengatur dunia mereka lebih baik daripada orang dewasa. Kepercayaan ini membuatkan mereka sering melakukan kesalahan (Coleman & Hendry, 1999). Maka, remaja perlu diberikan pengetahuan tentang perasaan ingin tahu yang boleh membina dirinya dan mengoptimumkan perkembangan diri dan pembentukan identiti yang positif, di samping diberikan maklumat yang mencukupi tentang perasaan ingin tahu terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkara-perkara yang boleh membawa keburukkan dan merendahkan konsep kendiri remaja.

Bimbingan ini perlulah dilakukan dengan berhati-hati agar ianya seimbang di mana bimbingan wujud dan pada masa yang sama remaja masih mempunyai ruang bagi membuat keputusan dan mencuba secara selamat. Coleman dan Hendry, (1999) menyatakan bahawa menurut Elkind, remaja turut mempunyai pola pemikiran tidak matang yang dikenali sebagai keistimewaan dan tidak boleh disakiti (*specialness and invulnerability*). Remaja menganggap diri mereka istimewa dan unik serta sesuatu perkara buruk yang menimpa orang lain tidak akan terjadi kepada mereka. Seorang remaja yang suka memandu kereta secara laju beranggapan bahawa dirinya dan kereta yang dipandu tidak akan kemalangan walaupun kemalangan sering menimpa mereka yang memandu secara laju. Fenomena ini turut dikenali sebagai dongeng peribadi.

Apabila ibu bapa atau orang dewasa tidak memberikan kebebasan kepada remaja untuk membuat komitmen dan mengalami krisis identiti, remaja boleh hanya akan mengalami penyebaran identiti (tiada komitmen, tiada krisis identiti) dan penutupan identiti (penetapan komitmen oleh ibu bapa dan tiada krisis identiti). Hanya dengan memberikan bimbingan yang kebebasan yang seimbang, remaja mampu mengalami krisis identiti dan seterusnya mencapai identiti kendiri. Remaja perlulah yakin bahawa mereka mempunyai sokongan ibu bapa, mempunyai perasaan bahawa mereka mempunyai kemahiran , dan remaja mestilah boleh mengambil satu pendirian yang bersifat reflektif-diri terhadap masa depan. Ibu bapa yang melibatkan anak remaja dalam mebuat keputusan keluarga mampu menerapkan pencapaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

identiti. Ibu bapa yang terlalu mengawal, manipulatif, memberikan sokongan dan bimbingan yang minima serta komunikasi yang kurang baik akan menjejaskan pembentukan identiti remaja (Santrock, 2010).

5.7.1.2 Ritual atau Tradisi

Ritual atau tradisi keluarga dan masyarakat merupakan norma hidup. Ritual dan tradisi boleh ditetapkan oleh masyarakat setempat berpandukan agama atau kumpulan etnik tersebut. Dalam kajian ini, penglibatan remaja dengan alkohol dapat dikaitkan dengan ritual dan tradisi keluarga. Ritual dan tradisi tersebut adalah tingkah laku pengambilan alkohol yang dianggap biasa ketika terdapat sambutan perayaan atau keraian masyarakat setempat. Dalam kajian ini remaja Cina kebanyakannya melaporkan bahawa mereka mengambil alkohol kerana ianya merupakan ritual atau tradisi. Walaupun pengambilan alkohol adalah normal dari segi ritual atau tradisi, ianya turut menjadi masalah apabila remaja terlibat dan seterusnya menyebabkan ketagihan, penglibatan dengan aktiviti seksual dan penggunaan bahan (Page & Cougar, 2009; Ardiah, Zaidah & Rokiah, 2009).

Bagi faktor ini, peranan ibu bapa sebagai pengantara adalah amat penting.Ibu bapa boleh memainkan peranan penting sebagai pengurus peluang remaja, pemantau hubungan sosial remaja, dan sebagai pembimbing dan penstruktur sosial remaja (Smetana, 2008a; Parke & Buriel, 2008). Remaja perlu membentuk kemampuan untuk membuat keputusan yang kompeten dan ibu bapa perlulah membantu remaja dalam mencapai potensi optimum mereka. Ibu bapa menjalankan peranan penting

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagai pengurus yang efektif dengan cara mendapatkan maklumat, membina rangkaian, membantu dalam penstrukturan pilihan dan memberikan bimbingan (Gauain & Perez, 2007). Selaras dengan peranan ini, ibu bapa perlulah membuat keputusan tentang amalan-amalan yang sesuai dengan anak remaja mereka. Beberapa amalan seperti pengambilan minuman alkohol dan menghisap candu, walaupun menjadi sebahagian ritual atau tradisi masyarakat, ianya tidak sihat atau membina bagi perkembangan remaja

Ibu bapa yang memenuhi tanggungjawab penting ini akan dapat membantu remaja dalam mengelakkan masalah dan terus berusaha ke arah membuat pilihan dan keputusan (Mounts, 2007). Terdapat kajian-kajian yang membuktikan bahawa amalan pengurusan keluarga berkaitan secara positif dengan pencapaian dan tanggungjawab kendiri remaja, manakala berhubungan secara negatif dengan masalah di sekolah (Eccles, 2007). Salah satu amalan pengurusan keluarga yang penting adalah mengekalkan persekitaran keluarga yang berstruktur dan terurus. Kajian Taylor dan Lopez (2005) mendapati bahawa rutin keluarga mempunyai perkaitan positif dengan pencapaian remaja di sekolah manakala menurunkan kadar permasalahan remaja di sekolah.Peranan ibu bapa dalam pemantauan remaja yang efektif (Smetana, 2008a) juga sangat penting. Pemantauan ini termasuklah memantau pemilihan situasi sosial remaja, kawan dan juga usaha akademik mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.7.1.3 Tekanan

Perkembangan pemahaman diri remaja adalah kompleks dan melibatkan beberapa aspek diri seperti aspek abstrak dan idealisme, pembezaan, perubahan diri, sifat berlawanan dalam diri, diri sebenar lawan diri ideal, perbandingan sosial, kesedaran kendiri, perlindungan diri dan kendiri bawah sedar (Harter, 2006). Abstrak dan idealisme merujuk kepada persepsi diri remaja tentang diri mereka. Aspek ini dapat diperhati apabila remaja menerangkan tentang diri atau sifat mereka. Penerangan diri yang abstrak adalah seperti sensitif dan bertimbang rasa, manakala penerangan diri yang bersifat ideal adalah seperti sentiasa memikirkan kebaikan orang lain dan merasakan diri sangat cantik. Kebanyakan remaja mampu membezakan diri sebenar dan diri yang ideal tetapi bukan semua remaja akan menerangkan diri mereka dalam cara ideal. Apabila remaja mula membezakan konsep kendiri mereka kepada beberapa peranan yang berbeza dalam konteks perhubungan yang berbeza, mereka akan merasakan satu perasaan berlawanan dalam diri mereka sendiri. Perasaan yang kontra antara satu sama lain seperti ceria dan boring, serta tenang dan agresif. Remaja akan membentuk kemampuan kognitif bagi mengesan ketidakselarasan ini apabila mereka membina teori yang umum tentang diri mereka (Harter & Monsour, 1992).

Remaja sering digambarkan sebagai kumpulan individu yang menghadapi masalah emosi, sering berubah-ubah, suka mengamuk, dan menentang (Santrock, 2010). Gambaran ini adalah sangat stereotipikal dan tidak menggambarkan keadaan emosi sebenar remaja. Remaja sememangnya sedang melalui pelbagai perubahan secara biologikal dan fizikal yang menjadi faktor perubahan emosi yang amat ketara. Adalah penting bagi orang dewasa untuk mengenal pasti perkara ini sebagai sesuatu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang normal, memberikan ruang dan peluang bagi remaja mengharungi tempoh ini dan akhirnya menjadi seorang dewasa yang kompeten. Pada remaja yang mempunyai emosi negatif yang kuat, ini boleh menunjukkan bahawa terdapat masalah lain seperti kekurangan kemahiran-kemahiran pengurusan masalah dan membuat keputusan.

Remaja memerlukan masa dan kemahiran bagi menyedari kitaran emosi mereka dan kesedaran itu akan meningkatkan kemampuan mereka untuk menhadapi emosi mereka. Remaja akan menjadi seorang yang lebih berkemahiran dalam menguruskan emosi dan memahami kepentingan berkomunikasi tentang emosi yang dialami secara membina agar dapat meningkat kualiti perhubungan (Saarni et al., 2006). Apabila emosi tidak diuruskan secara efektif, remaja cenderung menjadi stress, dan murung. Pengurusan emosi yang lemah akan menimbulkan masalah lain seperti masalah akademik, penyalahgunaan dadah, penyalahgunaan alkohol, delinkuensi, masalah seksual dan masalah pemakanan. Kajian Gumora dan Arsenio (2002) menunjukkan kepentingan pengurusan emosi remaja dalam mencapai kejayaan akademik. Remaja yang mempunyai kemampuan kognitif yang tinggi, jika mengalami pengalaman emosi negatif secara berlebihan, akan mendapat pencapaian yang lebih rendah berbanding pelajar yang kognitinya rendah tetapi mengalami pengalaman emosi yang positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.7.1.4 Keluarga

Menurut Bandura (1977), pembelajaran sosial didefinisikan sebagai satu pembelajaran yang berlaku dengan memerhati orang lain melakukan sesuatu atau menjadikan seseorang sebagai model tingkah laku. Hal ini bermakna persekitaran dan juga orang-orang yang signifikan akan mempengaruhi tingkah laku individu. Beliau juga menyatakan seseorang individu akan memerhatikan sesuatu tingkahlaku daripada orang lain yang signifikan dengannya dan menyimpan maklumat yang diperhatikan secara kognitif dan seterusnya mempersembahkan tingkah laku tersebut. Maka, tingkah laku yang tidak sesuai mungkin dipelajari daripada persekitaran sosial seperti interaksi dengan keluarga, rakan sebaya, media massa dan konsep kendiri individu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembelajaran adalah melalui peniruan, mengajuk dan memadan. Biasanya, setiap individu terutama kanak-kanak akan menilai sesuatu perkara berasaskan kepada perkara yang pernah dilihat oleh mereka daripada orang-orang yang signifikan dan persekitaran. Teori pembelajaran sosial menekankan kepada proses peniruan sebagai bertanggung jawab kepada pembelajaran tingkah laku. Pemerhatian tingkah laku orang lain merupakan sebagai proses peniruan yang akan membentuk tingkah laku devian seseorang. Peniruan melalui pemerhatian merupakan satu proses pembelajaran tanpa penglibatan pengalaman lepas secara langsung. Hal ini secara langsungnya menunjukkan bagaimana remaja, sejak zaman kanak-kanak lagi, mampu memerhati dan mempelajari tingkah laku ahli keluarganya tanpa mengira kebaikan dan keburukannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ibu bapa dianggap sebagai pengurus remaja. Mereka berperanan sebagai pembimbing dan penstruktur perkembangan remaja. Ibu bapa juga berperanan menetapkan amalan dan tingkah laku positif dalam keluarga. Amalan dan tingkah laku positif adalah seperti persekitaran keluarga yang berstruktur dan mempunyai rutin serta berdisiplin (Taylor & Lopez, 2005). Apabila ibu bapa gagal menetapkan amalan dan tingkah laku yang positif serta gagal menjadi model tingkah laku dalam keluarga, anak-anak cenderung meniru tingkah laku tersebut dan perkara ini akan menjadi satu amalan keluarga yang tidak sihat. Remaja yang mempunyai ibu bapa atau ahli keluarga yang merokok, mengambil alkohol, tingkah laku seksual dan menggunakan dadah mempunyai kecenderungan tinggi bagi turut berbuat sama. Remaja dari keluarga yang mempunyai latar belakang sebegini juga sering terlibat dengan masalah dengan peraturan dan undang-undang (Eccles, 2007; Hashim, 2008; Smetana, 2008a; Haglund & Fehring; 2010; dan Azlina & Suzila, 2010;).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.7.1.5 Desakan Rakan, Teman Wanita atau Teman Lelaki

Dua kriteria penting persahabatan adalah keintiman dan persamaan. Keintiman mempunyai pelbagai definisi dalam persahabatan. Keintiman merupakan kesemua perkara yang membuat sesuatu perhubungan itu mendalam dan bermakna. Keintiman dalam persahabatan secara khususnya bermaksud pendedahan kendiri atau perkongsian rahsia. Remaja menggambarkan keintiman persahabatan mereka melalui kemampuan mereka berkongsi tentang masalah, memahami, mendengar apabila remaja bercakap atau meluahkan perasaan dan pemikiran(Berndt & Perry, 1990). Kriteria persamaan pula merujuk kepada persamaan dalam persahabatan dari segi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

umur, jantina, etnik dan pelbagai faktor lain. Hal ini dirujuk sebagai kecenderungan untuk membina hubungan dengan individu yang mempunyai persamaan (Prinstein & Dodge, 2008). Rakan selalunya mempunyai aspirasi, matlamat, orientasi pencapaian, pencapaian akademik dan tingkah laku yang hampir sama.

Walaupun persahabatan mempunyai pelbagai manfaat perkembangan diri, bukan semua persahabatan adalah sama. Kualiti persahabatan juga merupakan elemen penting yang perlu dititikberatkan (Brown & Larson, 2009; Vitaro, Boivan & Bukowski, 2009). Individu berbeza dalam teman yang didampingi. Manfaat dari segi perkembangan diri boleh didapati apabila remaja mempunyai rakan-rakan yang berkemahiran secara sosial, memberikan sokongan dan mempunyai orientasi terhadap pencapaian akademik (Crosnoe et al., 2008). Manakala, keburukan dari segi perkembangan diri boleh berlaku apabila remaja mempunyai rakan yang menghasut, sering berkonflik dan kualiti persahabatan yang rendah (Synder et al., 2008). Kajian Sieving et al. (2006) mendapati remaja yang mempunyai rakan yang aktif secara seksual mempunyai kecenderungan untuk turut memulakan perhubungan seksual berbanding remaja yang mana rakannya tidak berpengalaman secara seksual. Di samping itu, rakan yang aktif di sekolah, sukan dan agama mempunyai pengaruh yang positif terhadap remaja.

Menurut Gottman dan Parker (1987), remaja sering kali terdesak untuk menuruti kehendak rakan sebaya, teman wanita dan teman lelaki kerana hubungan tersebut memberikan maklumat tentang status remaja tersebut dalam kalangan rakan dan sama ada remaja tersebut dianggap normal. Keintiman dan kasih sayang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perhubungan ini juga memberikan remaja satu perhubungan yang intim, boleh dipercayai dan disayangi dengan individu lain dan hubungan ini melibatkan pendedahan kendiri. Menurut Santrock (2010), bagi kebanyakan remaja, menjadi popular dalam kalangan rakan merupakan satu motivasi yang tinggi. Fokus perhubungan mereka adalah dalam memastikan diri mereka digemari oleh rakan dan dilibatkan dalam aktiviti atau perbualan kumpulan rakan. Menurut beliau, semua individu mempunyai keperluan asas sosial seperti keperluan untuk rapat, teman permainan, penerimaan sosial, keintiman dan perhubungan seksual. Sama ada keperluan-keperluan ini dipenuhi menentukan kesejahteraan emosi individu.

Remaja juga perlu membezakan perhubungan intim pada tahap pembentukan identiti. Tahap keenam dalam teori Erikson menyatakan bahawa individu memerlukan perhubungan yang bermakna bagi merasakan dirinya dihargai dan dicintai, dan jika tidak, individu tersebut akan rasa terpinggir. Jika remaja yang belum melengkapkan tahap pembentukan identiti terus memulakan pencarian hubungan intim atau romantik, maka ini akan membawa kepada perasaan gagal, bertukar-tukar pasangan, perasaan tidak diterima dan kebergantungan yang tinggi terhadap pasangan (Santrock, 2010).

Pengaruh rakan sebaya, teman wanita dan teman lelaki dalam menyebabkan remaja merokok, mengambil alkohol, menggunakan dadah dan melakukan hubungan seksual telah dikaji secara meluas dan dibuktikan oleh pelbagai kajian dalam dan luar negara (Alexander et al., 2001; Picotte et al., 2006; Romzi, 2006; Roslee & Mohamed, 2006; Sieving et al., 2006; Synder et al., 2008; Othman & Norazmah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2010; dan Santrock, 2010). Hal ini menjadi petunjuk bahawa pemilihan rakan sebaya, teman wanita dan teman lelaki oleh remaja memerlukan pemerhatian ibu bapa atau orang dewasa agar dapat mencegah penglibatan dalam tingkah laku bermasalah. Rangkaian sosial remaja memerlukan pantauan dan remaja perlu dibimbing dalam memilih perhubungan yang dapat membantu perkembangan dirinya.

5.7.2 Kesimpulan Motif PenolakanTerhadap Rokok, Dadah, Alkohol dan Tingkah Laku Seksual

Dapatan kajian ini menunjukkan tiga motif utama yang menjadi faktor remaja membuat keputusan menolak rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual. Tiga motif ini telah dikenal pasti melalui kekerapan responden kajian memilih faktor tersebut. Faktor-faktor tersebut adalah implikasi negatif terhadap kesihatan iaitu perbuatan tersebut tidak baik untuk kesihatan dan ketakutan mendapat penyakit(100%), perlakuan tidak baik di mata masyarakat (55.4%), dan larangan keluarga (44.5%).

5.7.2.1 Implikasi Negatif Terhadap Kesihatan

Motif remaja tidak terlibat disebabkan implikasi negatif yang mungkin berlaku terhadap kesihatan mereka. Bagi remaja yang menolak untuk terlibat, kesihatan merupakan sati faktor yang penting kerana ianya berkait rapat dengan perancangan masa depan mereka. Menurut Kaya dan Unalan (2010) antara punca tidak merokok yang paling banyak dinyatakan adalah masalah kesihatan secara langsung berkait

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan tabiat merokok, kesan negatif merokok selain kesihatan seperti bau yang busuk dan toksik serta rasional subjektif yang berkait dengan persepsi diri remaja seperti kegembiraan, kekal sihat dan merokok memberi kesan negatif kepada perkembangan. Pernyataan ini turut menyokong dapatan Chewning et al. (2001) bahawa faktor yang berkait secara signifikan dalam mengelak hubungan seksual dan/atau penggunan pencegah kehamilan secara konsisten adalah termasuk tingkah laku rakan yang kurang berisiko dari segi kesihatan, sokongan ibu bapa yang tinggi, pengetahuan dan pemantauan aktiviti remaja dan rakan-rakannya oleh ibu bapa, nilai pencapaian akademik yang tinggi, pencapaian akademik yang tinggi dan kefungsian diri yang lebih tinggi bagi amalan seksual yang selamat.

Pemilihan remaja untuk terus kekal sihat boleh dikaitkan dengan beberapa faktor seperti perkembangan identiti kendiri yang positif, perkembangan emosi yang positif dan kesedaran perancangan masa hadapan. Perkembangan identiti kendiri yang positif adalah satu tahap di mana remaja telah mengalami krisis identiti dan telah membuat komitment (Marcia, 2002). Pada tahap ini, remaja perlu membuat keputusan tentang siapa diri mereka?; apakah sifat-sifat mereka?; dan apakah hala tuju hidup mereka? Mereka perlu menghadapi pelbagai peranan-peranan baharu, dari aspek vokasional sehinggalah perhubungan romantik. Dalam penerokaan identiti ini, remaja akan mengalami satu tempoh yang dipanggil *psychosocial moratorium*. Tempoh ini merupakan satu jurang antara keselesaan ketika kanak-kanak dan kebebasan ketika dewasa. Dalam tempoh ini, remaja sering mencuba pelbagai peranan dan eksperimen diri mereka. Remaja yang berjaya menguruskan tempoh krisis peranan dan identiti akan muncul dengan satu perasaan kendiri yang boleh diterima (Santrock,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2010).Kesihatan yang tidak baik akan mengganggu perancangan kehidupan di masa hadapan dan seterusnya menjadi penghalang untuk mencapai impian mereka.

Ini melonjakkan fokus remaja kepada perkara-perkara yang positif dan mengurangkan risiko keterlibatan dengan aktiviti negatif. Hal ini menunjukkan bahawa remaja akan mendapat manfaat daripada penekanan terhadap nilai dan tanggungjawab sosial dalam konteks keluarga dan sekolah (Damon, 2008). Damon turut membuat kesimpulan bahawa masalah major yang dihadapi oleh remaja masa kini adalah kekurangan kesedaran tentang matlamat hidup mereka. Remaja tidak tahu tentang hala tuju kehidupan mereka dan perkara yang ingin dicapai dalam kehidupan serta rasional di sebalik kehendak mereka. Kebanyakkan matlamat remaja bersifat jangka pendek seperti lulus peperiksaan, berbanding membina perancangan masa hadapan mereka berdasarkan nilai-nilai positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.7.2.2 Perlakuan Tidak Baik di Mata Masyarakat

Pegangan bahawa perlakuan atau penglibatan dengan rokok, dadah, alkohol dan tingkah laku seksual merupakan perlakuan yang tidak baik di mata masyarakat menjadi punca remaja menolak untuk terlibat dengan isu-isu yang dikaji. Perkembangan pemahaman diri remaja adalah kompleks dan melibatkan beberapa aspek diri seperti aspek abstrak dan idealisme, pembezaan, perubahan diri, sifat berlawanan dalam diri, diri sebenar lawan diri ideal, perbandingan sosial, kesedaran kendiri, perlindungan diri dan kendiri bawah sedar (Harter, 2006).Pemahaman diri remaja akan menjadi semakin berbebeza dengan perubahan masa. Remaja lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

